UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

PERBANDINGAN TAHAP KEBOLEHBACAAN BAHAN BACAAN PILIHAN MURID DAN GURU

AISYAH BINTI ADNAN
M20121000683

DISERTASI YANG DIKEMUKAKAN INI UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN BAHASA MELAYU
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2014

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti tahap kebolehbacaan bahan bacaan yang dipilih oleh murid dan tahap kebolehbacaan bahan bacaan yang dipilih oleh guru. Seterusnya perbandingan di antara tahap kebolehbacaan bahan bacaan yang dipilih oleh murid dengan bahan bacaan yang dipilih oleh guru. Reka bentuk kajian yang dijalankan ini berbentuk kuantitatif deskriptif. Kajian ini telah dijalankan di empat buah sekolah rendah yang dibahagikan kepada sekolah bandar dan sekolah luar bandar. Sampel kajian terdiri daripada 144 orang murid sekolah rendah yang telah dipilih oleh guru dari Tahun Satu hingga Tahun Enam. Seramai 24 orang guru Bahasa Melayu terlibat dalam kajian ini. 288 buah bahan bacaan telah dianalisis kandungannya dari aspek jumlah ayat, jumlah patah perkataan dan jumlah suku kata dengan menggunakan Formula Kebolehbacaan Khadijah Rohani (1982). Hasil analisis menunjukkan terdapat perbezaan pemilihan oleh murid dengan guru dari aspek tahap kebolehbacaan bahan dan genre bahan bacaan. Namun demikian dapatan turut menunjukkan persamaan antara pemilihan bahan oleh guru dan murid dari aspek bahan bacaan berilustrasi. Dapatan kajian juga memperlihatkan perbezaan pemilihan tahap kebolehbacaan bahan, genre, dan illustrasi mengikut jantina, lokasi, tahap dan tahun persekolahan murid.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

COMPARISON READABILITY OF THE READING MATERIALS CHOSEN BY STUDENTS AND TEACHERS

ABTRACT

This study is done to identify the readability level of reading materials that have been chosen by the students and teachers. Next, the comparison between reading materials of the students and teachers were made. A quantitative descriptive approach was employed. This study was conducted in four schools which were separated into two categories: urban and rural schools. The samples were 144 primary students which were selected by teachers from Standard One until Standard Six. 24 Malay Language teachers participated in this research. 288 reading materials were analyzed from the aspects of the total sentences, words and syllable by using the Readability Formula of Khadijah Rohani (1982). The results showed that there were difference between reading materials chosen by teachers and students. However, the results also revealed that there were similarity between the selection of the reading materials among the teachers and students in the aspect of illustration. These result also clearly showed that there were differences between the readability level of the materials, genre and illustration according to gender, location, grade and years of schooling.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

KANDUNGAN

Muka surat

PENGHARGAAN iii

ABSTRAK iv

ABTRACT v

KANDUNGAN vi

SENARAI JADUAL x

SENARAI GRAF xvi

SENARAI RAJAH xvii

SENARAI SINGKATAN xviii

BAB 1 PENGENALAN

1.1 Pendahuluan 1

1.2 Masalah Kajian 4

1.3 Objektif Kajian 7

1.4 Soalan Kajian 7

1.5 Kepentingan Kajian 8

1.5.1 Guru Mata Pelajaran 8

1.5.2 Guru Perpustakaan 9

1.5.3 Biro Buku Teks dan Penerbit Buku 9

1.5.4 Ibu Bapa 10

1.6 Batasan Kajian 11

1.7 Definisi Operasional 12

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

1.7.1 Tahap Kebolehbacaan 13

1.7.2 Bahan bacaan 13

1.7.3 Genre 14

1.7.4 Ilustrasi 14

1.7.5 Gambar 14

1.7.6 Guru 15

1.7.7 Kebolehan Membaca Murid 16

1.8 Rumusan 16

BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1 Pendahuluan 17

2.2 Isu-Isu Semasa Yang Berkaitan Dengan Bacaan 18

2.3 Bacaan dan Proses Membaca 23

2.4 Bahan Bacaan 28

2.4.1 Pemilihan Bahan Bacaan 32

2.4.2 Persembahan Bahan Bacaan Dan Ciri-Ciri Bahan 32

Bacaan 37

2.4.3 Pengaruh Bahan Bacaan 42

2.4.4 Genre dan Ilustrasi Bahan Bacaan 46

2.5 Genre dan Ilustrasi Bahan Bacaan 46

2.5.1 Genre 47

2.5.2 Ilustrasi Bahan Bacaan 49

2.6 Kebolehbacaan 56

2.6.1 Konsep Kebolehbacaan 57

2.6.2 Formula Kebolehbacaan 58

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

2.6.3 Kajian-kajian Berkaitan Kebolehbacaan 62

2.7 Kerangka Konsep 71

2.8 Kerangka Analisis Kandungan Bahan Bacaan 73

2.9 Rumusan 73

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN 75

3.1 Pendahuluan 76

3.2 Reka Bentuk Kajian 78

3.3 Sampel kajian 79

3.4 Instrumen Kajian 81

3.4.1 Formula Kebolehbacaan 83

3.4.2 Kesahan dan Kebolehpercayaan 86

3.5 Prosedur Pengumpulan Data 87

3.5.1 Lokasi Kajian 88

3.5.2 Prosedur Pemilihan Bahan Bacaan 90

3.6 Prosedur Menganalisis Data 93

3.7 Rumusan

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1 Pendahuluan 95

4.2 Tahap Kebolehbacaan 97

4.3 Hasil Analisis Kajian 99

4.3.1 Tahap Kebolehbacaan Bahan Bacaan Pilihan Murid 100

4.3.2 Tahap Kebolehbacaan Bahan Bacaan Pilihan Guru 109

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

4.3.3 Perbandingan Tahap Kebolehbacaan Bahan Bacaan Pilihan Murid dengan Guru 133

4.3.4 Genre dan Ilustrasi pada Bahan Bacaan Pilihan Murid dan Guru 157

4.3.5 Perbandingan Genre dan Ilustrasi Bahan Bacaan Pilihan Murid dengan Guru 193

4.4 Rumusan 229

BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1 Pendahuluan 231

5.2 Perbincangan dan Kesimpulan 233

5.2.1 Perbincangan Hasil Analisis Tahap Kebolehbacaan Bahan Bacaan Pilihan Murid 236

5.2.2 Perbincangan Hasil Analisis Tahap Kebolehbacaan Bahan Bacaan Pilihan Guru 238

5.2.3 Perbincangan Hasil Analisis Perbandingan Tahap Kebolehbacaan Bahan Bacaan Pilihan Murid dengan Guru 243

5.2.4 Perbincangan Hasil Analisis Genre dan Ilustrasi Bahan Bacaan Pilihan Murid dan Guru 247

5.2.5 Perbincangan Perbandingan Hasil Analisis Genre dan Ilustrasi Bahan Bacaan Pilihan Murid dan Guru 251

5.3 Implikasi dan Cadangan 254

5.4 Kajian Lanjutan 259

5.5 Kesimpulan 261

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

RUJUKAN

LAMPIRAN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
3.1	Tahap Kebolehbacaan Bahan Bacaan dan Darjah/Tingkatan Murid	83
3.2	Lokasi Kajian	87
3.3	Jadual Penganalisisan Data Keseluruhan	91
4.1	Jadual Tahap Kebolehbacaan Bahan Bacaan Pilihan Murid Secara Keseluruhan	94
4.2	Jadual Tahap Kebolehbacaan Bahan Bacaan Pilihan Murid Tahun Satu Berdasarkan Jantina Dan Lokasi	100
4.3	Jadual Tahap Kebolehbacaan Bahan Bacaan Pilihan Murid Tahun Dua Berdasarkan Jantina dan Lokasi	102
4.4	Jadual Tahap Kebolehbacaan Bahan Bacaan Pilihan Murid Tahun Tiga Berdasarkan Jantina dan Lokasi	104
4.5	Jadual Tahap Kebolehbacaan Bahan Bacaan Pilihan Murid Tahun Empat Berdasarkan Jantina dan Lokasi	106
4.6	Jadual Tahap Kebolehbacaan Bahan Bacaan Pilihan Murid Tahun Lima Berdasarkan Jantina dan Lokasi	103
4.7	Jadual Tahap Kebolehbacaan Bahan Bacaan Pilihan Murid Tahun Enam Berdasarkan Jantina dan Lokasi	107
4.8	Jadual Tahap Kebolehbacaan Bahan Bacaan Pilihan Guru Secara Keseluruhan	123
4.9	Jadual Tahap Kebolehbacaan Bahan Bacaan Pilihan Guru Tahun Satu Berdasarkan Jantina dan Lokasi	126
4.10	Jadual Tahap Kebolehbacaan Bahan Bacaan Pilihan Guru Tahun Dua Berdasarkan Jantina dan Lokasi	130
4.11	Jadual Tahap Kebolehbacaan Bahan Bacaan Pilihan Guru Tahun Tiga Berdasarkan Jantina dan Lokasi	132
4.12	Jadual Tahap Kebolehbacaan Bahan Bacaan Pilihan Guru Tahun Empat Berdasarkan Jantina dan Lokasi	133
4.13	Jadual Tahap Kebolehbacaan Bahan Bacaan Pilihan Guru	135

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Tahun Lima Berdasarkan Jantina dan Lokasi

4.14 Jadual Tahap Kebolehbacaan Bahan Bacaan Pilihan Guru Tahun Enam Berdasarkan Jantina dan Lokasi 136

4.15 Jadual Perbandingan Tahap Kebolehbacaan Bahan Bacaan Pilihan Murid dan Guru Secara Keseluruhan Bagi Tahap Satu 137

4.16 Jadual Perbandingan Tahap Kebolehbacaan Bahan Bacaan Pilihan Murid dan Guru Secara Keseluruhan Bagi Tahap Dua 140

4.17 Jadual Perbandingan Tahap Kebolehbacaan Bahan Bacaan Pilihan Murid dan Guru Tahun Satu Berdasarkan Jantina 143

4.18 Jadual Perbandingan Tahap Kebolehbacaan Bahan Bacaan Pilihan Murid dan Guru Berdasarkan Lokasi 144

4.19 Jadual Perbandingan Tahap Kebolehbacaan Bahan Bacaan Pilihan Murid dan Guru Tahun Dua Berdasarkan Jantina 146

4.20 Jadual Perbandingan Tahap Kebolehbacaan Bahan Bacaan Pilihan Murid dan Guru Tahun Dua Berdasarkan Lokasi 147

4.21 Jadual Perbandingan Tahap Kebolehbacaan Bahan Bacaan Pilihan Murid dan Guru Tahun Tiga Berdasarkan Jantina 149

4.22 Jadual Perbandingan Tahap Kebolehbacaan Bahan Bacaan Pilihan Murid dan Guru Tahun Tiga Berdasarkan Lokasi 150

4.23 Jadual Perbandingan Tahap Kebolehbacaan Bahan Bacaan Pilihan Murid dan Guru Tahun Empat Berdasarkan Jantina 152

4.24 Jadual Perbandingan Tahap Kebolehbacaan Bahan Bacaan Pilihan Murid dan Guru Tahun Empat Berdasarkan Lokasi 153

4.25 Jadual Perbandingan Tahap Kebolehbacaan Bahan Bacaan Pilihan Murid dan Guru Tahun Lima Berdasarkan Jantina 155

4.26 Jadual Perbandingan Tahap Kebolehbacaan Bahan Bacaan Pilihan Murid dan Guru Tahun Lima Berdasarkan Lokasi 156

4.27 Jadual Perbandingan Tahap Kebolehbacaan Bahan Bacaan Pilihan Murid dan Guru Tahun Enam Berdasarkan Jantina 158

4.28 Jadual Perbandingan Tahap Kebolehbacaan Bahan Bacaan Pilihan Murid dan Guru Tahun Enam Berdasarkan Lokasi 159

4.29 Jadual Genre Bahan Bacaan Pilihan Murid Secara Keseluruhan 163

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

4.30	Jadual Genre Bahan Bacaan Pilihan Murid Tahun Satu	166
4.31	Jadual Genre Bahan Bacaan Pilihan Murid Tahun Dua	167
4.32	Jadual Genre Bahan Bacaan Pilihan Murid Tahun Tiga	168
4.33	Jadual Genre Bahan Bacaan Pilihan Murid Tahun Empat	169
4.34	Jadual Genre Bahan Bacaan Pilihan Murid Tahun Lima	170
4.35	Jadual Genre Bahan Bacaan Pilihan Murid Tahun Enam	171
4.36	Jadual Genre Bahan Bacaan Pilihan Guru Secara Keseluruhan	173
4.37	Jadual Genre Bahan Bacaan Pilihan Guru Tahun Satu	176
4.38	Jadual Genre Bahan Bacaan Pilihan Guru Tahun Dua	177
4.39	Jadual Genre Bahan Bacaan Pilihan Guru Tahun Tiga	178
4.40	Jadual Genre Bahan Bacaan Pilihan Guru Tahun Empat	179
4.41	Jadual Genre Bahan Bacaan Pilihan Guru Tahun Lima	180
4.42	Jadual Genre Bahan Bacaan Pilihan Guru Tahun Enam	181
4.43	Jadual Ilustrasi Bahan Bacaan Pilihan Murid Secara Keseluruhan	183
4.44	Jadual Ilustrasi Pada Bahan Bacaan Pilihan Murid Tahun Satu	184
4.45	Jadual Ilustrasi Pada Bahan Bacaan Pilihan Murid Tahun Dua	185
4.46	Jadual Ilustrasi Pada Bahan Bacaan Pilihan Murid Tahun Tiga	185
4.47	Jadual Ilustrasi Pada Bahan Bacaan Pilihan Murid Tahun Empat	186
4.48	Jadual Ilustrasi Pada Bahan Bacaan Pilihan Murid Tahun Lima	187
4.49	Jadual Ilustrasi Pada Bahan Bacaan Pilihan Murid Tahun Enam	188
4.50	Jadual Ilustrasi Pada Bahan Bacaan Pilihan Guru Secara	189

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Keseluruhan

4.51 Jadual Ilustrasi Bahan Bacaan Pilihan Guru Tahun Satu 190

4.52 Jadual Ilustrasi Bahan Bacaan Pilihan Guru Tahun Dua 191

4.53 Jadual Ilustrasi Bahan Bacaan Pilihan Guru Tahun Tiga 192

4.54 Jadual Ilustrasi Bahan Bacaan Pilihan Guru Tahun Empat 193

4.55 Jadual Ilustrasi Bahan Bacaan Pilihan Guru Tahun Lima 194

4.56 Jadual Ilustrasi Bahan Bacaan Pilihan Guru Tahun Enam 194

4.57 Jadual Perbandingan Genre Bahan Bacaan Pilihan Murid dan Guru Bagi Murid Tahap Satu 198

4.58 Jadual Perbandingan Genre Bahan Bacaan Pilihan Murid dan Guru Bagi Murid Tahap Dua 200

4.59 Jadual Perbandingan Genre Bahan Bacaan Pilihan Murid Dengan Guru Tahun Satu Mengikut Jantina 202

4.60 Jadual Perbandingan Genre Bahan Bacaan Pilihan Murid Dengan Guru Tahun Satu Mengikut Lokasi 203

4.61 Jadual Perbandingan Genre Bahan Bacaan Pilihan Murid Dengan Guru Tahun Dua Mengikut Jantina 205

4.62 Jadual Perbandingan Genre Bahan Bacaan Pilihan Murid Dengan Guru Tahun Dua Mengikut Lokasi 206

4.63 Jadual Perbandingan Genre Bahan Bacaan Pilihan Murid Dengan Guru Tahun Tiga Mengikut Jantina 207

4.64 Jadual Perbandingan Genre Bahan Bacaan Pilihan Murid Dengan Guru Tahun Tiga Mengikut Lokasi 209

4.65 Jadual Perbandingan Genre Bahan Bacaan Pilihan Murid Dengan Guru Tahun Empat Mengikut Jantina 211

4.66 Jadual Perbandingan Genre Bahan Bacaan Pilihan Murid Dengan Guru Tahun Empat Mengikut Lokasi 211

4.67 Jadual Perbandingan Genre Bahan Bacaan Pilihan Murid Dengan Guru Tahun Lima Mengikut Jantina 212

4.68 Jadual Perbandingan Genre Bahan Bacaan Pilihan Murid Dengan Guru Tahun Lima Mengikut Lokasi 214

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

4.69	Jadual Perbandingan Genre Bahan Bacaan Pilihan Murid Dengan Guru Tahun Enam Mengikut Jantina	215
4.70	Jadual Perbandingan Genre Bahan Bacaan Pilihan Murid Dengan Guru Tahun Enam Mengikut Lokasi	216
4.71	Jadual Perbandingan Ilustrasi Bahan Bacaan Pilihan Murid Dengan Guru Bagi Murid Tahap Satu	218
4.72	Jadual Perbandingan Ilustrasi Bahan Bacaan Pilihan Murid Dengan Guru Bagi Murid Tahap Dua	219
4.73	Jadual Perbandingan Ilustrasi Bahan Bacaan Pilihan Murid Dengan Guru Tahun Satu Berdasarkan Jantina	221
4.74	Jadual Perbandingan Ilustrasi Bahan Bacaan Pilihan Murid Dengan Guru Tahun Satu Berdasarkan Lokasi	222
4.75	Jadual Perbandingan Ilustrasi Bahan Bacaan Pilihan Murid Dengan Guru Tahun Dua Berdasarkan Jantina	223
4.76	Jadual Perbandingan Ilustrasi Bahan Bacaan Pilihan Murid Dengan Guru Tahun Dua Berdasarkan Lokasi	224
4.77	Jadual Perbandingan Ilustrasi Bahan Bacaan Pilihan Murid Dengan Guru Tahun Tiga Berdasarkan Jantina	225
4.78	Jadual Perbandingan Ilustrasi Bahan Bacaan Pilihan Murid Dengan Guru Tahun Tiga Berdasarkan Lokasi	226
4.79	Jadual Perbandingan Ilustrasi Bahan Bacaan Pilihan Murid Dengan Guru Tahun Empat Berdasarkan Jantina	227
4.80	Jadual Perbandingan Ilustrasi Bahan Bacaan Pilihan Murid Dengan Guru Tahun Empat Berdasarkan Lokasi	228
4.81	Jadual Perbandingan Ilustrasi Bahan Bacaan Pilihan Murid Dengan Guru Tahun Lima Berdasarkan Jantina	229
4.82	Jadual Perbandingan Ilustrasi Bahan Bacaan Pilihan Murid Dengan Guru Tahun Lima Berdasarkan Lokasi	230
4.83	Jadual Perbandingan Ilustrasi Bahan Bacaan Pilihan Murid Dengan Guru Tahun Enam Berdasarkan Jantina	231
4.84	Jadual Perbandingan Ilustrasi Bahan Bacaan Pilihan Murid Dengan Guru Tahun Enam Berdasarkan Lokasi	232

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

SENARAI GRAF

No. Graf		Muka Surat
4.1	Graf Tahap Kebolehbacaan Bahan Bacaan Pilihan Guru Berdasarkan Jantina dan Lokasi Sekolah	108
4.2	Graf Tahap Kebolehbacaan Bahan Bacaan Pilihan Guru Berdasarkan Umur	110
4.3	Graf Tahap Kebolehbacaan Bahan Bacaan Pilihan Guru Berdasarkan Pengalaman Mengajar	113
4.4	Graf Tahap Kebolehbacaan Bahan Bacaan Pilihan Guru Berdasarkan Pengalaman Mengajar Subjek Bahasa Melayu	116
4.5	Graf Tahap Kebolehbacaan Bahan Bacaan Pilihan Guru Berdasarkan Kelulusan Tertinggi	120
4.6	Graf Tahap Kebolehbacaan Bahan Bacaan Pilihan Guru Berdasarkan Opsyen	123

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
2.1	Visual of Reading	24
2.2	A New Model of Readability	64
2.3	Kerangka Konsep Perbandingan Bahan Bacaan Pilihan Murid dan Guru	66
2.4	Kerangka Analisis Kandungan	68
3.1	Pemilihan Sampel Kajian	74
3.2	Prosedur Pengumpulan Data	83

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

SENARAI SINGKATAN

Senarai Singkatan	Maksud
BM	Bahasa Melayu
Dip	Diploma
IS	Ijazah Sarjana
ISM	Ijazah Sarjana Muda
KH	Kemahiran Hidup
KS	Kajian Sosial
KT	Kajian Tempatan
Muz	Muzik
PM	Pengajian Melayu
PMSR	Pengajian Melayu Sekolah Rendah
S/KT	Sains/Kajian Tempatan
SAP	Sijil Asas Perguruan
Sej	Sejarah
SK	Sains Komputer
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
STPM	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
TK	Tahap Kebolehbacaan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

BAB 1

PENGENALAN

1.0 Pendahuluan

Bahan bacaan adalah penting untuk memperluaskan pengetahuan dan penguasaan berbahasa seseorang murid. Secara umumnya, bahan bacaan merangkumi buku, akhbar, majalah, surat, brosure, terbitan berkala, dan sebagainya. Bahan-bahan bacaan ini ada dalam bentuk bercetak ataupun elektronik. Bahan-bahan bacaan yang dalam pelbagai bentuk tersebut mempunyai aras kesukaran yang berbeza-beza. Untuk mengetahui perbezaan aras kesukaran bahan bacaan tersebut, seseorang itu perlulah mempunyai pengetahuan dalam aspek kebolehbacaan. Dahlia Janan (2003)

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

mentakrifkan kebolehbacaan sebagai konsep untuk menentukan tahap susah senang sesebuah bahan bacaan untuk dibaca. Pengetahuan berkaitan kebolehbacaan ini boleh membantu seseorang guru untuk mengetahui darjah susah senang sesebuah bahan bacaan sebelum diberikan kepada murid. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan untuk melihat tahap kebolehbacaan bahan bacaan antara murid dan guru.

Dalam bab satu ini, pengkaji turut menghuraikan latar belakang, masalah, objektif, soalan, kepentingan, batasan dan definisi operasional kajian. Kesemua aspek ini akan dihuraikan secara rinci dalam bahagian yang berikutnya.

1.1 Latar belakang

Membaca merupakan satu aktiviti yang sihat. Aktiviti ini merupakan salah satu terapi minda dalam menambah pengetahuan sedia ada. Walau bagaimanapun, untuk memperoleh ilmu pengetahuan, pemilihan dan tapisan maklumat perlu dilakukan ketika memilih bahan bacaan. Pemilihan ini dilakukan supaya ilmu yang digarap oleh penulis di dalam bahan bacaan yang dibaca dapat diserap oleh pembaca.

Di rumah, ibu bapa yang memainkan peranan dalam menyemai minat dan juga tabiat membaca terhadap anak-anak mereka. Di sekolah pula, guru merupakan ibu bapa kedua kepada murid-murid dan para pelajar. Mereka bertanggungjawab menggalas peranan ibu bapa dalam mendidik dan mengisi ilmu ke dalam diri anak-anak semasa berada di kawasan sekolah. Guru pula bertanggungjawab membentuk

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

murid-murid beracuan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang menjadi teras pegangan dalam sistem pendidikan di Malaysia. Oleh yang demikian, perkembangan potensi individu setiap murid harus dikembangkan secara menyeluruh merangkumi aspek intelek, rohani, emosi, jasmani dan penambahan sosial agar pada masa akan datang murid-murid ini dapat menyumbang kepada kesediaan mereka berkhidmat dalam masyarakat.

Guru merupakan fokus utama dalam mentransformasi pendidikan seperti yang diwar-warkan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Hal ini kerana guru merupakan sumber utama dalam mempertingkat dan memperkasakan kualiti pendidikan Malaysia. Sehubungan dengan itu, guru perlu bersama-sama menggembleng tenaga dalam meningkatkan tahap penguasaan kemahiran berbahasa yang merangkumi kemahiran membaca, menulis, mengira dan menaakul kepada murid-murid. Dengan peningkatan kemahiran asas berbahasa ini, literasi dalam kalangan murid-murid dapat diperkasakan. Seterusnya, daya saing negara dengan negara luar dalam aspek pendidikan dapat ditingkatkan.

Memang tidak dapat dinafikan, penguasaan, penyebaran serta penambahan sesuatu ilmu pengetahuan adalah melalui pembacaan. Pemilihan bahan bacaan yang baik dan sepadan dengan pembaca dapat meningkatkan penguasaan maklumat yang baru. Bagi tujuan menambah serta meningkatkan ilmu pengetahuan, bahan bacaan yang dipilih haruslah bermanfaat untuk diguna dan diaplikasikan dalam kehidupan seharian. Misalnya, murid-murid yang berada di sekolah rendah memerlukan bahan bacaan yang mempunyai ciri-ciri seperti: 1) perkataan-perkataan yang mudah; 2) ayat-ayat mudah yang boleh difahami dengan cepat; 3) susun atur dalaman bahan bacaan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

seperti perenggan disamaratakan atau tidak; 4) legibiliti bahan bacaan dari segi jenis tulisan, saiz tulisan, dan sebagainya; 5) ilustrasi yang dapat membantu murid-murid lebih memahami bahan yang dibaca; 6) genre bahan bacaan, sama ada berbentuk fantasi, sastera tradisional mahupun fiksyen dan sebagainya; 7) bentuk fizikal buku seperti jenis kertas yang digunakan, saiz buku sama ada besar, kecil atau lebar; dan 8) gaya penulisan yang pelbagai mengikut cita rasa penulis menjadi tarikan minat murid-murid untuk membaca (Dahlia Janan, 2011).

Kesimpulannya, guru dan ibu bapalah yang harus memainkan peranan memilih bahan bacaan yang betul, sesuai, bermaklumat, dan dapat menarik minat serta menambah pengetahuan sedia ada murid atau anak-anak. Penguasaan hasil daripada pemilihan bahan bacaan yang sesuai, dapat memperkasakan kebolehan murid menguasai kosa kata dengan lebih meluas di samping dapat mencetuskan idea yang bermanfaat seperti dalam penulisan karangan. Secara tidak langsung, murid dapat berfikir dengan matang apabila berkomunikasi, dapat mengeluarkan idea yang bernas sewaktu sesi pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Bahasa Melayu serta dapat meningkatkan keyakinan diri mereka untuk bersaing di dalam kelas.

1.2 Masalah kajian

Kajian dalam bidang kebolehbacaan yang telah dijalankan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu adalah seperti Jamilah Ahmad (1991) dan Maszuraini (2005). Pengkaji hanya menilai tahap kebolehbacaan bahan bacaan ke atas buku teks bahasa Melayu

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

dan teks komponen sastesa (KOMSAS) sahaja. Namun begitu, tiada kajian yang dijalankan untuk menilai tahap kebolehbacaan bahan bacaan buku-buku cerita. Maka dengan kelompangan ini, pengkaji ingin melihat tahap kebolehbacaan bahan bacaan atau buku-buku cerita yang ditempatkan diperpustakaan sekolah. Sekolah yang akan dikaji ialah sekolah rendah dan sampel yang dipilih terdiri daripada murid-murid dari tahun satu hingga tahun enam sahaja.

Kajian yang dijalankan oleh Abdul Hakeem Misnan (2014), hanya mengkaji kriteria bahan bacaan yang dipilih oleh guru subjek bahasa Melayu di sekolah rendah. Namun demikian, kajian ini terhad kepada kriteria bahan bacaan yang dipilih oleh murid dan guru sahaja. Pengkaji tidak mengkaji tahap kebolehbacaan bahan bacaan yang dipilih oleh murid dan tahap kebolehbacaan bahan bacaan yang dipilih oleh guru. Oleh itu, pengkaji merasa perlunya kajian lanjutan untuk mengetahui tahap kebolehbacaan bahan bacaan yang dipilih oleh murid dan tahap kebolehbacaan bahan bacaan yang dipilih oleh guru serta membandingkan tahap kebolehbacaan bahan bacaan yang dipilih oleh murid dengan tahap kebolehbacaan bahan bacaan yang dipilih oleh guru.

Kajian yang telah dijalankan oleh Zainiah Mohamed Isa (2008), hanya melihat ciri-ciri bahan bacaan sahaja tetapi tidak melihat aspek tahap kebolehbacaan bahan bacaan yang disediakan oleh guru-guru Bahasa Melayu. Bahan bacaan yang dikaji, hanya dipilih oleh guru sahaja dan terhad di bilik darjah prasekolah sahaja. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan untuk mengetahui tahap kebolehbacaan bahan bacaan yang dipilih oleh guru-guru selain mengetahui ciri-ciri bahan bacaan yang dipilih oleh guru di sekolah rendah.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Selain itu, kajian-kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu seperti Arba'ie Sujud dan Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi (2011) dan Zainiah Mohamed Isa (2009), hanya terhad melihat genre dan ilustrasi bahan bacaan atau kriteria pemilihan sesebuah bahan bacaan yang dipilih oleh murid atau guru sahaja. Walau bagaimanapun, para pengkaji tidak melihat aspek tahap kebolehbacaan bahan bacaan yang dipilih oleh murid dan guru. Kekurangan ini menjadikan, pengkaji ingin mengetahui tahap kebolehbacaan bahan bacaan yang dipilih oleh murid dan guru, mengetahui perbezaan tahap kebolehbacaan bahan bacaan yang dipilih oleh murid dengan guru serta mengetahui genre dan ilustrasi bahan bacaan yang dipilih oleh murid dan guru.

Kajian yang telah dijalankan oleh Mahzan Arshad (2007) hanya meninjau persembahan bahan bacaan untuk kanak-kanak yang diterbitkan di Malaysia. Kajian oleh Zainiah Mohamed Isa (2008) pula, berkaitan dengan ciri-ciri bahan bacaan dan terhad untuk murid di prasekolah sahaja dan tidak melibatkan murid di sekolah rendah. Sehubungan dengan itu, kajian ini dijalankan untuk mengetahui persembahan bahan bacaan yang dipilih oleh murid dan guru dari segi ilustrasi pada bahan bacaan dan genre yang dipilih oleh murid dan guru. Di samping itu juga, pengkaji ingin mengetahui bahan bacaan yang dipilih oleh murid dan guru dari segi ilustrasi dan genre bahan bacaan di samping mengetahui tahap kebolehbacaan bahan bacaan yang dipilih oleh murid dan guru.

Sehubungan dengan itu, pengkaji berpandangan satu kajian mengenai tahap kebolehbacaan bahan bacaan untuk murid dan di sekolah rendah wajar dijalankan bagi meninjau perbezaan tahap kebolehbacaan bahan bacaan yang dipilih oleh murid

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

dan tahap kebolehbacaan bahan bacaan yang dipilih oleh guru di sekolah rendah. Menerusi kajian ini, guru mendapat pengetahuan dalam menilai sesebuah bahan bacaan sebelum dipadankan mengikut tahap perkembangan murid-murid di sekolah rendah.

1.3 Objektif kajian

Objektif kajian ini dilakukan adalah seperti berikut:

1. Mengenal pasti tahap kebolehbacaan bahan bacaan yang dipilih oleh murid;
2. Mengenal pasti tahap kebolehbacaan bahan bacaan yang dipilih oleh guru;
3. Membandingkan tahap kebolehbacaan bahan bacaan yang dipilih sendiri oleh murid dengan tahap kebolehbacaan bahan bacaan yang dipilih oleh guru;
4. Mengenal pasti genre dan ilustrasi pada bahan bacaan pilihan murid dan guru;
5. Membandingkan genre dan ilustrasi pada bahan bacaan yang dipilih oleh murid dengan genre dan ilustrasi bahan bacaan yang dipilih oleh guru.

1.4 Soalan kajian

Kajian yang dilakukan ini perlu menjawab persoalan-persoalan seperti berikut:

1. Apakah tahap kebolehbacaan bahan bacaan yang dipilih oleh murid?
2. Apakah tahap kebolehbacaan bahan bacaan yang dipilih oleh guru?

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

3. Apakah perbezaan tahap kebolehbacaan bahan bacaan yang dipilih oleh murid dengan tahap kebolehbacaan bahan bacaan yang dipilih oleh guru?
4. Apakah genre dan ilustrasi bahan bacaan yang dipilih oleh murid dan guru?
5. Apakah perbezaan genre dan ilustrasi bahan bacaan yang dipilih oleh murid dengan bahan bacaan yang dipilih oleh guru?

1.5 Kepentingan kajian

Kajian ini dijalankan untuk mengetahui tahap kebolehbacaan bahan bacaan yang dipilih oleh murid dengan tahap kebolehbacaan bahan bacaan yang dipilih oleh guru. Selain itu juga, kajian ini dilakukan untuk mengetahui jenis ilustrasi yang terdapat di dalam bahan bacaan yang dipilih oleh murid dan guru serta mengetahui genre bahan bacaan yang dipilih oleh murid dan guru. Oleh yang demikian, kajian ini berkepentingan kepada pihak-pihak seperti yang berkut:

1.5.1 Guru mata pelajaran

Guru-guru berperanan dalam menyediakan bahan bacaan yang bersesuaian dengan mata pelajaran yang diajar, terutamanya mata pelajaran Bahasa Melayu. Apa yang pasti, bahan bacaan yang bersesuaian diyakini dapat menimbulkan minat dalam diri murid-murid untuk belajar dan juga dapat membantu meningkatkan lagi pencapaian kognitif murid-murid dengan penambahan ilmu pengetahuan yang baharu. Menerusi kajian ini, guru mendapat kesedaran untuk menyediakan bahan bacaan yang pelbagai

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

aras untuk murid-murid di dalam kelas. Ini dengan mengaplikasikan kaedah penentuan tahap kebolehbacaan bahan bacaan dari segi perbendaharaan kata, struktur ayat di dalam satu ayat tunggal atau ayat gabungan dan penggunaan ilustrasi serta gambar yang dimuatkan di dalam sesebuah bahan bacaan. Hal ini demikian kerana keupayaan penguasaan berbahasa dan pengetahuan sedia ada murid adalah berbeza-beza, walaupun mereka berada di dalam satu kelas yang sama.

1.5.2 Guru perpustakaan

Menerusi kajian ini, guru perpustakaan dapat menyediakan bahan bacaan mengikut klasifikasi yang berbeza-beza. Seperti bahan bacaan yang mempunyai ilustrasi dan gambar yang pelbagai, bahan bacaan yang mempunyai bahasa yang mudah, serta dapat menyusun bahan bacaan yang disediakan mengikut aras yang berbeza-beza. Hal ini supaya murid dapat memilih bahan bacaan yang diminati oleh mereka mengikut tahap penguasaan berbahasa murid. Usaha ini diyakini dapat membantu meningkatkan lagi motivasi murid-murid untuk menjadikan aktiviti membaca sebagai hobi di samping boleh menjadi daya tarikan kepada murid-murid untuk sentiasa berkunjung ke perpustakaan sekolah

1.5.3 Biro buku teks dan penerbit buku

Menerusi kajian ini diharapkan pihak biro buku teks dan penerbit buku dapat mengambil inisiatif dengan menyediakan buku-buku latihan yang berkualiti dari segi persembahan dalaman atau kandungan bahan bacaan. Persembahan dalaman bahan bacaan merangkumi aspek penggunaan ilustrasi dan gambar yang berwarna, jelas

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

serta terang supaya dapat menarik minat membaca murid. Selain itu, bahasa yang digunakan adalah mudah bagi murid di sekolah rendah ataupun mengikut aras perkembangan usia murid, serta mempunyai kepelbagaian genre bahan bacaan. Selain itu, pihak penerbitan juga boleh menyediakan bahan bacaan yang mempunyai genre yang sama tetapi, tahap kebolehbacaannya adalah mengikut tahap perkembangan murid. Hal ini supaya bahan bacaan tersebut mudah difahami dan murid dapat memilih bahan bacaan mengikut aras mereka walaupun bahan bacaan tersebut terdiri daripada genre yang sama.

1.5.4 Ibu bapa

Menerusi kajian ini, ibu bapa dapat memilih bahan bacaan yang berpadanan dengan aras pengetahuan anak-anak mereka untuk dijadikan sebagai bahan bacaan tambahan di rumah. Menerusi kajian ini, ibu bapa dapat mengetahui bahan bacaan yang boleh disesuaikan untuk anak-anak berdasarkan jantina dan lokasi persekitaran tempat tinggal yang didiami oleh anak-anak. Hal ini kerana perkembangan psikologi juga mempengaruhi minat serta motivasi ke atas sesebuah bahan bacaan. Sekiranya bahan bacaan yang diberikan di luar pengetahuan murid, minat membaca akan menurun. Oleh yang demikian, pentingnya kajian ini dijalankan agar dapat membantu ibu bapa memilih bahan bacaan untuk anak-anak yang berlainan jantina serta berada di lokasi yang berbeza-beza.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

1.6 Batasan kajian

Di dalam kajian ini, pengkaji membataskan sampel kajian terhad kepada murid dan guru di sekolah rendah sahaja. Sampel murid terdiri daripada murid tahun satu hingga tahun enam. Bagi setiap tahun persekolahan murid, pengkaji hanya membataskan seramai enam orang murid sekolah rendah yang tiga orang daripadanya perempuan dan tiga orang daripadanya pula ialah lelaki. Oleh demikian, jumlah murid yang terlibat adalah seramai 36 orang bagi sebuah sekolah dan jumlah keseluruhan murid yang terlibat adalah seramai 144 orang di empat buah sekolah yang berlainan.

Sampel guru pula, pengkaji membataskan hanya seramai enam orang guru sekolah rendah sahaja yang dipilih dalam kajian ini. Guru yang dipilih pula, terbatas kepada guru yang mengajar subjek Bahasa Melayu dan merupakan guru kepada murid-murid yang dipilih sebagai sampel kajian ini. Maka, jumlah guru yang dijadikan sampel adalah seramai 24 orang guru sekolah rendah di empat buah sekolah sahaja.

Selain itu, di dalam kajian ini juga pemboleh ubah yang akan dikaji terbatas kepada pemboleh ubah tidak bersandar, iaitu lokasi. Dalam kajian ini, lokasi kajian terdiri daripada lokasi bandar dan luar bandar. Di samping pemboleh ubah tidak bersandar lokasi kajian, terdapat juga pemboleh ubah tidak bersandar, iaitu jantina murid yang dibahagikan kepada lelaki dan perempuan.

Pemboleh ubah bersandar di dalam kajian ini melibatkan tahap kebolehbacaan bahan bacaan, ilustrasi dan genre bahan bacaan yang dipilih oleh murid dan guru di

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

sekolah rendah sahaja. Limitasi bahan bacaan di dalam kajian ini terbatas kepada bahan bacaan bahasa Melayu dan yang bercetak sahaja.

Selain itu juga, batasan kajian ini untuk melihat perbezaan tahap kebolehbacaan bahan bacaan yang dipilih oleh murid dengan guru di samping, mengetahui perbezaan ilustrasi pada bahan bacaan serta genre bahan bacaan yang dipilih oleh murid dengan guru. Namun demikian, reka bentuk kajian ini bukan berbentuk korelasi untuk melihat signifikan perbezaan antara tahap kebolehbacaan bahan bacaan antara pilihan murid dengan guru. Tetapi, kajian ini dijalankan hanya terbatas untuk melihat perbezaan antara tahap kebolehbacaan bahan bacaan yang dipilih oleh murid dengan guru dan perbezaan antara ilustrasi pada bahan bacaan serta genre bahan bacaan yang dipilih oleh murid dengan guru sahaja.

1.7 Definisi operasional

Definisi operasional merujuk kepada definisi ke atas operasi kajian dan konsep dasar yang menunjangi kajian yang dilakukan. Hal ini supaya konsep yang digunakan tidak disalah tafsir oleh pembaca kelak. Oleh yang demikian, beberapa konsep dasar atau istilah telah digunakan dalam kajian ini seperti, tahap kebolehbacaan, bahan bacaan, genre, ilustrasi, gambar, guru dan kebolehban membaca murid. Definisi operasional istilah-istilah tersebut adalah:

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

1.7.1 Tahap kebolehbacaan

Tahap kebolehbacaan ialah kaedah yang dibangunkan untuk mengkaji dan menilai tahap atau darjah susah atau senang sesuatu bahan bacaan atau buku yang dibaca (Khadijah Rohani, 1985). Konsep ini menekankan kemampuan seseorang pembaca untuk membaca dan memahami bahan bacaan. Sehubungan dengan itu, di dalam kajian ini, tahap kebolehbacaan merujuk kepada tahap atau darjah susah senang sesebuah bahan bacaan untuk dibaca. Tahap susah senang ini diukur dengan menggunakan formula kebolehbacaan bahan bacaan dalam Bahasa Melayu yang ditubuhkan oleh Khadijah Rohani (1982).

1.7.2 Bahan bacaan

Menurut Kementerian Pelajaran Malaysia, bahan bacaan merujuk kepada semua bahan yang dihasilkan dalam bentuk yang bercetak sahaja. Antara contoh bahan bacaan meliputi semua buku bacaan tambahan atau rujukan, buku kerja, majalah, poster, dan lain-lain yang bercetak. Bahan bacaan ini digunakan supaya dapat menyokong proses pengajaran dan pembelajaran guru dan murid-murid. Dalam kajian ini, bahan bacaan adalah merujuk kepada bahan bacaan dalam bahasa Melayu dan dalam bentuk yang bercetak sahaja. Bahan bacaan ini hanya terhad di dalam perpustakaan sekolah yang dipilih sebagai lokasi kajian.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

1.7.3 Genre

Menurut Harris, 1995 (dalam Dahlia Janan, 2011) genre adalah kategori, kelas atau jenis berkaitan dengan sesebuah karya atau idea yang dihasilkan oleh penulis. Dalam kajian ini, genre merujuk kepada jenis-jenis cerita yang dipilih oleh murid dan guru. Sebanyak lapan jenis genre yang kelaskan oleh pengkaji, iaitu misteri dan penyiasatan, haiwan, sahabat, keluarga, patriotik, pendidikan, cerita rakyat, dan agama.

1.7.4 Ilustrasi

Menurut Arba'ie Sujud dan Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi (2011), ilustrasi atau gambar yang ingin dimuatkan di dalam sesebuah bahan bacaan memerlukan kepakaran daripada pelukis-pencerita serta pelukis tersebut harus mempunyai kemahiran yang tinggi untuk melukis dan melakar gambaran berdasarkan jalan cerita yang dikarang. Oleh yang demikian, ilustrasi dalam kajian ini merujuk kepada ilustrasi yang dihasilkan dalam bentuk lakaran oleh pengilustrasi atau pelukis tentang watak, suasana latar belakang dan sebagainya untuk dimuatkan di dalam bahan bacaan yang akan dihasilkan dan diterbitkan.

1.7.5 Gambar

Menurut Jayme Andrews, Laurens Scharff, dan Lauries Moses (2002), gambar mempunyai bentuk yang realistik dengan apa yang digambarkan melalui jalan cerita

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

dan menyerupai fotografi. Maka, dalam kajian ini, gambar merujuk kepada gambar yang dimuatkan di dalam bahan bacaan dalam bentuk fotografi dan berbentuk realiti.

1.7.6 Guru

Menurut Majlis Guru Cemerlang, guru ialah penyampai ilmu, iaitu ilmu yang benar, sebagai penyemai nilai luhur, pembimbing, penunjuk ajar, dan pemberi pedoman hidup serta bertindak dengan berkesan sebagai teladan yang baik kepada setiap anak didiknya. Oleh hal yang demikian, dalam kajian yang dilakukan ini, definisi guru merujuk kepada guru-guru yang mengajar subjek Bahasa Melayu sahaja. Guru-guru bahasa Melayu ini hanya dipilih di empat buah sekolah yang dijadikan sebagai lokasi kajian sahaja.

1.7.7 Kebolehan membaca murid

Kebolehan membaca murid sememangnya berbeza-beza berdasarkan faktor kecerdasan. Oleh hal yang demikian, kebolehan membaca murid menurut perspektif kajian ini dilihat berdasarkan kebolehan membaca yang ‘benar-benar’ setara. Yang dimaksudkan dengan ‘benar-benar setara’ itu merujuk kepada kepercayaan yang diberikan oleh pengkaji kepada guru Bahasa Melayu untuk menilai dan memilih murid-murid yang mempunyai kemahiran membaca yang baik sahaja.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

1.8 Rumusan

Kajian ini dilakukan bertujuan untuk mengetahui perbezaan antara tahap kebolehbacaan bahan bacaan yang dipilih oleh guru-guru Bahasa Melayu dengan tahap kebolehbacaan bahan bacaan yang dipilih oleh murid-murid. Dalam bab ini, objektif, soalan, kepentingan, batasan kajian berserta dengan definisi operasional kajian yang menjadi dasar dalam kajian ini turut dikemukakan bagi memastikan kajian yang dijalankan adalah bertepatan dan tidak menyimpang. Dapatan daripada kajian ini diharapkan dapat membantu semua guru mata pelajaran, semua guru perpustakaan, bahagian biro buku teks, ibu bapa, dan tidak ketinggalan pihak penerbit buku supaya mereka dapat memadankan dan menyesuaikan bahan bacaan dengan murid-murid atau kanak-kanak. Hal ini penting untuk menarik minat dan menjadikan budaya membaca sebagai tabiat yang lazim. Oleh yang demikian, Bab 1 ini merupakan bahagian pengenalan kepada kajian yang dilakukan dan sebagai panduan kepada pengkaji bagi memastikan kajian yang dilakukan berada pada landasan yang betul.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.1 Pendahuluan

Persekitaran dalaman dan luaran merupakan pengaruh terbesar dalam pembinaan kemahiran membaca seseorang murid. Elemen-elemen seperti persekitaran sosial, faktor biologi, dan faktor psikologi dipercayai mampu mempengaruhi pemilihan bahan bacaan untuk murid-murid khususnya di sekolah rendah. Murid-murid berkecenderungan untuk memilih bahan bacaan yang digemari oleh mereka berdasarkan pengaruh yang diterima daripada persekitaran mereka sendiri. Apa yang pasti, pengaruh yang positif didapati mampu menimbulkan minat dalam diri murid-

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

murid terhadap bahan bacaan yang dibaca dan kesannya, murid-murid akan memilih bahan bacaan yang menjadi kegemaran mereka (Tucker. N, 1988).

2.2 Isu-Isu Semasa Berkaitan Dengan Membaca

Pada tahun 2005, kajian yang telah dilakukan secara usaha sama antara Perpustakaan Negara Malaysia dan Jabatan Perangkaan Malaysia mendapati peratusan 'boleh membaca' atau literasi membaca rakyat Malaysia adalah pada nilai 92.0 peratus berbanding dengan kajian yang sama yang dilakukan pada tahun 1996, iaitu 93.0 peratus. Oleh yang demikian, dalam tempoh 10 tahun ke belakang, kadar literasi rakyat Malaysia didapati telah menurun sebanyak 1.0 peratus bagi rakyat Malaysia yang berumur 10 tahun ke atas. Namun demikian, perbezaan dalam profil membaca ini, masih tidak dapat menentukan sama ada bahan bacaan yang ada dipasaran mahupun diperpustakan mampu dibaca oleh rakyat Malaysia berdasarkan tahap perkembangan membaca mereka. Apa yang pasti, isu kajian ini dilakukan hanya bertujuan untuk mengenal pasti profil tabiat membaca dalam kalangan rakyat Malaysia.

Rentetan isu kajian yang dijalankan pada tahun 2005 untuk melihat profil tabiat membaca dalam kalangan rakyat Malaysia, kajian olahan semula telah dilakukan pada tahun 2010 pula. Hasil kajian yang diperoleh daripada laman web Perpustakaan INSTUN (Institut Tanah dan Ukur Negara) mendapati rakyat Malaysia berumur di antara 10 hingga 40 tahun telah membaca sebanyak lapan hingga 12 buah

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

buku setahun berbanding dengan dua hingga enam buah buku setahun pada tahun 2005. Isu ini jelas memperlihatkan bahawa rakyat Malaysia sudahpun mempunyai kesedaran terhadap aktiviti membaca. Namun begitu, hasil kajian ini masih belum dapat memastikan nilai peratusan bagi pengukuran tabiat membaca sama ada tinggi mahupun sebaliknya khususnya dalam kalangan murid sekolah rendah dan pelajar sekolah menengah.

Menurut Norhayati Razali (2011), mengikut perangkaan 2011, murid-murid di sekolah rendah secara puratanya membaca bahan bacaan sebanyak 29 buah buku dalam setahun, manakala para pelajar di sekolah menengah pula secara puratanya membaca bahan bacaan sebanyak 13 buah buku dalam setahun. Apa yang lebih penting menurut beliau lagi ialah murid-murid dapat menceritakan secara terperinci buku-buku yang telah dibaca. Keadaan ini merupakan salah satu kejayaan program ini dalam menggalakkan murid-murid menjadikan tabiat membaca sebagai tabiat yang lazim. Selain itu, Abu Bakar Abd. Hamid (1988) telah membangkitkan membaca merupakan kunci kepada *life-long self-education*, iaitu sekiranya tabiat membaca tidak ditanam sedari mula, maka masyarakat akan ketinggalan. Manakala, murid-murid yang kurang membaca tidak dapat bersaing dalam meningkatkan pencapaian diri. Oleh yang demikian, pentingnya penentuan tahap kebolehbacaan sesebuah bahan bacaan untuk disesuaikan dengan golongan pembaca yang tertentu agar tabiat membaca dapat ditingkatkan.

Pelbagai usaha telah dilakukan oleh pihak kerajaan untuk menanam tabiat membaca sebagai amalan hidup dalam kalangan rakyat Malaysia. Pihak Perpustakaan Negara Malaysia sendiri telah membuat Dasar Galakan Membaca di bawah Akta

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Perpustakaan Negara (Pindaan) 1987 (Akta A667) Bahagian II Seksyen 4(2)m, iaitu bertujuan untuk menggalakkan dan memudahkan penanaman sifat gemar membaca.

Pembinaan Dasar Galakan Membaca (1987) juga bertujuan untuk menyokong matlamat Dasar Buku Negara bagi memastikan rakyat Malaysia mempunyai minat membaca yang tinggi dan hanya menggunakan bahan bacaan yang berkualiti sahaja. Di samping itu, dasar ini juga bertujuan menyahut cabaran dan menyokong matlamat Wawasan 2020, iaitu untuk melahirkan masyarakat yang kaya dengan ilmu dan maklumat berasaskan budaya sains dan teknologi. Oleh itu, sewajarnya negara tidak mempunyai masalah dalam menggalakkan aktiviti membaca. Isu ini dikatakan demikian kerana kempen galakan membaca sudah pun dilakukan secara meluas di seluruh Malaysia meliputi kawasan bandar dan juga luar bandar. Pelbagai inisiatif juga dilakukan oleh pihak Perpustakaan Negara untuk menyalurkan bahan-bahan bacaan yang berkualiti kepada masyarakat tidak kira di mana sahaja. Misalnya, dengan adanya kemudahan perpustakaan bergerak, maka penduduk di kawasan luar bandar boleh mendapatkan bahan bacaan dengan lebih mudah.

Selain itu, menurut Datuk Raslin Abu Bakar (Ketua Pengarah Perpustakaan Negara), isu berkaitan dengan kesukaran untuk mendapatkan ilmu pengetahuan bukan lagi suatu halangan dan bukannya sebagai alasan untuk tidak membaca kerana u-Pustaka yang telah diilhamkan oleh Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK) telah diwujudkan. U-Pustaka ini telah dibangunkan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dengan sokongan lapan ahli konsortium u-Pustaka, iaitu Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan (PPANS), Perbadanan Perpustakaan Awam

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Pahang (PPAP), Perbadanan Perpustakaan Negeri Selangor (PPAS), Perpustakaan Negeri Sabah (PNS), Pustaka Negeri Sarawak (PUSTAKA), Perpustakaan Kuala Lumpur (PKL), dan Perpustakaan INTAN Bukit Kiara. Dengan adanya u-Pustaka ini, maka dengan mudahnya rakyat Malaysia dapat mengakses bahan bacaan yang diperlukan di samping dapat menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat di mana-mana sahaja dan pada bila-bila masa. Sungguhpun demikian, belum tentu bahan yang disajikan oleh pihak perpustakaan dalam menggalakan lagi tabiat membaca mempunyai padanan yang sesuai dengan tahap membaca terutamanya murid-murid atau kanak-kanak. Oleh yang demikian, dalam kajian ini, penentuan tahap sesebuah bahan bacaan adalah sebagai panduan bagi meramal tahap kebolehbacaan sesebuah bahan bacaan dengan menggunakan formula kebolehbacaan Khadijah Rohani (1982) bagi menentukan sama ada bahan bacaan yang dipilih mengikut darjah/tingkatan murid.

Pemilihan dan penyesuaian bahan bacaan yang baik dapat mempengaruhi murid-murid untuk terus membaca. Isu ini pernah ditegaskan oleh Cox (1991) dan Kamarulzaman Kamaruddin (2011) yang menyatakan bahawa pengaruh atau motivasi boleh dipersepsikan kepada positif dan negatif. Murid-murid akan berasimilasi dengan persekitaran yang diterima dan seterusnya murid-murid akan berakomodasi dengan perubahan tersebut dan kesannya pula akan dapat dilihat menerusi pencapaian prestasi kendiri murid-murid ketika berada di dalam bilik darjah. Apa yang pasti, orang dewasa terutama sekali ibu bapa dan guru-guru bertanggungjawab dalam mengawal proses asimilasi tersebut dengan memberikan bahan bacaan yang baik serta berpadanan dengan tahap perkembangan murid-murid.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Menerusi Program NILAM, usaha galakan membaca diperhebatkan lagi sedari akar umbi supaya menjadi tabiat yang lazim. Program NILAM yang diwujudkan pada tahun 1999 merupakan satu usaha untuk membina tabiat membaca bermula dari sekolah rendah lagi. Pihak sekolah, iaitu guru haruslah kreatif dalam menyuburkan amalan membaca kepada murid-muridnya dengan memberi dan menyediakan bahan bacaan yang bersesuaian mengikut psikologi murid seperti, usia, tahap pembacaan serta latar belakang murid. Hal ini supaya minat kepada aktiviti membaca dapat dipupuk serta kemahiran membaca dalam kalangan murid di sekolah rendah dapat dipertingkatkan seterusnya mereka dapat bersaing di dalam pembelajaran (Dahlia Janan, 2007 dan Mahzan Arshad, 2003).

Kesimpulannya, usaha-usaha yang telah dijalankan dan dilaksanakan oleh pihak-pihak berkepentingan adalah untuk menggalakkan lagi tabiat membaca rakyat di Malaysia. Tentunya, galakan membaca perlu disemai kepada murid-murid atau kanak-kanak lagi. Selain itu juga, setiap golongan tidak kira di mana sahaja boleh mendapatkan bahan bacaan dengan mudah. Tambahan pula, bahan bacaan yang disediakan mempunyai kualiti. Yang dimaksudkan dengan kualiti adalah bahan bacaan yang dapat membimbing pembaca meningkatkan kemahiran membaca serta dapat meluaskan pengetahuan sedia ada pembaca. Oleh yang demikian, menerusi kajian ini pula, para pembaca terbimbing untuk memilih bahan bacaan yang disediakan mengikut tahap pembacaan seseorang serta dapat mengetahui ciri-ciri bahan bacaan yang dapat menarik minat untuk membaca dari segi genre dan ilustrasi bahan bacaan. Hal ini demikian kerana, bahan bacaan yang bertahap, berfaedah dan bersesuaian dengan faktor biologi dan psikologi seseorang pembaca terutamanya golongan kanak-kanak mampu merangsang otak mereka untuk berfikir dengan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

matang serta dapat menarik minat untuk membaca (Azman Wan Chik, 1986; Dahlia Janan, 2006; Khadijah Rohani, 1987; Zainiah Mohamed Isa, 2008).

2.3 Bacaan dan proses membaca

Bacaan mempunyai perkaitan dengan kemahiran-kemahiran dalam berbahasa yang lain terutamanya kemahiran menulis. Surah Al-Alaq yang diturunkan sebagai wahyu pertama kepada Nabi Muhammad SAW merupakan surah yang jelas menyeru manusia supaya membaca. Hubung kait antara surah Al-Alaq dengan kajian yang dilakukan ini ialah Allah SWT memerintahkan Rasulullah SAW supaya membaca dan untuk menyebarluaskan ajaran agama. Hal ini bermakna membaca merupakan asas pertama yang perlu dikuasai oleh manusia. Surah ini juga menyampaikan mesej bahawa ilmu dapat disampaikan melalui pembacaan dan dipindahkan ke dalam bentuk penulisan untuk bacaan umum serta disebarluaskan sebagai ilmu pengetahuan baharu. Sungguhpun demikian, penyebaran dalam bentuk bahan bacaan sewajarnya bersesuaian dengan pembaca supaya penyampaian ilmu serta maklumat dapat diterima dengan mudah dan baik.

Menurut Marohaini Yusoff (1989), tidak ada satu definisi yang bertepatan dengan bacaan, malahan menurut Frank Smith (1985), pengertian bacaan boleh terdiri daripada pelbagai sudut atau pandangan bergantung pada konteks dan situasi yang berlaku. Bacaan juga dikaitkan dengan penggunaan mata. Hal ini bermakna proses membaca memerlukan mata memainkan peranan dalam membuat penenungan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

(*fixation*) untuk mengecam huruf-huruf dan memproses percantuman huruf-huruf (perkataan) tersebut di dalam otak. Seterusnya, pengaliran proses tersebut akan bergerak ke otak untuk mengenali perkataan-perkataan tersebut dan seterusnya membuat generalisasi terhadap himpunan perkataan tersebut (Frank Smith, 1985; Khalid Mohamed Nor, 1993). Pernyataan ini disokong oleh Dahlia Janan (2003) bahawa apabila kita membaca, mata kita bergerak-gerak dengan cara melompat-lompat. Maka, menurut beliau lagi, pergerakan ini dinamakan ginjatan.

Semasa berlakunya proses bacaan, mata tidak boleh bekerja secara sendirian tanpa bantuan daripada otak dalam membuat pentafsiran dan pemahaman. Menurut Frank Smith (1985),

> In order to understand reading they must consider not just the eyes but also the mechanism of memory and attention, anxiety, risk-taking, the nature and uses of language, the comprehension of speech interpersonal relation, sociocultural differences, learning in general, and learning of young children in particular.
>
> Sumber: Frank Smith (1985, ms. 1-2)


Apabila seseorang membaca, maka pada masa itu akan berlakulah proses pentafsiran dan pemahaman di dalam otaknya. Pentafsiran dan pemahaman yang sedang berlaku akan bekerjasama dengan ingatan atau skema yang telah diperoleh bergantung pada pengalaman sedia ada seseorang. Skema boleh terdiri daripada skema jangka pendek atau skema jangka panjang (Kamarulzaman Kamaruddin, 2012). Frank Smith (1985) menyatakan, apabila seseorang individu melakukan proses bacaan, maka pembaca haruslah mempunyai skema yang berkaitan dengan pembacaannya yang akan memudahkan pembaca memahami teks yang dibacanya. Sungguhpun demikian, pentafsiran dan pemahaman yang berlaku semasa proses membaca juga berkait rapat

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

dengan kandungan bahan bacaan yang dibaca. Jika bahan bacaan yang dibaca adalah mudah, pemahaman pembaca terhadap bahan bacaan adalah cepat dan mudah. Jika berlaku sebaliknya, kesukaran dalam memahami bahan bacaan tersebut akan berlaku. Kesannya, pembaca akan mengambil masa yang lama untuk memahami dan mentafsirkan apa yang disampaikan oleh penulis (Marohaini Yusoff, 1989).

Rajah 2.1 yang berikut merupakan gambaran semasa proses bacaan sedang berlaku.



***Rajah 2.1*. Visual mmebaca oleh Frank Smith (1985**, p. **13)**

Rajah di atas menunjukkan pertalian maklumat sama ada maklumat tersebut dalam bentuk visual mahupun bukan visual dan kedua-duanya saling bergantung antara satu sama lain untuk memudahkan pemahaman semasa seseorang individu itu sedang membaca. Semakin banyak maklumat yang diketahui oleh seseorang pembaca mengenai bahan bacaan yang ingin dibaca, maka semakin mudah pembacaannya.

Selain itu, Haris dan Sipay, 1980 (dalam Marohaini Yusof, 1999), menyifatkan proses membaca sebagai proses untuk memperoleh tafsiran yang bermakna tentang lambang-lambang bercetak atau bertulis. Oleh yang demikian,

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

sebagai permula dalam pemeringkatan kemahiran membaca khususnya dalam kalangan murid-murid di sekolah rendah, proses pembacaan harus dimulakan pada peringka awal, iaitu kanak-kanak atau orang dewasa yang tidak tahu membaca perlu diajar mengenali huruf demi huruf berserta bunyi huruf tersebut sehinggalah mereka boleh mengenal, mengecam dan menyebut huruf dan cantuman huruf yang menjadi suatu perkataan dengan sendirinya (Flesch, 1955 dan Idris Mohd Radzi, 2005).

Menurut Idris Mohd Radzi (2005), terdapat dua kategori yang merujuk kepada proses bacaan. Kategori pertama lebih menekankan peranan terhadap penguasaan aspek bahasa sebagai aspek utama dan permulaan dalam memahami sesebuah teks bacaan. Aspek ini menurutnya lagi menjurus kepada pengetahuan seseorang pembaca untuk memahami sesebuah teks atau bahan bacaan yang diberikan. Kategori yang kedua pula lebih menekankan aspek pengetahuan dan latar belakang tentang teks yang akan dibaca untuk memudahkan pemahaman terhadap teks yang dibaca.

Penekanan aspek pengetahuan dan latar belakang tentang teks akan menimbulkan gerak laku atau rangsangan oleh pembaca. Pembaca akan bertingkah laku menurut motivasi dirinya untuk mencari dan mendapatkan bahan bacaan lain supaya dapat memahami sesebuah teks yang dibacanya. Tindak balas ini merupakan dimensi baharu dalam pendefinisian bacaan kerana selain definisi bacaan dilihat dari sudut bahasa atau linguistik, definisi bacaan juga dilihat dan dikaji dari sudut behavioris (Idris Mohd Radzi, 2005 dan Dahlia Janan, 2003).

Menurut Yahya Othman dan Ghazali Mustapha (2005), proses membaca mempunyai perkaitan dengan revolusi pemahaman atau *the comprehension*

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

revolution, iaitu tidak memandang proses membaca dari sudut behavioris semata-mata tetapi memandang proses membaca dari sudut yang lebih komprehensif, iaitu berasaskan kepada psikologi kognitif.

Kajian yang dilakukan oleh Yahya Othman dan Ghazali Mustapha (2005) adalah untuk mengetahui perspektif mengenai proses membaca dalam kalangan pelajar universiti semasa membaca teks atau bahan bacaan dalam bahasa Melayu. Hasil kajian mendapati kebanyakan responden menyatakan bahawa proses membaca adalah suatu usaha yang dilakukan oleh pembaca untuk mendapatkan pemahaman terhadap bahan bacaan yang dibaca dan ianya sering dikaitkan pula dengan bahan bacaan yang berbentuk naratif. Proses pemahaman ini menurut pengkaji, merupakan aktiviti yang utama semasa membaca dan pembaca sentiasa berusaha untuk mengungkapkan kandungan bahan bacaan yang dibaca. Inilah yang menimbulkan minat kepada pembaca untuk lebih memahami bahan bacaan yang dibaca.

Walau bagaimanapun, pemahaman serta minat terhadap bacaan tidak harus dipisahkan dengan nilai terhadap bahan bacaan tersebut dari aspek kebolehbacaan bahan bacaan. Hal ini demikian kerana kebolehbacaan adalah suatu kaedah untuk memadan dan menyesuaikan sesebuah bahan bacaan atau teks dengan pembaca. Sekiranya bahan bacaan yang dibaca adalah berpadanan dengan pembaca, penghayatan pembaca dalam memahami bahan bacaan juga mudah dan dari sinilah timbulnya minat atau motivasi untuk terus membaca dan mencari bahan bacaan yang bersesuaian serta lebih mencabar (Azman Wan Chik, 1982 dan 1986; Dahlia Janan 2012; Mahzan Arshad, 2007 dan Rashid Jamian, 2011).

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Oleh yang demikian, dari Allah kita mendapat ilham untuk disampaikan kepada umat-Nya, iaitu pembaca yang lain dalam bentuk penulisan. Namun demikian, dalam menyampaikan idealogi tentang sesuatu perkara, aspek kesesuaian penggunaan perbendaharaan kata wajar dititikberatkan kerana ia melibatkan aspek kebolehbacaan bahan bacaan yang dihasilkan (Khadijah Rohani, 1987). Kesesuaian bahan bacaan dengan pembaca akan mempercepatkan lagi proses membaca khususnya untuk murid-murid di sekolah rendah kerana jelas menunjukkan aspek bahasa dari segi perbendaharaan kata merupakan keutamaan di samping aspek pengetahuan serta latar belakang pembaca tentang bahan bacaan yang dibaca. Dari sinilah akan timbulnya motivasi pembaca kerana galakan daripada kebolehbacaan terhadap bahan bacaan dengan penentuan menerusi tahap kebolehbacaan bahan bacaan dan kesesuaian bahan bacaan dengan para pembaca (Azman Wan Chik, 1986; Marohaini Yusoff, 1986). Bermula daripada maklumat ini, kajian tahap kebolehbacaan dijalankan terhadap bahan bacaan yang terdapat di sekolah rendah.

2.4 Bahan bacaan

Bahan bacaan boleh terdiri daripada pelbagai bentuk, jenis, dan gaya (Yahya Othman, 2004). Namun begitu, kepelbagaian bentuk ini bergantung pada tujuan dan fokus penulis dalam menghasilkan sesebuah bahan bacaan yang mampu memberikan makna serta pentafsiran mengenai sesuatu ilmu atau cerita (Abdul Rashid Jamian, 2011). Komik, majalah, dan surat khabar juga merupakan bahan bacaan yang boleh didapati dengan mudah. Namun begitu, satu perkara yang menimbulkan persoalan adalah

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

mengenai sama ada bahan bacaan tersebut sesuai mahupun tidak sesuai untuk dipilih dan diberikan kepada murid-murid sekolah.

Menurut Siti Ezaleila Mustafa dan Shahrul Nazmi Sannusi (2012), bahan bacaan juga termasuklah majalah yang boleh dijadikan sebagai bahan bacaan utama yang mampu menarik minat kanak-kanak untuk membelinya. Mereka menganalisis tiga buah majalah kanak-kanak di Malaysia, iaitu Kuntum, E-Baca, dan Ana Muslim. Hasil analisis mendapati bahawa elemen auditorial, iaitu aspek kandungan amat dititiberatkan dalam penerbitan sesuatu bahan bacaan. Selain itu, aspek bahasa turut menjadi perhatian kerana bahasa didapati bukan hanya berfungsi sebagai alat komunikasi sosial semata-mata tetapi pada masa yang sama mereka mendapati bahawa bahasa juga boleh berfungsi sebagai alat membentuk, membina, merakam, menyampaikan, dan memperkasakan fikiran, budaya, dan tamadun negara. Kesemua fungsi bahasa ini sememangnya perlu dititikberatkan dalam penghasilan majalah untuk kanak-kanak sebagai bahan bacaan tambahan. Hal ini demikian kerana bahan bacaan seperti majalah mengandungi ilustrasi kartun, komik, dan berwarna-warni selain mempunyai informasi yang sesuai untuk menambah pengetahuan kanak-kanak dan menarik minat mereka untuk membeli dan membacanya.

Selaian daripada bahan bacaan seperti majalah, komik, surat khabar dan sebagainya, bahan bacaan sastera dan bukan sastera juga merupakan bahan bacaan yang boleh disajikan untuk pembacaan murid-murid dari sekolah rendah lagi. Menurut Ariff Mohamad (2009:10), penggunaan bahan sastera di dalam pendidikan bahasa khususnya kepada murid-murid, sebenarnya sangat memberi manfaat kepada semua pihak khususnya kepada guru dan murid. Hal ini demikian kerana menurut

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Mahzan Arshad (2008:304) bahan sastera adalah satu unsur yang terpenting untuk mengusai sesuatu bahasa dan ianya merupakan wahana dalam meningkatkan kemahiran berbahasa pelajar di samping menghayati penulisan kreatif dalam bahasa yang dipelajari. Oleh yang demikian, bahan sastera dapat membantu guru dalam mengembangkan aspek penguasaan bahasa murid-murid secara berperingkat dengan memberikan bahan bacaan dalam bentuk sastera atau bukan sastera yang berpadanan dengan murid.

Dalam usaha membudayakan tabiat membaca, maka guru-guru perlu bijak dalam menentukan bahan bacaan yang bersesuaian dengan tahap kebolehan membaca murid-murid, tahap umur, faktor sosial dan kesediaan murid-murid menerima sesuatu pembelajaran menerusi penilaian terhadap tahap kebolehbacaan sesebuah bahan bacaan yang diberikan. Pemilihan bahan bacaan dengan menitikberatkan aspek kandungan bahan bacaan, bahasa yang digunakan, dan daya tarikan yang ada di dalam sesebuah bahan bacaan seperti ilustrasi, warna, jenis tulisan, dan maklumat-maklumat tambahan terbukti dapat menarik minat murid-murid untuk membaca. Namun demikian, darjah atau tahap kebolehbacaan bahan bacaan serta padanan dan kesesuaian bahan bacaan dengan murid-murid juga perlu disusuli dengan pemberian bahan bacaan yang dipilih. Oleh hal yang demikian, pemberatan dari segi kandungan bahan bacaan meliputi bahasa yang digunakan, ciri-ciri bahan bacaan, dan informasi atau maklumat yang terdapat di dalam bahan bacaan dapat menimbulkan sikap suka membaca dalam diri murid-murid di samping dapat meningkatkan pengetahuan murid-murid dalam pembelajaran (Kamaruddin Hussin dan Siti Hajar Abdul Ghani, 1997; Dahlia Janan 2005; Yahya Othman dan Wan Mat Sulaiman, 2011).

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Hakikatnya, bahan bacaan sangat penting kepada murid-murid di sekolah rendah memandangkan bahan bacaan yang baik dapat membantu seseorang guru untuk mempelbagaikan kaedah pengajaran (Azman Wan Chik, 1982). Dalam memilih bahan bacaan, kesesuaian bahan bacaan perlu dititikberatkan dari segi kriteria, persembahan bahan bacaan, dari aspek bahasa yang digunakan dan lain-lain dapat memberikan keseronokan dan menimbulkan minat membaca sebagai tabiat yang berpanjangan. Hal ini dikatakan demikian kerana pembelajaran seseorang individu itu tidak akan terhenti setakat pada peringkat sekolah rendah, sekolah menengah, dan pendidikan tinggi sahaja tetapi berterusan kerana setiap hari pasti akan ada sesuatu yang baharu untuk dipelajari (Hassan Ahmad, 1988).

Dalam konteks kajian ini, pemberatan seseorang guru dalam memilih bahan bacaan yang berasaskan aspek fizikal bahan bacaan bukanlah menjadi keutamaan bagi memastikan minat membaca dalam kalangan murid-murid di sekolah rendah dapat dikekalkan dengan konsisten. Aspek tahap kebolehbacaan sesebuah bahan bacaan yang diberikan oleh guru juga merupakan salah satu elemen yang penting bagi memastikan murid dapat mengekalkan minat serta tabiat membaca (Afendi Hamat, Tamam Timbang, Zamri Mahamod, 2011). Oleh yang demikian, kajian perbandingan tahap kebolehbacaan dengan penentuan menggunakan formula kebolehbacaan dijalankan agar dapat memberikan pengetahuan kepada para guru supaya menentukan darjah atau tahap sesebuah bahan bacaan sebelum disesuaikan dengan murid mengikut tahap persekolahan murid. Walau bagaimanapun, penentuan mengunakan formula kebolehbacaan hanyalah ramalan atau alat untuk menganggar tahap kebolehbacaan bahan bacaan sahaja kerana terdapat lagi faktor-faktor lain yang mempengaruhi sesebuah bahan bacaan yang dibaca, antaranya genre dan penggunaan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

ilustrasi pada bahan bacaan (Khadijah Rohani, 1987; Dahlia Janan, 2011; Nick French dan , 2011).

2.4.1 Pemilihan bahan bacaan

Pemilihan bahan bacaan yang betul dan sesuai boleh meningkatkan minat membaca dalam kalangan anak-anak. Minat membaca harus disemai sejak kecil. Menurut Vygotsky (1978), pembelajaran bagi seorang kanak-kanak dalam berbahasa bermula daripada orang dewasa. Hal ini, bermaksud ibu bapa dan guru merupakan orang dewasa yang pertama bertanggungjawab dalam membina penguasaan berbahasa terhadap kanak-kanak ketika di rumah.

Apabila ingin memilih bahan bacaan yang sesuai dengan diri dan sesuai dengan seseorang pembaca terutamanya kanak-kanak, perlakuan yang lazim dilakukan ketika membuat pemilihan adalah dengan membaca judul yang ditulis di atas kulit buku, sinopsis (sekiranya terdapat pada bahagian belakang kulit buku), ilustrasi yang menarik, dan kandungan bahan yang kita kehendaki (Hanafi Hj. Mohd Tahir dan Normah Mustaffa, 2013). Kesemua ciri ini merupakan pengaruh besar ketika seseorang memilih bahan bacaan. Pendekatan ini dapat memberikan motivasi dan inspirasi untuk seseorang individu itu terus membaca dan mencari bahan bacaan lain yang seumpama dengannya. Menurut Mahzan Arshad (2013), Dahlia Janan (2005, 2012) dan Norabian (2013), persembahan bahan bacaan dari segi legibiliti yang merangkumi jenis tulisan, ilustrasi yang menarik, kandungan cerita, kesan tipografi, iaitu persembahan pada kulit buku, dan struktur bahan bacaan dapat menarik minat bukan sahaja golongan kanak-kanak, malahan golongan dewasa juga.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Garis panduan pemilihan bahan bacaan tambahan bagi kegunaan sekolah telah diberikan dan diedarkan di sekolah-sekolah. Garis panduan ini adalah sebagai satu usaha oleh pihak sekolah untuk menyediakan bahan pengajaran dan pembelajaran yang dapat menyokong dan menepati keperluan pembelajaran murid yang pelbagai. Oleh yang demikian, garis panduan ini merujuk kepada pemilihan bahan bacaan dalam bentuk yang bercetak sahaja.

Inti Surat Siaran Kementerian Pelajaran Malaysia Bilangan 10, Tahun 2011, ada menetapkan kriteria pemilihan bahan bacaan tambahan untuk murid-murid di sekolah adalah seperti berikut:-

1. Bahasa iaitu, penggunaan laras dan aras bahasa yang sesuai mengikut tahap perkembangan murid-murid.
2. Kandungan haruslah yang boleh diajarkan kepada murid-murid dan dapat menyokong matlamat pengajaran dan pembelajaran.
3. Ilustrasi atau grafik yang digunakan di dalam buku tersebut hendaklah dapat menyokong dan menerangkan teks bagi membantu meningkatkan kefahaman murid-murid dan ilustrasi atau grafik yang digunakan bersesuaian dengan aras dan keperluan murid-murid agar dapat memberikan maklumat tambahan, memudahkan murid-murid mengingati konsep atau fakta penting, dapat merangsang pemikiran murid-murid dalam pembelajaran dan memberikan nilai estetika terhadap bahan bacaan tersebut. Di samping itu, ilustrasi yang dipersembahkan haruslah mengikut budaya masyarakat Malaysia.

Sumber Surat Siaran Kementerian Pendidikan Malaysia. Bil 10 (2011)

Kajian yang telah dijalankan oleh Zainiah Mohamed Isa (2009), menyatakan bahawa di Malaysia belum ada lagi senarai buku yang boleh disyorkan untuk pembacaan bagi pelbagai peringkat umur seperti di negara luar, iaitu memang telah ada senarai buku yang disyorkan bagi setiap peringkat umur terutamanya kanak-kanak di negara luar. Beliau juga menyatakan setiap peringkat umur kanak-kanak memerlukan ciri-ciri buku yang berbeza-beza mengikut tahap perkembangan mereka.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Hal ini demikian kerana perkembangan psikologi kanak-kanak adalah berbeza-beza dan bergantung kepada taraf kognitif dan linguistik mereka di samping faktor sosio-emosi.

Pengkaji telah mengaplikasikan dua buah teori dalam memilih bahan bacaan bahasa Melayu yang sesuai untuk kanak-kanak di Malaysia, iaitu teori perkembangan kognitif dan linguistik yang dibangunkan oleh Piaget dan teori sosio-emosi yang dibangunkan oleh Erickson. Sebanyak 32 buah bahan bacaan disenaraikan dan dipadankan dengan peringkat umur dan tahap perkembangan kanak-kanak.

Hasil penyelidikan beliau, kanak-kanak pada peringkat usia dua hingga empat tahun berada pada peringkat praoperasi. Mereka telah boleh berfikir secara logik dan boleh berfikir secara simbolik. Usia lima hingga tujuh tahun pula memperlihatkan kanak-kanak cenderung menggunakan intuisi atau perasaan mereka dalam membantu memahami dunia persekitaran yang melatari kehidupan mereka. Mereka juga cenderung menjalinkan hubungan antara satu sama lain, iaitu dengan orang yang berada di sekitar mereka untuk meluaskan pergaulan. Oleh itu, bahan bacaan yang mempunyai unsur kasih sayang, kekeluargaan dan kisah-kisah fantasi boleh diterapkan kerana pada peringkat usia sebegini, imaginasi kanak-kanak mula berkembang dan mereka juga mempunyai perasaan ingin tahu terhadap sesuatu perkara menyebabkan mereka akan mencari bahan bacaan yang mampu menjawab setiap perkara yang difikirkan oleh mereka.

Pada peringkat usia dari tujuh hingga ke sembilan tahun pula, kanak-kanak didapati sudah mampu untuk membuat eksplorasi secara berdikari, dapat berfikir

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

dengan logik, dapat memahami konsep yang abstrak dengan baik, dan boleh membuat hipotesis serta perkaitan dengan diri mereka sendiri tentang sesuatu perkara yang berlaku. Hal ini dikatakan demikian kerana pada peringkat usia sebegini, seseorang kanak-kanak mempunyai minat untuk meneroka bagi mendapatkan maklumat yang baharu. Mereka juga telah boleh memahami cerita-cerita yang kompleks dan berasaskan realiti kehidupan sebenar.

Selain itu, kajian yang dijalankan oleh Burhan Nurgiyonto (2005) adalah selari dengan kajian yang dijalankan oleh Zainiah Mohamed Isa (2009), iaitu pemilihan bahan bacaan untuk kanak-kanak perlu berdasarkan aspek psikologi kanak-kanak yang dipengaruhi peringkat umur. Peringkat umur juga akan melalui beberapa peringkat seperti intelektual, moral, emosional dan personal, bahasa, dan peringkat dalam pertumbuhan konsep kanak-kanak tentang cerita. Pemilihan bahan bacaan yang tidak sesuai berdasarkan tahap umur dan pembangunan psikologi kanak-kanak akan menyebabkan kanak-kanak tidak berkomunikasi dengan bahan bacaan tersebut disebabkan oleh kesukaran mereka memahami kandungannya. Permasalahan sebegini membuatkan bahan bacaan itu tidak mampu menarik perhatian mereka.

Selain perkembangan psikologi kanak-kanak berdasarkan faktor usia, terdapat beberapa faktor lain yang perlu dipertimbangkan semasa memilih bahan bacaan untuk murid-murid. Menurut Fry (1988) perbendaharaan kata merupakan faktor yang paling penting semasa memilih sesuatu bahan bacaan untuk disesuaikan dengan murid-murid. Hal ini dikatakan demikian kerana perkataan-perkataan yang sukar yang terdapat dalam petikan akan mengurangkan kebolehan membaca murid-murid dan murid-murid akan mengambil masa yang agak lama untuk membaca bahan bacaan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

tersebut. Sebaliknya, dengan adanya penggunaan perkataan-perkataan yang mudah, maka murid-murid mudah untuk memahami kandungan bahan bacaan tersebut dan seterusnya dapat membantu meningkatkan lagi tahap penguasaan bahasa mereka terutamanya dari segi perbendaharaan atau kosa kata.

Dalam kajian tersebut, ayat atau *sentences* didapati mampu mempengaruhi pemilihan bahan bacaan. Perenggan merujuk kepada struktur perenggan yang mempunyai idea utama, maklumat sokongan, dan rumusan yang tepat lagi padat. Organisasi teks pula termasuklah penyusunan penceritaan mengikut tema dan mengikut kronologi serta mempunyai pertalian antara satu sama lain, iaitu kohesi. Faktor-faktor ini merupakan antara elemen yang boleh diaplikasikan semasa memilih bahan bacaan untuk murid-murid sekolah rendah.

Kajian yang diljalankan oleh Dahlia Janan (2005) telah mengemukakan kebolehbacaan sebagai salah satu alat semasa memilih bahan bacaan untuk disesuaikan dengan murid-murid mengikut peringkat umur. Pengkaji memfokuskan penekanan bahawa seseorang guru perlu meramal kebolehbacaan bahan bacaan dan disesuaikan dengan seseorang murid mengikut peringkat umur. Beliau telah menggunakan pemboleh ubah yang telah dicadangkan oleh Harrison (1980) sebagai ukuran dalam melihat faktor-faktor kesukaran teks. Pemboleh-pemboleh ubah tersebut ialah bidang reka bentuk tulisan, ilustrasi dan warna, perbendaharaan kata, konsep yang sukar, ayat, dan organisasi teks. Bagi menentukan tahap kebolehbacaan bahan bacaan yang dipilih oleh seseorang guru, maka formula kebolehbacaan digunakan bagi menentukan dan menyesuaikan bahan bacaan mengikut murid-murid dan peringkat umur murid-murid. Guru-guru juga dapat meningkatkan pengetahuan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

dalam aspek pemilihan bahan bacaan yang sesuai dengan murid-murid mengikut peringkat umur.

Sehubungan dengan itu, dalam kajian yang dijalankan ini, pemilihan bahan bacaan dengan penentuan tahap kebolehbacaan bahan bacaan dalam bahasa Melayu mampu memberikan pengetahuan mengenai tahap kebolehbacaan bahan bacaan. Menurut Dahlia Janan (2005), pemilihan dan penyediaan bahan bacaan bagi seseorang guru merupakan salah satu cabaran yang harus dipegang oleh guru. Oleh yang demikian, dengan kajian yang dijalankan ini, guru dan ibu bapa mendapat ilmu pengetahuan mengenai aspek pemilihan bahan bacaan dengan mengaplikasikan konsep kebolehbacaan.

2.4.2 Persembahan bahan bacaan dan ciri-ciri bahan bacaan

Dalam memilih bahan bacaan yang sesuai untuk dibaca oleh murid-murid, guru-guru harus mengambil kira pelbagai aspek seperti persembahan pada bahan bacaan tersebut di samping mengetahui ciri-ciri bahan bacaan yang dapat menarik minat murid-murid untuk membaca (Yahya Othman dan Dayang Raini, 2011; Mahzan Arshad, 2007; Zainiah Mohamed Isa, 2009). Seterusnya, minat yang berjaya dipupuk ini akan menjadi tabiat yang berkekalan (Burhan Nurgiyontoro, 2005). Namun demikian, tabiat ini harus dipupuk sedari awal lagi ibarat pepatah Melayu ada mengatakan kalau hendak melentur buluh biarlah daripada rebungnya. Walau bagaimanapun, tidak adil sekiranya tabiat membaca hanya disemai dalam diri kanak-kanak atau murid-murid. Hal ini dikatakan demikian kerana orang dewasa juga seharusnya didedahkan dengan tabiat membaca.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Kajian yang dilakukan oleh Mahzan Arshad (2007) bertujuan untuk meninjau persembahan buku kanak-kanak yang diterbitkan di Malaysia di antara tahun 1995 hingga 2005. Kajian ini merupakan sebahagian daripada hasil penulisan Mahzan Arshad (2007) di dalam buku yang berjudul *Pendidikan Literasi Bahasa Melayu: Satu Pendekatan Bersepadu*. Sebanyak lapan kriteria yang dicadangkan dalam menentukan serta meningkatkan kualiti persembahan dan penghasilan buku kanak-kanak. Kriteria-kriteria yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

1. Buku yang dihasilkan mempunyai kesesuaian dengan tahap perkembangan kanak-kanak;
2. Kandungan yang terdapat di dalamnya mengandungi pelbagai unsur daya tarikan yang istimewa;
3. Mengandungi idea yang bernilai;
4. Mengandungi struktur cerita yang lancar;
5. Dapat memberikan kesan yang istimewa kepada pembaca;
6. Mempunyai keaslian dalam menyampaikan idea dan cerita;
7. Terdapat ilustrasi yang menarik;
8. Format yang digunakan sesuai dengan kanak-kanak.

Sumber: Mahzan Arshad (2007, ms. 203)

Hasil daripada kajian yang dilakukan oleh Mahzan Arshad (2007) ini mendapati bahawa kualiti buku-buku yang diterbitkan di Malaysia kebanyakannya masih berada pada tahap memuaskan, iaitu pada tahap sederhana. Oleh hal yang demikian, dalam kajian yang telah dilakukan ini, Mahzan Arshad (2007) ada mencadangkan kepada para penulis buku kanak-kanak supaya dapat bekerjasama serta bergabung dengan pihak penerbit buku. Usaha sama ini bertujuan untuk menghasilkan atau mengeluarkan buku kanak-kanak yang lebih berkualiti pada masa akan datang.

Selain itu, persembahan bahan bacaan dari segi reka bentuk teks, perbendaharaan kata atau konsep yang khusus, keupayaan bahasa kanak-kanak, dan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

potensi kanak-kanak untuk menggunakan keupayaan merupakan antara elemen yang harus dipertimbangkan oleh guru-guru semasa memilih bahan bacaan untuk murid-murid sekolah rendah. Berdasarkan persembahan ini, diharapkan timbul sikap yang positif dalam diri murid-murid untuk membaca dan seterusnya mampu meningkatkan penguasaan kemahiran membaca.

Menurut Abdul Hakeem (2014), bahan bacaan yang ingin diberikan kepada murid-murid khususnya di sekolah rendah, mestilah berdasarkan minat terhadap bahan bacaan yang diberikan. Kajian yang dilakukan ini adalah untuk melihat kriteria bahan pemilihan bahan bacaan bahasa Melayu yang dipilih oleh murid dan guru di dua buah lokasi kajian yang berlainan, iaiatu lokasi bandar dan luar bandar. Di samping itu juga, pengakaji melihat hasil kriteria bahan bacaan yang dipilih berdasarkan gender murid lelaki dan murid perempuan.

Hasil analisis berdasarkan gender mendapati, ciri-ciri bahan bacaan yang mendatangkan minat kepada murid perempuan adalah lebih cenderung kepada bahan bacaan yang menarik diikuti bahan bacaan yang berdasarkan minat kepada bidang sains. Ciri menarik bagi murid perempuan merangkumi aspek kandungan bahan bacaan dan persembahan terhadap bahan bacaan secara keseluruhanya. Bagi murid lelaki pula, mereka lebih cenderung memilih bahan bacaan yang memberikan pengajaran dan nilai-nilai murni yang terdapat di dalam bahan bacaan di samping ciri yang menarik merangkumi aspek kandungan, jalan cerita dan termasuk persembahan buku seperti penggunaan gambar serta warna.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Hasil analisis mengikut lokasi kajian pula, pengkaji mendapati minat pemilihan bahan bacaan oleh murid luar bandar lebih tinggi memilih bahan bacaan yang mempunyai nilai murni dan pengajaran dalam sesebuah bahan bacaan dan berkaitan dengan bidang sains. Sungguhpun demikian, pengkaji mendapati bekalan bahan bacaan di lokasi luar bandar adalah terhad dan murid kebanyakanya bergantung kepada bahan bacaan yang terdapat di perpustakaan sekolah sahaja. Bagi pemilihan bahan bacaan oleh murid bandar menjurus kepada ciri bahan bacaan yang menarik minat mereka untuk membaca diikuti dengan bahan bacaan yang mempunyai nilai murni dan pengajaran. Apa yang dapat ditafsirkan antara ciri bahan bacaan yang dipilih oleh murid bandar dan luar bandar adalah jelas kematangan dalam pemilihan bahan bacaan oleh murid luar bandar daripada murid bandar yang menitikberatkan keseronokan dalam memilih bahan bacaan.

Persembahan bahan bacaan bukan hanya terikat pada bahan bacaan dalam bentuk yang bercetak sahaja. Kesan teknologi kini, terhasilnya bahan bacaan dalam bentuk aplikasi interaktif. Hal ini demikian kerana persembahan dari segi ilustrasi yang dipaparkan, dari segi warna dan teks yang dimuatkan dalam persembahan bahan bacaan berbentuk sedemikian, mampu memberikan motivasi keada murid-murid yang berpencapaian sederhana, khususnya dalam bacaan dan pemahaman. Kajian yang dijalankan oleh Dayang Raini Pakar dan Yahya Othman (2011) bertujuan membandingkan penggunaan kaedah tradisional dengan kaedah aplikasi perisian secara interaktif dalam bacaan dan kefahaman. Didapati, kaedah menggunakan aplikasi perisian menampakkan prestasi terhadap pemahaman murid yang berpencapaian sederhana dalam bacaan. Selepas mengikuti pembelajaran bahan bacaan dalam bentuk interaktif, pemahaman murid yang berpencapaian sederhana

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

meningkat kerana mereka akan lebih mudah untuk memahami bahan bacaan yang berbentuk interaktif. Hasil kajian juga mendapati, prestasi murid lelaki dan perempuan yang berpencapaian sederhana juga meningkat apabila mereka diberikan bahan bacaan dalam bentuk berinteraktif. Oleh yang demikian, penting bagi seorang guru menitikberatkan aspek pemilihan dan penyesuaian bahan bacaan dengan murid yang diajarinya. Terutamanya yang melibatkan pengalaman serta skema pengetahuan murid sedia ada. Dengan penyesuaian bahan bacaan yang betul, ianya boleh mempengaruhi kadar pemahaman murid terutamanya kepada murid yang berpencapaian sederhana dan rendah.

Fon juga merupakan salah satu elemen yang terkandung dalam ciri-ciri pemilihan sesuatu bahan bacaan yang dapat menentukan kebolehbacaan sesuatu bahan bacaan itu sama ada mudah mahupun sebaliknya. Kajian yang dilakukan oleh Rahani Wahid dan Ahmad Zamzuri Mohammad Ali (2011) melibatkan seramai 48 orang responden yang bertujuan untuk melihat kesan penggunaan fon *serif* dan *san serif* bagi kategori percetakan dan kategori paparan komputer ke atas kebolehbacaan teks bahasa Melayu di laman web. Oleh hal yang demikian, empat jenis fon telah dijadikan sebagai bahan kajian, manakala responden pula telah dibahagikan kepada dua kumpulan bagi menguji tahap kebolehbacaan mereka. Kesemua fon yang dimaksudkan itu ialah *Georgia* (*serif*) dan *Verdana* (*san serif*) bagi kumpulan responden yang pertama, manakala *Times New Roma*n (*serif*) dan *Arial* (*san serif*) bagi kumpulan responden yang kedua.

Fon *Georgia* dan *Verdana* ialah fon yang direka khusus untuk paparan komputer, manakala fon *Times New Roman* dan *Arial* pula, kedua-duanya merupakan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

fon yang direka khusus untuk media bercetak. Hasil kajian menunjukkan bahawa tidak wujud perbezaan yang signifikan ke atas kebolehbacaan teks-teks fon *serif* dan *san serif* bagi kategori paparan komputer dan kategori percetakan. Walau bagaimanapun, berdasarkan min skor, didapati bahawa fon kategori paparan komputer mempunyai tahap kebolehbacaan yang lebih baik berbanding dengan fon kategori percetakan.

Sebagai cadangan, Ahmad Zamzuri Mohammad Ali (2011) menyarankan supaya fon *Georgia* dan *Verdana* digunakan terhadap paparan teks bahasa Melayu di laman web. Namun begitu, fon *Times New Roman* dan *Arial* boleh dijadikan sebagai alternatif walaupun fon ini merupakan fon bagi kategori media bercetak.

2.4.3 Pengaruh bahan bacaan

Pemilihan bahan bacaan juga dapat mempengaruhi murid-murid bertingkah laku seperti apa yang telah dibaca oleh mereka dan dilihat di dalam bahan bacaan. Menurut Maisarah Saidin dan Latifah Abdul Majid (2012) menerusi kajian mereka yang bertajuk *Pembentukan Jati Diri Kanak-Kanak melalui Bahan Bacaan Bahasa Malaysia*, bahan bacaan juga dapat membentuk jati diri kanak-kanak. Kebanyakan hasil daripada kajian lepas didapati bahawa pembentukan jati diri kanak-kanak sering kali dikaitkan dengan ibu bapa, rakan sebaya, dan media massa seperti televisyen dan Internet. Selain itu, mereka juga mendapati bahawa bahan bacaan turut memainkan peranan dalam pembentukan jati diri kanak-kanak. Hal ini dikatakan demikian kerana dalam bahan bacaan bahasa Melayu ada diselitkan unsur-unsur kebaikan yang mampu membentuk jati diri kanak-kanak, iaitu nilai-nilai murni.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Terdapat 17 nilai murni yang diterapkan dalam kajian yang dilakukan oleh Maisarah Saidin dan Latifah Abdul Majid (2012) ini. Nilai-nilai murni yang dimaksudkan terdiri daripada baik hati, berdikari, hemah tinggi, hormat-menghormati, kasih sayang, keadilan, kebebasan, keberanian, kebersihan fizikal dan mental, kejujuran, kerajinan, kerjasama, kesederhanaan, kesyukuran, rasional, semangat bermasyarakat, dan semangat kewarganegaraan. Hasil daripada kajian ini mendapati bahawa bahan bacaan yang mempunyai konsep nilai murni yang dibaca khususnya bahan bacaan berbentuk fiksyen dan agama dapat membantu kanak-kanak dalam membentuk jati diri di samping mampu mendidik mereka tentang konsep nilai murni. Apa yang pasti, semasa memilih bahan bacaan yang bersesuaian untuk kanak-kanak, kandungan bahan bacaan tersebut juga perlu dititikberatkan. Hal ini dikatakan demikian kerana di samping dapat menarik minat kanak-kanak untuk membaca, mereka juga dapat mengaplikasikan nilai-nilai murni tersebut dalam kehidupan mereka.

Menurut Azman Wan Chik (1986), sewajarnya murid-murid di sekolah rendah terutamanya perlu disogokkan dengan bahan-bahan bacaan yang mampu menggerakkan motivasi mereka untuk terus membaca lagi. Di dalam menggerakkan motivasi ke atas minat untuk terus membaca, alam afektif dengan alam kognitif murid haruslah berkembang seiring atau serentak. Sehubungan dengan itu, menjadi tanggungjawab dan tugas guru membentuk afektif murid melalui pemberian bahan bacaan yang mampu mengembangkan aspek kognitif murid.

Oleh yang demikian, penyediaan, penghasilan dan penubuhan bahan bacaan untuk kanak-kanak haruslah berdasarkan perkara seperti yang berikut:

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

1. Bahan bacaan kanak-kanak haruslah sesuai dengan latar belakang umur, keupayaan mental, perkembangan bahasa, dan minat membaca.
2. Untuk memenuhi keperluan di atas, bahan bacaan tersebut haruslah pelbagai bentuk dan kandungannya, dikawal bahasanya dari segi perbendaharaan kata dan struktur, dan tidak dibahagi-bahagikan secara buatan kepada subjek seperti sains, ilmu alam, sejarah, dan sebagainya, tetapi digabungjalinkan sebagai bacaan 'hidup' yang sebenarnya.
3. Semua bahan haruslah merupakan bahan pengukuhan bahasa dan pengkayaan pengalaman kanak-kanak.
4. Semua bahan tersebut dapat menggerakkan motivasi anak-nak agar ingin membaca lagi.

Sumber: Azman Wan Chik (1986, ms. 126)

Selain dapat mempengaruhi tingkah laku atau afektif kanak-kanak, pemilihan bahan bacaan yang bersesuaian juga dapat membentuk emosi seperti perasaan gembira atau sedih, suka atau duka, marah atau sayang, berani atau takut, dan pelbagai lagi perasaan yang wujud dalam diri manusia. Kesemua emosi ini akan mempengaruhi tindakan manusia, persepsi, dan aktiviti dalam bertingkah laku sebagai pelengkap dalam kehidupan seharian. Sejajar dengan kenyataan ini, satu kajian yang berkaitan pernah dilakukan oleh Aba'ie Sujud dan Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi (2011) untuk mengetahui hasil tingkah laku yang berbentuk emosi ke atas murid-murid yang membaca bahan bacaan yang diberikan.

.

Sampel kajian yang digunakan dalam kajian yang dilakukan oleh Aba'ie Sujud dan Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi (2011) terdiri daripada murid-murid yang berumur di antara tujuh hingga 12 tahun. Seramai 30 orang murid dari tiga buah sekolah rendah di setiap zon di Malaysia, iaitu di Selangor, Melaka, Perak, Kelantan, Sabah, Sarawak, Kuala Lumpur, dan Putrajaya yang keseluruhannya berjumlah seramai 240 orang murid telah dipilih secara rawak. Kaedah kajian yang digunakan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

ialah temu bual, borang soal selidik, dan pemerhatian untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan. Hasil kajian mendapati bahawa majoriti murid amat menggemari buku cerita bergambar kerana murid-murid berasa girang, bersungguh-sungguh, dan ingin tahu untuk membaca buku cerita seperti itu. Selain itu, mereka turut menunjukkan emosi seperti geram, marah, simpati, dan bersahaja terhadap bahan bacaan yang mempunyai watak antagonis dalam bentuk cerita haiwan dan cerita rakyat. Oleh itu, penghasilan buku cerita untuk kanak-kanak harus mempunyai daya rasa (sensori) dan dapat meninggalkan kesan perasaan kepada pembaca terutamanya kanak-kanak supaya perasaan tersebut dapat diaplikasikan dan dapat difahami dalam kehidupan realiti mereka.

Kepelbagaian bahan bacaan juga mampu mempengaruhi murid-murid dengan membina strategi belajar secara individu dalam meningkatkan pencapaian diri supaya mereka tidak ketinggalan apabila dibandingkan dengan murid yang cemerlang. Kajian yang dijalankan oleh Zamri Mahamod dan Mohamed Amin Embi (2005) bertujuan untuk melihat perbezaan antara murid cemerlang dengan murid yang lemah antara lelaki dan perempuan tentang strategi pembelajaran murid khususnya di luar kelas.

Hasil kajian berbentuk kualitatif dengan menggunakan kaedah temu bual ke atas murid tingkatan empat mendapati, terdapat perbezaan antara pengaruh bahan bacaan ke atas strategi pembelajaran Bahasa Melayu antara murid lelaki dengan murid perempuan. Bagi pelajar cemerlang lelaki, mereka bahan bacaan seperti karya berbentuk sastera, suratkhabar dan majalah, buku motivasi mengenai teknik membaca, bahan-bahan bacaan yang berfaedah, bahan bacaan rujukan peperiksaan, bahan bacaan ilmiah dan kamus dapat membantu mereka dalam berkomunikasi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

dengan menggunakan pelbagai jenis ayat yang bernas ketika berbincang. Bagi pelajar lelaki yang lemah, pengaruh bahan bacaan seperti karya berbentuk sastera, kamus, suratkhabar dan majalah, buku-buku teks dan lain-lain membantu mereka mencatat isi-isi penting, dapat mengisi masa lapang, memudahkan mereka membuat latihan penulisan dan sebagainya.

Hasil analisis pelajar cemerlang perempuan pula, pengaruh bahan bacaan menjadikan mereka dapat mengetahui pelbagai isu semasa dalam dan luar negara, dapat menambah ilmu pengetahuan dapat mengetahui pelbagai perbendaharaan kata yang dapat digunakan dalam pertuturan, penulisan dan sebagainya. Namun begitu, bagi pelajar lemah perempuan, pengaruh kepelbagaian bahan bacaan dapat membantu mereka menambah pengetahuan mengenai pelbagai isu semasa di samping dapat membantu meningkatkan kemahiran berfikir mereka.

2.5 Genre dan ilustrasi bahan bacaan

Menurut Abdul Aziz Abd Talib (2000) dan Abdul Hakeem Misnan (2014), bahan-bahan bacaan yang ingin disediakan oleh guru untuk murid-murid di sekolah rendah hendaklah beraneka genre atau jenis serta dapat menepati minat dan kehendak murid untuk membaca. Selain persembahan bahan bacaan daripada aspek bahasa yang dititikberatkan, ilustrasi juga memainkan peranan penting dalam penyediaan dan pemilihan bahan bacaan untuk murid-murid di sekolah rendah. Bahan-bahan bacaan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

untuk kanak-kanak perlulah disertakan dengan ilustrasi yang menarik, berwarna jelas serta terang. Selain ilustrasi, gambar yang disertakan juga mestilah kelihatan 'hidup'.

2.5.1 Genre

Menurut Grabe dan Kaplan, 1996 dan Bazerman, 1997 (dalam Yenni Rozimela (2014), maksud utama genre adalah bahasa yang berlaku dan terhasil daripada hubungan interaksi dalam konteks sosial seterusnya diimplementasikan dalam bentuk penceritaan semua ke atas bahan bacaan. mengikut hubungan sosial

Zainiah Mohamad Isa (2008) telah melakukan kajian yang bertujuan untuk melihat ciri-ciri buku cerita dari segi genre, kategori buku, watak utama, latar cerita, jenis warna, saiz ilustrasi, jenis ilustrasi, saiz huruf, dan saiz buku yang terdapat di dalam bilik darjah prasekolah. Sebanyak 417 buah buku cerita yang terdapat di setiap prasekolah di seluruh Malaysia. Kesemua buku cerita yang dianalisis juga merujuk kepada buku cerita untuk pembaca maju, pembaca awal, dan pembaca baharu. Hasil daripada analisis yang dilakukan mendapati bahawa majoriti buku cerita yang terdapat di prasekolah, iaitu 34.1 peratus merupakan buku cerita tentang haiwan, manakala 30.9% pula merupakan buku cerita tentang kehidupan harian kanak-kanak.

Zainiah Mohamad Isa (2008) juga mendapati bahawa majoriti buku cerita mempunyai warna yang terang, ilustrasi satu muka surat penuh, menggunakan saiz huruf besar, dan buku menggunakan saiz yang kecil (1/2 A4). Buku bergambar adalah buku yang paling banyak terdapat di dalam bilik darjah prasekolah, iaitu 82.7% buah. Hal ini kerana menurut Abdul Aziz, 2000 (dalam Zaniah Mohamed Isa, 2008),

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

sesebuah bahan bacaan perlu disertakan dengan ilustrasi yang menarik, gambar berwarna dan diilustrasikan dengan menarik supaya dapat menarik dan memikat hati kanak-kanak untuk membaca bahan bacaan tersebut.

Kajian yang telah dijalankan oleh Dahlia Janan (2011), bertujuan melihat faktor-faktor yang mempengaruhi kebolehbacaan sesebuah bahan bacaan yang dibaca ataupun diberi. Kajian ini dijalankan di luar negara dengan responden seramai 36 orang murid. Hasil analisis menunjukkan murid lelaki di luar negara sangat cenderung memilih bahan bacaan yang mempunyai cerita berunsur keluarga. Manakala murid perempuan di luar negara lebih cenderung memilih bahan bacaan yang mempunyai unsur mistik. Hasil juga menunjukkan, pelajar lelaki dan perempuan sangat banyak memilih bahan bacaan yang berbentuk gambar untuk dibaca.

Hasil analisis berdasarkan umur, pembaca mula lebih cenderung memilih bahan bacaan bergambar untuk dibaca, manakala pembaca awal lebih cenderung memilih bahan bacaan yang berbentuk fantasi moden. Selain itu, genre bahan bacaan yang banyak dipilih oleh pembaca mula adalah bahan bacaan bergenre keluarga, manakala bagi pembaca awal, mereka lebih cenderung memilih bahan bacaan yang mempunyai cerita berunsur mistik dan keluarga. Tambahan pula, hasil analisis mengenai ilustrasi bahan bacaan pelajar di luar negara menunjukkan bahawa kesemua bahan bacaan yang dipilih mempunyai ilustrasi dalam bentuk bergambar. Hal ini kerana skop kajian ini melihat ilustrasi yang berbentuk gambar ataupun lukisan sahaja. Genre dan ilustrasi pada bahan bacaan merupakan sebahagian daripada kebolehbacaan sesebuah bahan bacaan.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Salmah Hj. Ayob (1981) telah melakukan kajian yang bertajuk *Sastera untuk Kanak-Kanak: Fungsi dan Implikasinya*. Beliau telah menyenaraikan genre bahan bacaan untuk kanak-kanak yang berbentuk sastera. Antaranya ialah cerita rakyat, cerita dongeng, cerita legenda, cerita bergambar, komik, biografi, dan fiksyen sains. Kepelbagaian genre bahan bacaan boleh dipilih oleh guru-guru untuk menarik minat murid-murid untuk membaca. Kaedah ini boleh dilihat sebagai medium pendidikan moral dan estetik kehidupan yang wujud dalam kehidupan yang telah diterjemahkan ke dalam bahan bacaan sastera. Hasil kepelbagaian genre yang terdapat dalam persembahan bahan bacaan kanak-kanak terbukti mampu memberikan pendidikan moral, kejiwaan terhadap watak-watak yang digambarkan dalam bahan bacaan tersebut, dan memberikan motivasi kepada kanak-kanak untuk lebih rasional dengan situasi yang dihadapi oleh mereka secara realiti.

2.5.2 Ilustrasi bahan bacaan

Menurut Jayme Andrews, Lauren Scharff dan Laurie Moses (2002), hampir kebanyakan bahan bacaan yang dihasilkan untuk pembacaan kanak-kanak mengandungi ilustrasi. Menurut Arba'ie Sujud dan Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi (2011) dan Dahlia Janan (2005), ilustrasi dan gambar turut mempengaruhi susah senang sesebuah bahan bacaan yang di hasilkan. Ianya bergantung kepada kemahiran atau kepakaran daripada pelukis-pencerita. Menurut Arba'ie Sujud dan Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi (2011) pula, di dalam menyampaikan atau memerihalkan jalan cerita yang dikarang oleh penulis, penghasilan ilustrasi mestilah berturutan mengikut jalan cerita. Pelukis perlu mengguna dan mengaplikasikan kemahiran yang ada untuk melukiskan watak, latar, suasana yang sesuai dengan jalan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

cerita. Hal ini supaya, cerita yang digambarkan melalui ilustrasi bukan sahaja menarik. Malahan tepat, jelas, dan selari dengan maksud cerita.

Selain itu, menurut Ab. Rahman Ab. Rashid dan Mat Nor Hussin (1988) dan David Hilman (1998), gambar yang terdapat di dalam bahan bacaan dapat membantu murid membentuk struktur bahasa murid secara sistematik dan merupakan medium dalam menyampaikan mesej tentang jalan cerita sesebuah bahan bacaan secara abstrak. Menurut J.S. Farrant, 1981 (dalam Ab. Rahman Ab. Rashid dan Mat Nor Hussin, 1988) pemilihan gambar di dalam bahan bacaan mestilah mempunyai kesesuaian dengan teks atau jalan cerita yang dikarang, ringkas, terang, menarik dan jelas.

Menurut Jayme Andrews, Laurens Scharff, dan Lauries Moses (2002), penggunaan ilustrasi di dalam bahan bacaan menjadikan buku tersebut sangat menarik dan dapat memberikan satu hubungan yang baik dengan para pembaca. Kajian yang telah dijalankan oleh para pengkaji adalah untuk mendapatkan data empirikal bagi mengetahui hubungan antara ilustrasi dengan kefahaman dalam bacaan. Di samping itu juga, kajian ini dijalankan untuk mendapatkan gambaran sebenar secara lebih spesifik tentang gaya ilustratur yang murid minati.

Kajian rintis telah dijalankan terlebih dahulu untuk mendapatkan maklumat umum berkaitan tentang ilustrasi. Hasil kajian yang signifikan diperolehi bahawa murid-murid lebih banyak memilih bahan bacaan yang mempunyai ilustrasi yang digambarkan melalui jalan cerita dan ilustrasi yang yang digambarkan mempunyai warna terang dan kartun yang diilustrasikan seperti watak yang sebenar.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Kajian ini berbentuk eksperimen. Para pengkaji telah menggunakan instrument yang dibangunkan sendiri untuk diuji kepada tiga aras kanak-kanak yang berbeza-beza. Para pengkaji telah mengarang cerita yang baru dengan memasukkan ilustrasi yang berbeza-beza, iaitu 1) terang – realistik; 2) terang – abstrak; 3) suram – realistik; dan 4) suram – abstrak. Gambar yang realistik adalah gambar yang menyerupai gambar fotografi. Manakala gambar abstrak lebih menyerupai lukisan kartun. Namun, masih persis seperti gambar yang realistik.

Semua gambar yang dimuatkan ke dalam instrumen yang dibina, iaitu cerita baru, mempunyai skema warna yang sama. Cuma, apa yang membezakannya adalah lakaran atau lukisan ke atas gambar yang dimuatkan ke dalam cerita baru tersebut. Soalan kefahaman akan ditanya selepas murid membaca cerita yang diberikan. Ianya berkisar tentang ilustrasi yang digambar dan dimuatkan di dalam cerita baru yang direka. Ini bertujuan untuk mendapatkan maklum balas mengenai ilustrasi yang dimuatkan ke dalam cerita.

Hasil analisis menunjukkan murid lebih suka kepada kombinasi terang - realistik. Mereka cenderung menyukai gambar yang terang kerana ianya lebih baik daripada gambar yang suram. Keputusan yang signifikan juga diperolehi terhadap kefahaman bahan bacaan yang mempunyai ilustrasi adalah lebih baik daripada bahan bacaan yang mempunyai teks sahaja tanpa ilustrasi.

Implikasi kajian ini menunjukkan bahawa, penggunaan ilustrasi sememangnya mempunyai pengaruh untuk menarik minat pembaca membaca sesebuah bahan bacaan. Di samping itu juga, dengan adanya ilustrasi dan gambar yang berpadanan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

dapat membantu kefahaman pembaca ke atas bahan bacaan dan ianya juga adalah bantuan yang sangat baik kepada kanak-kanak yang masih belum mahir membaca untuk memahami bahan bacaan tersebut.

Kajian oleh Hayes dan Readence (1982) bertujuan untuk menyelidik pertalian antara ilustrasi dengan ciri-ciri teks dalam situasi pengajaran. Kesan yang dikaji adalah ke atas penggunaan ilustrasi yang membantu murid-murid dalam memahami teks berbentuk sains. Hasil kajian mendapati bahawa peranan ilustrasi adalah amat penting dan dapat membantu murid-murid supaya lebih memahami teks dengan lebih berkesan di samping dapat menggalakkan pembelajaran dan pemahaman. Menurut Hayes dan Readence (1983) lagi, ilustrasi dalam teks dapat melengkapkan pemahaman pembaca terhadap idea penulis atau pengarang dan dapat membantu memudahkan pembaca untuk mengingat sesuatu informasi atau fakta.

Kajian yang dijalankan oleh Reinking, Hayes dan McEneaney (1988) pula, bertujuan meneliti kesan penggunaan grafik. Pengkaji berpendapat penggunaan grafik dapat membantu pembaca tahap lemah dalam pembacaannya untuk mengingat semula dan memahami sesebuah teks yang dibacanya. Kajian olahan semula dan berbentuk eksperimen ini memfokuskan pembaca yang baik dan pembaca yang lemah, iaitu seramai 167 orang murid lelaki dan murid perempuan yang berumur di antara tujuh hingga 12 tahun atau murid Tahap 7 dan Tahap 8 di sekolah menengah. Berbanding dengan kajian yang dilakukan sebelumnya, Hayes (1982) hanya memfokuskan sampel yang terdiri daripada pembaca yang baik sahaja. Pada masa yang sama, kajian ini dilakukan bertujuan untuk mengetahui kesan penggunaan alat bantu grafik terhadap sesebuah teks.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Instrumen kajian terdiri daripada tiga petikan yang telah dibangunkan sendiri oleh pengkaji, iaitu petikan berbentuk penjelasan. Setiap petikan disertakan dengan dua alat bantuan grafik. Satu grafik mempunyai maklumat yang diperlukan berkaitan dengan teks dan satu grafik lagi grafik yang dipaparkan tetapi tidak berlebihan serta mempunyai kaitan dengan teks. Hasil ujian kefahaman terhadap petikan dan ujian grafik selepas eksperimen dianalisis dengan menggunakan prosedur varian. Kesimpulan utama menunjukkan sistem kiu dapat membantu pembaca yang lemah meningkatkan minat terhadap alat bantuan grafik di samping dapat mengingat kembali maklumat yang terdapat di dalam grafik tersebut. Apa yang pasti, alat bantuan grafik yang mempunyai sistem kiu mampu membantu meningkatkan kefahaman pembaca yang lemah terhadap teks yang mempunyai alat bantuan grafik. Hal ini jelas menunjukkan bahawa penggunaan grafik mampu membantu murid dalam memahami kandungan bahan bacaan.

Hasil kajian oleh Zhihui Fang (1996) juga mendapati, ilustrasi mempunyai perkaitan dengan pembaca yang terdiri daripada kanak-kanak. Penggunaan ilustrasi di dalam bahan bacaan mampu mempengaruhi perhatian kanak-kanak terhadap bahan bacaan yang berbentuk cetakan. Di samping itu juga, penggunaan ilustrasi merupakan salah satu kaedah mengstimulasikan dan membina daya kreativiti kanak-kanak. Hal ini demikian kerana apabila kanak-kanak membaca, mereka akan mengaitkan ilustrasi yang digambarkan dengan skemata yang sedia ada. Setiap kanak-kanak mempunyai mempunyai daya kreativiti dan imaginasi yang unik dan berbeza-beza apabila menggambarkan plot cerita berdasarkan ilustrasi yang dilihat.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Kajian yang telah dijalankan oleh Zhihui Fang (1996), adalah untuk mengetahui fungsi utama ilustrasi di dalam bahan bacaan yang bergambar serta untuk meneliti kepentingan ilustrasi kepada kanak-kanak melalui pembacaan bahan bacaan. Hasil analisis penggunaan ilustrasi dengan teks adalah untuk mewujudkan lakaran atau visual mengenai suasana seperti apa yang digambarkan dalam bentuk bahasa untuk kanak-kanak, seperti latar belakang suasana, tempoh masa dan watak yang digambarkan di dalam cerita. Begitu juga dengan sejarah, budaya dan kehidupan sosial yang tidak ada dalam komuniti kanak-kanak yang membaca.

Selain itu, kajian yang telah dijalankan oleh Norabian Hamzah (2013) adalah untuk melihat perkaitan antara tahap kebolehbacaan dengan ciri-ciri sesebuah bahan bacaan. Ciri-ciri bahan bacaan yang dilihat hanya merangkumi aspek reka bentuk teks, ilustrasi, warna dan struktur organisasi atau gaya persembahan pada sesebuah bahan bacaan. Seramai 36 orang murid di Sekolah Kebangsaan Seksyen 27 (2), Shah Alam dan Sekolah Kebangsaan Ulu Bernam, Hilir Perak dijadikan sebagai sampel kajian. Murid-murid yang terlibat terdiri daripada murid-murid tahun satu hingga tahun enam. Sejumlah 144 buah buku cerita telah dianalisis kandungannya dan dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu sebanyak 72 buah telah dipilih oleh guru-guru dan 72 buah lagi dipilih sendiri oleh murid-murid.

Pengkaji telah menganalisis ciri-ciri pada bahan bacaan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS) dengan melihat kekerapan (frekuensi) dan peratusan sahaja. Bagi menganalisis kandungan buku-buku cerita pula, formula kebolehbacaan Khadijah Rohani (1982) telah digunakan. Hasil kajian berdasarkan lokasi kajian mendapati murid bandar dan luar bandar sangat cenderung

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

memilih bahan bacaan yang mempunyai cerita-cerita mengenai haiwan. Begitu juga pilihan murid berdasarkan jantina, murid lelaki dan perempuan sangat banyak memilih bahan bacaan yang mempunyai cerita tentang haiwan. Malahan, hasil kajian juga mendapati, kesemua bahan bacaan yang dipilih oleh murid sama ada berdasarkan jantina dan lokasi kajian, murid sangat cenderung memilih bahan bacaan yang mempunyai ilustrasi. Tambahan pula, ilustrasi yang dipilih adalah ilustrasi yang mempunyai warna yang menarik walaupun bahan bacaan yang dipilih mempunyai tahap kebolehbacaan yang tinggi.

Sehubungan dengan itu, genre dan ilustrasi yang ada pada sesebuah bahan bacaan, merupakan salah satu faktor yang mempengaruhi kebolehbacaan sesebuah bahan. Menurut Dahlia Janan (2006), ilustrasi dapat membantu bagi meningkatkan atau menurunkan tahap kebolehbacaan bahan bacaan. Walau bagaimanapun, ianya bergantung kepada cara persembahan dan penggunaannya dalam bahan bacaan. Sungguhpun demikian, penggunaan ilustrasi dan gambar dalam bentuk fotografi yang banyak dalam penghasilan sesebuah bahan bacaan mengakibatkan pembaca malas untuk membaca.

Selain itu, menurut Colin H., 1980 (dalam Dahlia Janan, 2006) mengatakan warna turut memainkan peranan mempengaruhi sesuatu bahan bacaan. Hal ini demikian kerana kesan penggunaan warna mampu menarik minat, perhatian dan memberikan motivasi kepada pembaca untuk membaca bahan bacaan tersebut.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

2.6 Kebolehbacaan

Menurut Khadijah Rohani (2001 dan 1990), sudah sampai masanya para guru, ibu bapa, dan penulis buku mengambil berat tentang masalah menyesuaikan bahan bacaan dengan kebolehan membaca murid-murid. Kaedah yang paling mudah dan sesuai digunakan ialah kaedah menilai kebolehbacaan bahan bacaan menggunakan formula kebolehbacaan. Menurut Coleman (1968), pemberian bahan bacaan yang bersesuaian dengan kebolehan membaca murid-murid atau kanak-kanak menandakan bahawa guru atau ibu bapa khususnya telah berjaya membantu menyelesaikan sebahagian daripada masalah bacaan yang dihadapi oleh mereka.

Apa yang pasti, kebolehbacaan sememangnya dapat membantu memadankan bahan bacaan dengan keupayaan membaca seseorang individu. Khadijah Rohani (2001) menyatakan bahawa sudah sampai masanya para guru yang merupakan golongan yang sememangnya sentiasa berada dekat atau hampir dengan murid-murid mengambil berat tentang masalah dalam menyesuaikan bahan bacaan dengan kebolehan membaca murid-murid. Hal ini dikatakan demikian kerana kebolehan murid-murid sememangnya berbeza-beza. Dengan menggunakan kebolehbacaan, maka guru-guru terpandu untuk memilih bahan bacaan yang sesuai yang boleh digunakan ketika sesi pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah dan bahan bacaan tersebut juga dapat membantu menarik minat murid-murid untuk membaca atau memotivasikan murid-murid untuk terus mengekalkan tabiat membaca.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

2.6.1 Konsep kebolehbacaan

Definisi awal kebolehbacaan menurut George Klare (1963), kebolehbacaan ialah pendekatan yang digunakan sebagai alternatif untuk memudahkan pemahaman pembaca terhadap bahan bacaan, gaya penulisan seorang penulis serta pembaca dapat memahami apa yang ingin disampaikan oleh penulis dengan baik dan berkesan (dalam DuBay, 2004). Tambahan lagi, menurut Lee dan French (2011), pembaca mendapati bahawa bahan bacaan yang dibaca mampu menarik minat pembaca iaitu, melibatkan pemahaman.

Menurut John Gilliland (1975), kebolehbacaan merupakan masalah yang sering dialami oleh para pembaca yang ingin memilih serta mendapatkan bahan bacaan sama ada untuk pembacaan sendiri mahupun untuk pembacaan pembaca yang lain seperti anak-anak atau murid-murid. Definisi John Gilliland (1975) disokong oleh H. DuBay (2004) bahawa kebolehbacaan merupakan satu kaedah yang digunakan dalam menyesuaikan bahan bacaan yang dipilih dengan kebolehan membaca seseorang murid atau kanak-kanak dan juga orang dewasa. Menurut Khadijah Rohani (1990) pula, kebolehbacaan merupakan suatu cara untuk menyesuaikan golongan pembaca, iaitu para pelajar dan bahan bacaan yang bersesuaian dengan mereka.

Menurut Marohaini Yusoff (1999) pula, kebolehbacaan ialah satu konsep yang merujuk kepada tahap atau darjah susah senangnya sesuatu bahan bacaan untuk dibaca. Keadaan ini bergantung pada keupayaan seseorang pembaca semasa membaca dan memahami bahan bacaan tersebut. Keadaan ini juga dipengaruhi oleh beberapa

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

faktor seperti faktor pembaca, faktor persekitaran seseorang pembaca, dan faktor bahan bacaan itu sendiri.

Menurut Jeanne S. Chall (1988) pula, pengukuran kebolehbacaan telah terhasil daripada tarikan terhadap kesukaran memahami kandungan yang berkaitan dengan buku teks. Oleh hal yang demikian, menurut Khadijah Rohani (1990), kadar penggunaan perbendaharaan kata dan panjang pendek ayat telah dijadikan sebagai faktor pengukuran dalam menentukan tahap kebolehbacaan dan pemahaman terhadap bahan bacaan.

Seterusnya, konsep kebolehbacaan dikaji semua dengan mengambil kira faktor-faktor lain yang mempengaruhi kebolehbacaan sesebuah bahan bacaan dengan pembaca. Maka, kajian yang dijalankan oleh Dahlia Janan (2011) mendefinisikan konsep kebolehbacaan merupakan proses interaksi yang dinamik antara faktor pembaca dan faktor teks yang dibatasi oleh konteks.

2.6.2 Formula kebolehbacaan

Formula kebolehbacaan diwujudkan untuk mengetahui nilai atau tahap kebolehbacaan bagi setiap bahan bacaan yang dihasilkan untuk disesuaikan dengan pembaca. Menurut Khadijah Rohani (1990), terdapat berbagai-bagai teknik dan prosedur yang merupakan formula dalam menentukan tahap kebolehbacaan bahan bacaan. Antara teknik tersebut adalah seperti berikut:

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

a) Formula Kebolehbacaan (Lively dan Pressey, 1923; Vogel dan Washburne, 1925; Flesch, 1949; Fry, 1968; Khadijah Rohani, 1982);
b) Prosedur Kloz (Taylor, 1953);
c) Inventori bacaan tidak formal;
d) Analisis kohesif (Binkley, 1983); dan
e) Nomograf (Zakaluk, 1984)

Sumber : Khadijah Rohani (1990, ms. 146)

Kajian yang dijalankan oleh Khadijah Rohani (1982) yang bertajuk *An Assesment of Structural Variables in Malays: A Readability Formula* telah jalankan untuk membina suatu formula kebolehbacaan yang boleh digunakan untuk menilai bahan bacaan di dalam bahasa Melayu. Dalam kajian, ini, pengkaji telah menganalisis sebanyak 360 buah petikan yang terdiri daripada petikan daripada buku teks Darjah Dua sehinga petikan buku teks Tingkatan Lima dan sebanyak tiga jenis buku teks, iaitu buku teks Bahasa Melayu, Sains Sosial dan Sains Fizikal yang dianalisis.

Sebanyak 10 pemboleh ubah bebas telah dikenal pasti dan kesemua pemboleh ubah dianalisis menggunakan dua jenis prosedur statistik, iaitu analisis faktor dan regresi ‘stepwise’. Analisis *stepwise* atau regrasi ‘stepwise’ digunakan untuk mencari persamaan regresi yang boleh dijadikan pemboleh ubah penelah pada buku teks yang dianalisis. Bagi mengenal pasti pola hubungan di antara 10 pemboleh ubah bebas yang dikenal pasti, analisis faktor digunakan. Kesemua analisis ini dianalisis menggunakan perisian SPSS .

Hasil daripada analisis faktor, terdapat dua faktor utama yang boleh menentukan tahap susah senang sesebuah bahan bacaan, iaitu faktor perbendaharaan kata dan faktor ayat. Hasil kajian juga mendapati petikan yang mempunyai 300 patah

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

perkataan dan panjang jumlah perkataan dalam satu ayat boleh digunakan dalam menentukan atau meramalkan tahap kebolehbacaan sesebuah teks untuk tiga buah subjek yang berbeza. Koefisian pertalian formula kebolehbacaan ini ialah .84 sehingga .93, iaitu setanding dengan formula-formula kebolehbacaan Bahasa Inggeris yang telah dibangunkan oleh Flesch (1948), Fry (1968), Raygor (1977) dan Spache (1953). Oleh yang demikian, menurut pengkaji lagi, contoh petikan yang mengandungi 300 patah perkataan adalah lagi baik dalam meramalkan susah senang sesebuah bahan bacaan untuk dibaca daripada petikan yang mempunyai 100 patah perkataan di dalam bahasa Melayu.

Menurut Khadijah Rohani (1987), formula kebolehbacaan merupakan persamaan matematik yang ditubuhkan melalui prosedur regrasi. Menurutnya lagi, prosedur ini digunakan untuk mencari persamaan yang menunjukkan hubungan antara dua pemboleh ubah. Pemboleh ubah-pemboleh ubah yang digunakan ialah struktur ayat dan perbendaharaan kata yang terdapat dalam bahan bacaan. Pengkaji telah melakukan kajian kebolehbacaan dengan melihat dua pemboleh ubah ini pada buku-buku teks.

Beliau telah menyarankan satu formula yang digunakan untuk menganggar kebolehbacaan bahan bacaan dalam bahasa Melayu. Penghasilan formula ini berdasarkan petikan-petikan daripada buku-buku teks yang digunakan sama ada di sekolah rendah mahupun sekolah menengah, iaitu dari darjah dua hingga tingkatan lima. Sebanyak 360 sampel yang terdiri daripada 100 perkataan setiap satunya digunakan. Antara pemboleh ubah bebas yang digunakan untuk menganalisis kebolehbacaan buku-buku teks ialah:-

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

a) Jumlah perkataan yang mempunyai satu suku kata;
b) Jumlah perkataan yang mempunyai lebih daripada tiga suku kata;
c) Jumlah imbuhan awalan;
d) Jumlah imbuhan akhiran;
e) Jumlah perkataan Inggeris;
f) Hitung panjang jumlah perkataan dalam satu ayat;
g) Jumlah ayat selapis;
h) Jumlah ayat berlapis;
i) Jumlah ganti nama diri; dan
j) Jumlah suku kata dalam 100 perkataan.

Sumber: Khadijah Rohani (1987, ms. 278-279)

Hasil analisis memperlihatkan bahawa perbendaharaan kata dan struktur ayat merupakan faktor yang dapat menerangkan tahap kebolehbacaan sesuatu bahan bacaan. Khadijah Rohani (1987), turut menunjukkan cara-cara menggunakan formula kebolehbacaan bahasa Malaysia, iaitu:

i. Memilih petikan
   a) Petikan pendek (300 patah perkataan);
   b) Petikan panjang atau daripada buku teks. Memadai sekiranya sebahagian sampel sahaja yang dianalisis. Pilih sampel pada bahagian awal, bahagian pertengahan, dan bahagian akhir bahan bacaan tersebut dan tiap-tiap sampel harus mempunyai 100 patah perkataan.

ii. Cara menggunakan formula:
   a) Bilang jumlah ayat dalam tiap-tiap tiga sampel yang mempunyai 100 patah perkataan tiap-tiap satunya. Anggarkan jawapan supaya menjadi hampir persepuluh. Campurkan,

      Sampel 1. _____ ayat
      Sampel 2. _____ ayat
      Sampel 3. _____ ayat
      Jumlah _____ ayat

   b) Bahagikan 300 patah perkataan dengan (1) untuk mendapatkan hitung panjang jumlah perkataan dalam satu ayat.

      ⌊ 300

   c) Bilang jumlah suku kata dalam ketiga-tiga sampel yang mempunyai 100 patah perkataan tiap-tiap satunya. Campurkan untuk mendapatkan jumlah suku kata.

      Sampel 1. _____ suku kata
      Sampel 2. _____ suku kata
      Sampel 3. _____ suku kata
      Jumlah _____ suku kata

   d) Darabkan (2) dengan 0.3793 _____ x 0.3794 = _____
   e) Darabkan (3) dengan 0.0207 _____ x 0.0207 = _____

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

f) Campurkan (4) dan (5) _____
g) Tolak 13.988 daripada (6) _____

- 13.988

_____

_____ =Tahap Kebolehbacaan (Darjah/Tingkatan)

iii. Menukarkan tahap kebolehbacaan kepada darjah atau tingkatan di sekolah:

Tahap Kebolehbacaan	Darjah/Tingkatan
1	1
2	2
3	3
4	4
5	5
6	6
7	1
8	2
9	3
10	4
11	5
1.5	Pada pertengahan darjah 1.
1.9	Pada akhir tahun darjah 1 atau pada awal tahun darjah 2 dan seterusnya.

Sumber: Khadijah Rohani (1987, ms. 282-284)

2.6.3 Kajian-kajian berkaitan kebolehbacaan

Jamilah Ahmad (1991) telah mengaplikasikan formula kebolehbacaan yang dibangunkan oleh Khadijah Rohani (1987) untuk mengetahui tahap kebolehbacaan buku-buku teks Bahasa Malaysia Tingkatan 1 KBSM serta menilai hubungan antara tahap kebolehbacaan dengan kriteria pemilihan buku teks. Sebanyak tujuh judul buku teks Bahasa Malaysia tingkatan satu telah dikaji dan melibatkan seramai 60 orang guru Bahasa Malaysia dari 20 buah sekolah menengah yang terpilih di Wilayah Persekutuan, Selangor, dan Negeri Sembilan. Data yang diperoleh dianalisis dengan menggunakan formula kebolehbacaan dan soal selidik.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Hasil kajian mendapati bahawa tahap kebolehbacaan buku-buku teks KBSM ternyata berbeza-beza antara 6.12 yang paling rendah dan 7.29 yang merupakan tahap yang paling tinggi yang dicatatkan. Tahap 6.12 merupakan tahap buku teks yang sesuai untuk pelajar-pelajar yang berpencapaian bawah paras sederhana pada peringkat tingkatan satu dan murid-murid tahun enam KBSR. Implikasi yang didapati jelas memperlihatkan bahawa buku-buku teks yang dihasilkan tidak dapat memenuhi keperluan pelajar-pelajar berpencapaian tinggi tingkatan satu KBSM. Sewajarnya, tahap yang bersesuaian dengan penghasilan buku teks bagi para pelajar tingkatan satu KBSM ialah 7.0 dan ke atas.

Terdapat beberapa kriteria yang dilihat dalam penilaian buku teks bahasa Melayu. Kriteria yang diberikan adalah sama dengan kriteria dalam penghasilan buku sastera kanak-kanak. Walau bagaimanapun, aspek yang membezakan antara kedua-duanya ialah aspek latihan aktiviti dan pengukuhan, aspek kebolehan memahami, aspek minat, dan motivasi serta aspek fizikal di samping aspek format yang merupakan antara kriteria lain yang dilihat mempunyai perhubungan dalam menilai tahap kebolehbacaan buku teks yang dikaji.

Hasil kajian juga mendapati bahawa terdapat hubungan yang positif antara tahap kebolehbacaan buku teks dengan pemilihan yang dilakukan oleh guru-guru terutamanya di sekolah-sekolah berpencapaian tinggi. Selain itu, terdapat hubungan yang positif antara pemboleh ubah-pemboleh ubah kebolehbacaan dengan kriteria pemilihan buku teks. Pemboleh ubah yang paling penting yang menjadi pilihan guru-guru dalam pemilihan buku teks ialah struktur ayat. Terdapat juga kesan penilaian guru-guru terhadap buku teks bahasa Malaysia antara guru-guru di sekolah

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

berpencapaian tinggi dengan guru-guru di sekolah berpencapaian rendah, iaitu tiap-tiap buku teks mempunyai kekuatan dan kelemahan yang tersendiri. Oleh itu, tahap kebolehbacaan boleh digunakan untuk saling melengkapi kriteria penilaian buku teks bahasa Malaysia dalam usaha mendapatkan buku yang bermutu.

Kajian yang dilakukan oleh Dahlia Janan (2003) bertujuan untuk mencari kaedah yang boleh digunakan dalam menurunkan tahap kebolehbacaan bahan bacaan sastera supaya boleh dibaca oleh murid-murid tahap dua sekolah rendah. Oleh itu, cerpen *Kami yang Terlibat* yang merupakan karya Sasterawan Negara, iaitu Usman Awang telah dipilih.

Kajian yang pernah dilakukan oleh Oxford University Press yang berkaitan dengan usaha menurunkan tahap kebolehbacaan cerita *Robinson Crusoe* telah dijadikan sebagai panduan semasa kajian ini dilakukan. Usaha menurunkan tahap kebolehbacaan cerita *Robinson Crusoe* karya Daniel Defoe ini dilakukan bagi membolehkan cerita ini dibaca oleh tiga kelompok pembaca, iaitu para pembaca pada peringkat universiti, gred tiga, dan gred dua. Apa yang pasti, usaha menurunkan tahap kebolehbacaan cerpen *Kami yang Terlibat* sememangnya didapati ada menggunakan formula kebolehbacaan yang dibangunkan oleh Khadijah Rohani (1982) sebagai alat kajian.

Hasil kajian mendapati bahawa dengan menggunakan formula kebolehbacaan Khadijah Rohani (1982), indeks kebolehbacaan yang berjaya dicatatkan ialah 5.781, iaitu boleh dibaca oleh murid-murid yang sederhana. Selain itu, Dahlia Janan (2003)

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

telah mengenal pasti sebanyak 11 aspek yang boleh diubah suai untuk menurunkan tahap kebolehbacaan, iaitu:

1. Pendekatan penulisan;
2. Kandungan cerita;
3. Pembahagian bab;
4. Penggunaan tajuk kecil;
5. Panjang perenggan;
6. Penggunaan ilustrasi;
7. Mengehadkan jumlah perbendaharaan kata;
8. Pemilihan kata;
9. Panjang ayat:
10. Tanda baca; dan
11. Jenis ayat.

Sumber: Dahlia Janan (2003, ms. 175)

Selain itu, beliau telah menyenaraikan sebanyak empat belas langkah yang boleh diikuti semasa menurunkan tahap kebolehbacaan bahan bacaan. Langkah-langkah ini diharapkan dapat menyumbang ke arah penurunan tahap bacaan teks sastera yang lain supaya boleh dibaca oleh murid-murid yang berada pada peringkat yang lebih rendah. Langkah-langkah tersebut adalah seperti berikut:

1. Baca bahan bacaan yang akan diturunkan tahap kebolehbacaannya dan kira tahap kebolehbacaan bahan tersebut;
2. Tetapkan tahap kebolehbacaan bahan yang dikehendaki;
3. Baca bahan bacaan tersebut semula dan tandakan peristiwa-peristiwa sampingan yang terdapat di dalamnya. Gugurkan peristiwa-peristiwa sampingan itu;
4. Tandakan pula peristiwa-peristiwa yang diceritakan dengan terlalu panjang dan ringkaskan peristiwa-peristiwa itu;
5. Senaraikan setiap contoh yang diberikan dan gugurkan contoh-contoh yang tidak penting;
6. Tandakan perkataan sukar, dialek, pinjaman, dan yang jarang digunakan dan gantikan perkataan-perkataan tersebut dengan perkataan-perkataan yang lazim digunakan;
7. Senaraikan setiap frasa yang tidak bermakna, iaitu kata penguat, frasa penguat, dan frasa relatif. Gugurkan frasa tersebut sekiranya tidak menjejaskan makna;
8. Sekiranya proses menggugurkan frasa-frasa yang lewah tersebut menjejaskan makna, maka gantikan frasa-frasa yang digugurkan dengan perkataan yang lazim digunakan;
9. Tandakan ayat-ayat majmuk yang terdapat dalam bahan bacaan. Bina semula ayat tersebut menggunakan ayat tunggal (purata 8-12

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

patah perkataan dalam satu ayat) atau ayat gabungan (purata 15-20 patah perkataan dalam satu ayat). Purata perkataan dalam ayat yang disarankan ini berdasarkan purata perkataan yang diperoleh daripada kajian menurunkan tahap kebolehbacaan buku cerita Robinson Crusoe;

10. Susun semula bahan bacaan yang disunting. Bina semula perenggan dengan menetapkan di antara tujuh hingga sepuluh ayat dalam satu perenggan;
11. Semak semula bahan bacaan yang disunting dan cuba cari bahagian yang sesuai untuk disertakan ilustrasi atau gambar;
12. Bina semula bahan bacaan yang sudah dimanipulasikan dan kira tahap kebolehbacaan supaya sesuai dengan tahap yang ditetapkan;
13. Sekiranya kebolehbacaan lebih tinggi daripada tahap yang dikehendaki, maka ulang kaedah dan tambahkan senarai perkataan yang lazim digunakan, perkataan standard, dan ayat tunggal atau ayat gabungan;
14. Kira semula tahap kebolehbacaan bahan yang dibina. Sekiranya tahap kebolehbacaan masih tidak sesuai, maka ulang langkah 13.

Sumber: Dahlia Janan (2003, ms. 96-97)

Seterusnya, pengkaji Dahlia Janan (2006) telah menjalankan kajian lanjutan ke atas cerpen Kami Yang terlibat yang diturunkan tahap kebolehbacaannya ke atas murid-murid di sekolah bandar dan luar bandar dan ke atas murid lelaki dan perempuan. Hasil analisis berdasarkan jantina mendapati terdapat perbezaan antara pencapaian murid-murid lelaki dan perempuan. Hasil pencapaian murid perempuan adalah lebih tinggi dan lebih baik berbanding dengan pencapaian murid lelaki. Begitu juga dengan pencapaian di antara murid-murid di lokasi bandar dan luar bandar yang menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang ketara. Hal ini menunjukkan prosedur menurunkan tahap kebolehbacaan yang dibangunkan berupaya menurunkan tahap kebolehbacaan bahan kerana bahan bacaan yang telah diturunkan tahap kebolehbacaannya memberikan keputusan ujian yang lebih baik berbanding dengan bahan bacaan yang mempunyai tahap kebolehbacaan yang tinggi. Tambahan pula, bahan bacaan yang diturunkan tahap kebolehbacaannya tidak bersifat menyebelahi mana-mana pihak sama ada berdasarkan jantina dan lokasi kajian. Namun demikian,

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

kaedah ini hanya sebagai ramalan dalam menyesuaikan dan cuba memadankan bahan bacaan dengan tahap murid.

Kajian oleh Maszuraini (2005) bertujuan untuk menilai tahap kebolehbacaan teks yang digunakan dalam mata pelajaran komponen sastera atau KOMSAS. Tahap kebolehbacaan teks KOMSAS telah ditentukan dengan menggunakan Formula Kebolehbacaan yang dibangunkan oleh Khadijah Rohani (1982). Sampel kajian terdiri daripada lapan buah teks berbentuk novel yang digunakan oleh para pelajar tingkatan empat dan tingkatan lima di seluruh negara. Sampel juga diperoleh daripada empat zon seperti berikut:

Zon	Novel
Zon 1- Selangor, Perlis, Negeri Sembilan, dan Wilayah Persekutuan	Bukit Kepong dan Konserto Terakhir
Zon 2 - Sabah, Sarawak, Pahang, dan Terengganu	Terminal Tiga dan Seteguh Karang
Zon 3 - Melaka, Johor, dan Kelantan	Di Hadapan Pulau dan Putera Gunung Tahan
Zon 4 - Kedah, Perak, dan Pulau Pinang	Perlumbaan Kedua dan Julia.

Hasil kajian mendapati bahawa nilai kebolehbacaan kesemua novel adalah tidak sesuai dengan tahap kebolehan membaca kumpulan sasaran. Nilai kebolehbacaan 8/9 buah novel adalah di antara 4.0 hingga 7.6 dan ternyata hanya sesuai untuk dibaca oleh pelajar tingkatan satu. Sebuah lagi novel dicatatkan tahap kebolehbacaannya sehingga 13.7, iaitu nilai yang sesuai dengan tahap kebolehan membaca untuk para pelajar tingkatan enam atas. Analisis juga mendapati bahawa terdapat perbezaan nilai yang tinggi antara novel yang diedarkan di setiap zon. Zon 2 memperlihatkan indeks kebolehbacaan yang dicatatkan sebanyak 4.5, iaitu paling rendah, manakala Zon 3 indeksnya ialah 9.6, iaitu paling tinggi. Novel yang

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

mempunyai indeks kebolehbacaan yang tinggi merupakan novel hasil karya Sasterawan Negara.


Kajian yang dilakukan oleh Dahlia Janan (2011) bertujuan untuk menambah baik konsep definisi kebolehbacaan yang telah lama wujud. Kajian semula konsep kebolehbacaan ini dilakukan berdasarkan kelompangan yang ditinggalkan oleh para pengkaji lepas yang hanya memandang paradigma positivis dan kaedah kuantitatif sahaja. Oleh hal yang demikian, Dahlia Janan (2011) telah menggabungkan dua kaedah kajian, iaitu kaedah kuantitatif dan juga kaedah kualitatif dalam kajiannya ini.

Beliau telah menggunakan formula kebolehbacaan, analisis teks, analisis miskiu, penceritaan semula, dan temu bual sebagai alat pengumpulan data. Seramai 32 orang responden yang terlibat. Responden dibahagikan kepada 16 orang murid lelaki dan 16 orang murid perempuan. Kesemua responden yang dipilih berumur di antara enam hingga 11 tahun. Data telah dianalisis dengan menggunakan enam formula kebolehbacaan yang terdiri daripada *ATOS* (1997), *Dale-Chall* (1948), *Flesh-Kincaid* (1948), *FOG* (1952), *SMOG* (1969), dan *Spache* (1953). Di samping itu, beliau juga menggunakan *Reading Miscue Inventory* (Goodman, Watson dan Burke, 2005), *Judging Richness of Retelling* (Iwin dan Mitchell, 1983), *text feature analysis forms*, dan *a cross-interview analysis.* Dua program komputer telah digunakan dalam membantu menganalisis data kajian, iaitu *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS 17) untuk menganalisis data kuantitatif, manakala *Qualitative Data Analysis* (NVIVO 7) digunakan untuk menganalisis data kualitatif.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Hasil analisis mendapati bahawa konsep kebolehbacaan merupakan proses interaksi yang dinamik antara faktor pembaca dan faktor teks yang dibatasi oleh konteks. Rajah 2.1 merupakan *A New Model of Readability* atau Model Baharu Kebolehbacaan yang dibangunkan oleh Dahlia Janan (2011) yang merujuk kepada hubungan tiga faktor utama yang saling berkait dalam mempengaruhi kebolehbacaan seseorang pembaca semasa membaca dan memahami teks atau bahan bacaan yang dipilih atau diberikan.



Rajah 2.2 A New Model of Readability oleh Dahlia Janan (2011: 340)

Keadaan ini jelas memperlihatkan bahawa kebolehbacaan menurut para pengkaji barat dan para pengkaji di Malaysia memberikan makna bahawa kebolehbacaan merujuk kepada suatu kaedah yang digunakan untuk memadankan bahan bacaan dengan para pembaca dengan mengambil kira kebolehan seseorang pembaca serta fokus seseorang pembaca itu sendiri sama ada melibatkan kanak-kanak, murid-murid sekolah mahupun orang dewasa.

Oleh hal yang demikian, dalam bidang pendidikan, pengaplikasian formula kebolehbacaan sememangnya sangat digalakkan bagi membuat padanan dalam

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

memilih bahan bacaan atau teks untuk dibaca oleh murid-murid khususnya. Menurut Zakaria Haji Ahmat (2005), bahan bacaan ialah semua sumber maklumat yang dihasilkan dalam bentuk bercetak. Pemilihan bahan bacaan atau teks yang berpadanan dapat membantu guru-guru semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Di samping membuat padanan dengan murid-murid, bahan atau teks bacaan dapat menarik minat murid-murid untuk membaca dan mendalami isi-isi penting yang ingin diajarkan kepada mereka. Sehubungan dengan itu, terdapatnya implikasi yang boleh dilihat hasil daripada penggunaan formula kebolehbacaan terhadap teks bahasa Melayu yang dibangunkan oleh Khadijah Rohani (1982) terhadap pembacaan dan pemahaman murid-murid.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

2.7 Kerangka konsep

Hasil dapatan daripada kajian-kajian terdahulu, maka sebuah kerangka konsep direka adalah seperti rajah di bawah:



Rajah 2.3. Kerangka konsep perbandingan bahan bacaan pilihan murid dan guru.


Rajah 2.3 menunjukkan kerangka konsep perbandingan bahan bacaan pilihan murid dan guru. pemilihan bahan bacaan yang dipilih oleh murid dan guru adalah berdasarkan daya tarikan terhadap persembahan dan ciri-ciri bahan bacaan, pengaruh serta genre dan ilustrasi bahan bacaan yang ada di lokasi kajian. Persembahan dan ciri-ciri bahan bacaan merangkumi kandungan bahan bacaan, kesesuaian bahan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

bacaan dengan murid, motivasi, kefahaman, emosi, dan minat murid terhadap bahan bacaan. Pengaruh bahan bacaan pula, seperti moral dan nilai-nilai murni yang dipersembahkan dan disampaikan oleh penulis sebagai jalan cerita atau idea utama. Manakala genre dan ilustrasi pula merujuk kepelbagaian jenis cerita bahan bacaan yang terdapat di lokasi kajian serta ilustrasi yang ada di dalam bahan bacaan pula merupakan usaha menarik minat membaca dalam kalangan murid di sekolah rendah.

Berdasarkan Jadual 2.3 juga, aspek persembahan, ciri-ciri, pengaruh serta genre dan ilustrasi bahan bacaan merujuk kepada faktor pemilihan sesebuah bahan bacaan yang dipilih. Penentuan kebolehbacaan bahan bacaan yang dipilih oleh murid dan guru pula, pengkaji telah mengaplikasikan konsep kebolehbacaan sesebuah bahan bacaan dalam meramal darjah susah senang sesebuah bahan bacaan dengan menggunakan formula kebolehbacaan Bahasa Melayu yang dibangunkan oleh Khadijah Rohani (1982). Aspek yang dilihat ialah kandungan bahan bacaan yang dipilih oleh murid dengan guru. Berikut adalah kerangka analisis kandungan iaitu:



Rajah 2.4. Kerangka analisis kandungan.

Berdasarkan Rajah 2.4 di atas, analisis kandungan yang akan dilihat serta diproses hanya melibatkan bahan bacaan yang dipilih murid dan bahan bacaan yang dipilih

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

oleh guru. Aspek atau elemen yang dilihat terdiri daripada jumlah ayat, jumlah perkataan dan jumlah suku kata di dalam bahan bacaan sahaja. Kesemua elemen ini di analisis menggunakan Formula Kebolehbacaan Khadijah Rohani (1982).

2.8 Kesimpulan

Justeru, daripada kajian-kajian lepas yang sudah pun dikemukakan, pengkaji mendapati bahawa masih terdapatnya kekurangan atau kelompangan yang boleh dibaiki. Kajian-kajian lepas tersebut didapati hanya memfokuskan usaha untuk mengemukakan kaedah dalam menentukan tahap kebolehbacaan sesebuah buku teks atau bahan bacaan sastera yang sesuai untuk murid-murid. Bahan bacaan atau teks yang ditentukan kebolehbacaannya merupakan petikan-petikan daripada buku teks dan bukannya terdiri daripada bahan bacaan dalam bentuk sebuah buku yang boleh dibaca oleh golongan kanak-kanak di samping hanya memfokuskan ciri-ciri buku kanak-kanak yang boleh disesuaikan mengikut usia dan kriteria-kriteria yang harus ada dalam penghasilan sesebuah bahan bacaan untuk kanak-kanak.

Bahan bacaan amat berkait rapat dengan aktiviti membaca dalam kalangan murid. Pemilihan bahan bacaan yang bersesuaian dikatakan dapat mempengaruhi kognitif dan tingkah laku murid-murid. Sehubungan dengan itu, kajian ini dilakukan bertujuan untuk mengenal pasti tahap kebolehbacaan bahan bacaan yang dipilih oleh murid dan dibandingkan dengan tahap kebolehbacaan bahan bacaan yang dipilih oleh guru. Berdasarkan himpunan kajian lepas yang ada, dari segi persembahan dan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

kriteria bahan bacaan, guru boleh memilih bahan bacaan yang sesuai untuk murid-murid mereka. Namun begitu, pengaplikasian formula kebolehbacaan Khadijah Rohani (1982) didapati mampu menyokong kesesuaian bahan bacaan yang dipilih oleh guru-guru supaya berpadanan dengan tahap umur murid-murid.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Di dalam bab ini, pengkaji akan memberikan penerangan secara terperinci mengenai kaedah dan prosedur pengumpulan data kajian (Noraini Idris, 2013). Bab ini merupakan bab yang dapat membantu pengkaji mengenal pasti reka bentuk, sampel serta lokasi kajian dalam usaha mendapatkan maklumat. Di samping itu, pengkaji akan menghuraikan prosedur pengumpulan data dan instrumen kajian yang digunakan semasa menganalisis data. Kesemua aspek ini yang akan membantu pengkaji dalam melakukan seterusnya menjawab persoalan serta menghuraikan masalah supaya mampu mencapai objektif kajian yang sudah pun ditetapkan.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

3.2 Reka bentuk kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif deskriptif dengan menggunakan kaedah analisis kandungan terhadap bahan bacaan yang dipilih oleh murid dan bahan bacaan yang dipilih oleh guru. Menurut Ruhizan Mohammad Yassin dan Maizam Alias (2013), penyelidikan kuantitatif suatu reka bentuk kajian yang mementingkan objektif dalam pengumpulan data berdasarkan suatu fenomena yang ingin dikaji dapat diterangkan dengan mengukur elemen-elemen yang terlibat. Data yang dikumpul dan dianalisis adalah dalam bentuk numerik dan dengan menggunakan pendekatan statistik. Ini menunjukkan bahawa, kaedah kuantitatif adalah suatu kaedah yang menginterprestasikan dapatan yang telah diproses atau menunjukkan gejala yang mana lebih banyak atau lebih kerap diperolehi (Asmah Hj. Omar, 2001).

Di dalam kajian ini, kaedah analisis kandungan dipilih untuk mengetahui tahap kebolehbacaan bahan bacaan yang dipilih oleh murid dengan tahap kebolehbacaan bahan bacaan yang dipilih oleh guru di samping mengetahui genre dan ilustrasi bahan bacaan yang dipilih oleh murid dengan guru. Menurut Bryman (2008), analisis kandungan ialah pendekatan yang digunakan untuk mengira jumlah kandungan ke atas dokumen dan juga teks dengan melihat kategori yang tertentu, secara sistematik, dan boleh diulangi. Oleh itu, kaedah ini digunakan bertujuan untuk menentukan nilai tahap kebolehbacaan bahan bacaan yang dipilih oleh murid-murid dan guru-guru di samping mengetahui genre dan ilustrasi bahan bacaan yang dipilih oleh murid dengan guru. Apa yang pasti, bahan bacaan yang dipilih oleh murid dan guru terdiri daripada bahan bacaan yang bercetak sahaja.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Kajian berbentuk kuantitatif yang dijalankan ini juga memberikan gambaran yang terbaik untuk memahami sesuatu faktor atau pemboleh ubah yang boleh mempengaruhi hasil analisis. Setiap pemboleh ubah mempunyai fungsinya yang tertentu bergantung kepada kajian yang dijalankan (Chua Yan Piaw, 2006, Creswell, 2009 dan Abd. Ghani, Ahmad Tajuddin Othman, Melissa Ng Lee Yen Abdullah dan Shuki Osman dalam Noraini Idris, 2013). Oleh yang demikian, pemboleh ubah di dalam kajian ini dibahagikan kepada dua, iaitu pemboleh ubah tidak bersandar dan pemboleh ubah bersandar.

Pemboleh ubah tidak bersandar merujuk kepada pemboleh ubah yang dapat memberikan kesan ke atas kajian yang dijalankan, manakala pemboleh ubah bersandar pula adalah hasil yang diperolehi daripada pemboleh ubah tidak bersandar (Azizi Yahya, Sharin Hashim, Jamaludin Ramli, Yusof Boon dan Abdul Rahim Hamdan, 2006 dan Shuki Osman, Melissa Ng Lee Yen Abdullah, Abd. Ghani dalam Noraini Idris, 2013). Maka, dalam kajian ini, pemboleh ubah tidak bersandarnya terdiri daripada murid dan guru yang dipilih sebagai sampel kajian di lokasi kajian yang berlainan, iaitu lokasi bandar dan luar bandar dan sebanyak dua buah sekolah dipilih bagi setiap lokasi kajian. Manakala, pemboleh ubah bersandar pula merupakan tahap kebolehbacaan bahan bacaan, genre dan ilustrasi bahan bacaan yang dipilih oleh murid dengan guru.

Oleh yang demikian, reka bentuk kajian kuantitatif ini adalah untuk mengenal pasti perbezaan tahap kebolehbacaan bahan bacaan, genre dan ilustrasi bahan bacaan yang dipilih oleh murid dengan guru dan perbandingan di antaranya dibuat mengikut tahun persekolahan murid, jantina dan lokasi kajian. Kandungan pada bahan bacaan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

yang dianalisis hanya terdiri daripada aspek bahasa yang merangkumi jumlah patah perkataan, jumlah ayat dan jumlah suku kata dalam petikan bahan bacaan yang dipilih oleh murid dengan guru yang diukur menggunakan formula kebolehbacaan bahan bacaan dalam bahasa Melayu.


Seterusnya, kandungan bahan bacaan dianalisis menggunakan formula kebolehbacaan yang telah ditubuhkan oleh Khadijah Rohani (1982) dalam menentukan tahap kebolehbacaan bahan bacaan yang dipilih oleh sampel murid dan guru. Manakala, analisis kandungan bahan bacaan dari segi genre dan ilustrasi bahan bacaan pula dianalisis menggunakan borang ciri-ciri fizikal bahan bacaan. Kemudian, hasil analisis kandungan yang merangkumi tahap kebolehbacaan, genre dan ilustrasi bahan bacaan seterusnya dianalisis menggunakan SPSS 20 (Statistical Package for the Social Sciences) dalam bentuk kekerapan dan peratusan sahaja.

3.3 Sampel kajian

Di dalam kajian ini, pemilihan sampel adalah berbentuk persempelan bertujuan. Menurut Noraini Idris (2013), persampelan bertujuan dipilih atas pertimbangan individu dalam memilih sampel berdasarkan objektif kajian yang ingin dicapai oleh pengkaji. Oleh yang demikian, Rajah 3.1 berikut, merupakan rajah pemilihan sampel kajian yang dijalankan. Sampel kajian terdiri daripada murid dan guru di empat buah sekolah yang telah dibahagikan kepada lokasi bandar dan luar bandar.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P



Rajah 3.1. Pemilihan sampel kajian.

Berdasarkan Rajah 3.1, secara keseluruhanya, sampel murid berjumlah 144 orang murid dan sampel guru berjumlah 24 orang guru. Pemilihan sampel kajian dibahagikan kepada lokasi bandar dan luar bandar. Setiap lokasi, dua buah sekolah telah dipilih bagi mewakili lokasi kajian. Sekolah Satu dan Sekolah Dua mewakili lokasi bandar. Manakala Sekolah Tiga dan Sekolah Empat mewakili lokasi luar bandar.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Setiap sekolah di lokasi bandar dan luar bandar, seramai 36 orang sampel murid telah dipilih. Pemilihan murid terdiri daripada murid Tahun Satu hingga Tahun Enam. Setiap tahun persekolahan murid, pengkaji hanya mengehadkan seramai enam orang murid sahaja yang terdiri daripada tiga orang murid lelaki dan tiga orang murid perempuan. Pemilihan sampel murid adalah atas dasar kepercayaan guru kepada murid untuk memilih murid yang mempunyai tahap kebolehan membaca yang baik.

Di samping itu juga, di setiap sekolah di lokasi bandar dan luar bandar juga, seramai enam orang guru dipilih bagi mewakili setiap sekolah. pemilihan guru hanya terbatas kepada guru yang mengajar subjek bahasa Melayu. Tambahan pula, pemilihan guru-guru ini kerana mereka merupakan guru subjek bahasa Melayu kepada sampel murid yang telah dipilih.

3.4 Instrumen kajian

Instrumen yang digunakan untuk mengutip data kajian adalah menggunakan borang pengiraan tahap kebolehbacaan dan borang ciri-ciri fizikal bahan bacaan. Borang pengiraan tahap kebolehbacaan telah dibangunkan oleh Dahlia Janan pada tahun 2003. Manakala borang ciri-ciri fizikal bahan bacaan pula telah dibangunkan juga oleh Dahlia Janan pada tahun 2011. Borang ciri-ciri fizikal diperolehi daripada hasil penyelidikan pengkaji-pengkaji yang terdahulu yang meilihat aspek tipografi sesebuah bahan bacaan yng boleh mempengaruhi kebolehbacaan sesebuah bahan bacaan. Contoh borang dan cara menggunakan serta menganalisis data menggunakan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

borang tersebut, sila lihat di bahagian lampiran, iaitu Lampiran 1 dan Lampiran 2. Maka, dalam kajian ini, bahan yang akan dianalisis hanya kandungan bahan bacaan yang meliputi tahap kebolehbacaan, genre dan ilustrasi bahan bacaan pilihan murid dan bahan bacaan pilihan guru sahaja.

3.4.1 Formula kebolehbacaan

Menurut Marohaini Yusoff (1989), formula ini digunakan bertujuan untuk menganggarkan tahap kebolehbacaan bahan bacaan dalam Bahasa Malaysia. Formula kebolehbacaan digunakan untuk menganggarkan tahap atau nilai sesebuah bahan bacaan yang dipilih. Maka dalam skop kajian ini, bahan bacaan terhad kepada bahan bacaan yang dipilih oleh murid dengan bahan bacaan yang dipilih oleh guru. Bahan bacaan hanya dalam bahasa Melayu sahaja.

Berikut merupakan prosedur menggunakan formula kebolehbacaan Khadijah Rohani, iaitu:

I. Memilih petikan:

   i. Petikan pendek (300 patah perkataan). Apabila petikan pendek hendak digunakan, keseluruhan petikan itu adalah penting untuk dianalisis, iaitu dengan mengambil kira jumlah 300 patah perkataan.

   ii. Petikan panjang atau daripada buku teks. Apabila hendak menganalisis buku teks atau petikan yang panjang, maka sampel bahan bacaan itu sahaja yang dianalisis. Pilih sampel pada bahagian awal, bahagian pertengahan, dan bahagian akhir bahan bacaan tadi. Tiap-tiap sampel mengandungi 100 patah perkataan.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

iii. Menggunakan Formula

1. Bilang jumlah ayat dalam tiap-tiap tiga sampel yang mengandungi 100 patah perkataan tiap-tiap satunya. Anggarkan jawapan supaya menjadi hampir kepada persepuluh.

   Jumlah ayat: Sampel 1:_____ayat
   Sampel 2:_____ayat
   Sampel 3:_____ayat
   Jumlah :_____ayat

2. Bahagikan 300 patah perkataan dengan (1) untuk mendapatkan hitung panjang jumlah perkataan dalam satu ayat.

   ⟌ 300

3. Bilang jumlah suku kata dalam ketiga-tiga sampel yang mengandungi 100 patah perkataan tiap-tiap satunya. Campurkan untuk mendapatkan jumlah suku kata.

   Jumlah suku kata Sampel 1:_____suku kata
   Sampel 2:_____suku kata
   Sampel 3:_____suku kata
   Jumlah :_____suku kata

4. Darabkan (2) dengan 0.3793 _____ x 0.03793 = _____
5. Darabkan (3) dengan 0.0207 _____ x 0.0207 =_____
6. Campurkan (4) dan (4) _____ + _____ =_____
7. Tolakkan 13.988 daripada (6) __ - 13.988 = <u>Tahap Kebolehbacan</u>

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Jadual 3.1

Tahap Kebolehbacaan Bahan dan Darjah/Tingkatan Murid

Tahap Kebolehbacaan	Darjah/Tingkatan
1	1
2	2
3	3
4	4
5	5
6	6
7	1
8	2
9	3
10	4
11	5
1.5	Pada pertengahan tahun darjah 1
1.9	Pada akhir tahun darjah 1 atau pada awal tahun darjah 2 dan seterusnya

Sumber: Khadijah Rohani (1989: 282-284)

3.4.2 Kesahan dan kebolehpercayaan

Kesahan dan kebolehpercayaan merujuk kepada sejauh mana dapatan kajian yang telah dianalisis adalah tekal dan tepat (Creswell, 2009). Menurut Othman Lebar (2012), keadaan ini boleh dikaitkan dengan dapatan kajian yang dikumpulkan adalah benar-benar pasti berdasarkan situasi sebenar dan setakat mana dapatan kajian tersebut boleh diulang semula untuk mendapatkan kepastian yang tepat.

Oleh itu, dalam kajian yang dilakukan ini, bagi memastikan analisis kandungan terhadap bahan bacaan yang dipilih oleh guru-guru dan bahan bacaan yang dipilih oleh murid-murid benar-benar sah dan boleh dipercayai, maka pengkaji menggunakan formula kebolehbacaan Khadijah Rohani (1982) yang diperoleh daripada ketekalan formula tersebut dalam menetapkan tahap kebolehbacaan bahan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

bacaan berdasarkan darjah atau tingkatan. Di samping itu juga, pengkaji menggunakan instrumen yang dibina oleh pengkaji berdasarkan hasil penyelidikan pengkaji berdasarkan kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan bidang kebolehbacaan sesebuah bahan bacaan.

3.4.2.1 Kesahan

Kesahan formula kebolehbacaan ini menurut Khadijah Rohani (2001) adalah berdasarkan analisis yang dijalankan ke atas petikan-petikan daripada buku teks yang digunakan di sekolah-sekolah oleh murid Darjah Dua sehingga Tingkatan Lima.buku-buku teks yang dikaji, terdiri daripada bahan bacaan dalam bahasa Melayu daripada tiga mata pelajaran yang berbeza-beza, iaitu buku teks mata pelajaran Sains, Bahasa Melayu dan Sains Sosial. Sebanyak 360 sampel (petikan) yang terdiri dari 100 patah perkataan bagi setiap sampel digunakan. Sebanyak 10 pembolehubah bebas telah diambil kira dalam membangunkan formula kebolehbacaan ke atas bahan bacaan bahasa Melayu. Pembolehubah bebas tersebut ialah:

a) Jumlah perkataan yang mempunyai satu suku kata;
b) Jumlah perkataan yang mempunyai lebih dari tiga suku kata;
c) Jumlah imbuhan awalan;
d) Jumlah imbuhan akhiran;
e) Jumlah perkataan Inggeris;
f) Hitung panjang jumlah perkataan dalam satu ayat;
g) Jumlah ayat selapis;
h) Jumlah ayat berlapis;
i) Jumlah ganti nama; dan
j) Jumlah suku kata dalam 100 patah perkataan.

Sumber: Khadijah Rohani (2001: 5-6)

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

3.4.2.2 Kebolehpercayaan

Untuk meningkatkan kebolehpercayaan formula yang kebolehbacaan ini, prosedur statistik dijalankan bagi menganalisis 10 pembolehubah bebas yang telah dikenal pasti dan dikumpulkan. Sebanyak dua jenis prosedur statistik telah digunakan untuk menubuhkan persamaan regresi membentuk formula kebolehbacaan. Prosedur tersebut ialah analisis faktor dan regresi "stepwise".

Analisis faktor ialah prosedur statistik yang digunakan untuk mencari pola hubungan di antara sepuluh pembolehubah bebas yang dianalisis menggunakan faktor-prinsip. Kegunaan faktor-prinsip berdasarkan anggaran komunal (comumunality estimates). Maka, tiga faktor diperoleh hasil daripada analisis menggunakan faktor-prinsip ini, iaitu:

Faktor I	*Lebih menunjukkan kandungan yang berkaitan dengan ciri-ciri perkataan yang dinamakan faktor perbendaharaan kata.*
Faktor II	*Lebih menunjukkan bidang atau pembahagian yang tertentu yang dinamakan faktor ayat.*
Faktor III	*Tidak menunjukkan bidang atau pembahagian yang tertentu dan faktor ini dianggap kurang penting.*

Sumber: Khadijah Rohani (2001: 7)

Berdasarkan faktor-prinsip, Faktor I dan Faktor II lebih jelas menunjukkan hubungan yang tinggi dalam menghasilkan formula kebolehbacaan ini, iaitu sebanyak 91.4%. Satu ciri lain yang diperolehi berdasarkan faktor-prinsip ini ialah semua pembolehubah yang dianalisis mempunyai kandungan yang negatif, kriteria pembacaan adalah senang atau mudah. Sebaliknya berlaku apabila kandungan dianalisis adalah positif, maka kriteria pembacaan adalah sukar.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Regresi "stepwise" pula digunakan untuk mencari faktor yang yang boleh dan dapat dijadikan penelah ke atas kebolehbacaan sesuatu bahan bacaan. Maka, dua penelah yang dikenal pasti ialah jumlah suku kata dalam 100 perkataan yang dinamakan perbendaharaan kata dan hitung panjang jumlah perkataan dalam satu ayat pula merujuk kepada struktur ayat. Menurut Klare, 1975 (dalam Khadijah Rohani, 2001), perbendaharaan kata dan struktur ayat merupakan faktor sarwajagat yang turut digunakan oleh pengkaji-pengkaji bahasa moden yang lain dalam menubuh formula kebolehbacaan. Oleh yang demikian, daripada analisis regrasi ini, satu persamaan kebolehbacaan dalam bahasa Melayu ditubuhkan, iaitu:

Y = -13.988 + 0.3793 X 1 + 0.0207 X 2
r = 0.8388 r2 = 0.703

di mana :

Y = merujuk kepada tahap buku berdasarkan darjah/tingkatan;
X1 : hitung panjang bilangan perkataan dalam satu ayat untuk sampel yang mengandungi 300 patah perkataan;
X2 : jumlah suku kata dalam sampel yang mengandung 300 patah perkataan.

Sumber: Khadijah Rohani (2001: 7)

Sehubungan dengan itu, ketekalan formula ini berdasarkan koefisien pertalian formula ini sebanyak 0.84, iaitu setanding dengan formula-formula kebolehbacaan dalam bahasa Inggeris yang dibangunkan oleh Flesch (1948), Spache (1953), Raygor (1977) dan Fry (1968) (Khadijah Rohani, 2001).

3.5 Prosedur pengumpulan data

Dalam kajian ini, prosedur pengumpulan data dimulai dengan memperincikan lokasi kajian ini dijalankan, proses pemilihan dan pengumpulan bahan bacaan oleh sampel

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

kajian, iaitu murid dan guru. Oleh yang demikian, prosedur pengumpulan data adalah adalah proses susunan data diperoleh dan dikumpulkan agar data yang telah dikumpulkan dapat ditadbir berdasarkan instrumen kajian yang telah dikenalpasti dan ditetapkan.

3.5.1 Lokasi kajian

Kajian telah dijalankan di empat buah sekolah lokasi, iaitu dua buah sekolah di negeri Selangor dan dua buah sekolah di negeri Johor. Justifikasi sekolah yang dijadikan sebagai lokasi kajian hanya melibatkan sekolah rendah sahaja. Jadual 3.1 merupakan jadual lokasi kajian.

Jadual 3.2

Lokasi Kajian

Nama Sekolah	Lokasi	Sampel Murid	Sampel Guru
1 Sekolah Satu	Bandar	36 orang	6 orang
2 Sekolah Dua	Bandar	36 orang	6 orang
3 Sekolah Tiga	Luar bandar	36 orang	6 orang
4 Sekolah Empat	Luar bandar	36 orang	6 orang


Berdasarkan Jadual 3, Sekolah Satu dan Sekolah Dua merujuk kepada lokasi kajian di bandar manakala, Sekolah Tiga dan Sekolah Empat pula merujuk kepada lokasi di luar bandar. Setiap sekolah, seramai 36 sampel murid dan enam sampel guru dipilih. Pembahagian sampel murid dan guru ini boleh dirujuk dalam Rajah 3.1. Pemilihan Sampel Kajian (halaman 79). Secara keseluruhanya, sampel murid berjumlah seramai 144 orang dan sampel guru pula seramai 24 orang. Guru yang dipilih sebagai sampel dalam kajian ini hanya guru yang mengajar subjek bahasa Melayu sahaja.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

3.5.2 Prosedur pemilihan bahan bacaan

Prosedur pemilihan dan pengumpulan data adalah seperti Rajah 3.2 di bawah.



Rajah 3.2. Prosedur pemilihan dan pengumpulan bahan bacaan.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Berdasarkan Rajah 3.2 (halaman 88), proses pemilihan dan pengumpulan bahan bacaan (data kajian) dibahagikan kepada dua peringkat. Pada peringkat pertama, bahan bacaan dipilih oleh murid-murid yang dijadikan sampel kajian. Pengkaji telah memanggil seorang murid yang telah dipilih oleh guru bahasa Melayu dan meminta murid memilih sendiri bahan bacaan yang digemari oleh mereka tanpa mengetahui tujuan pemilihan bahan bacaan tersebut. Kebebasan diberikan kepada murid untuk memilih bahan bacaan yang digemari oleh mereka. Selepas memilih, murid ini kemudiannya memanggil murid yang kedua dan seterusnya secara bergilir-gilir.

Pada peringkat kedua pula, iaitu pemilihan bahan bacaan telah dilakukan oleh guru. Pengkaji telah mencari dan meminta guru hadir ke perpustakaan pada waktu senggang, iaitu pada waktu guru tidak mempunyai jadual waktu kelas untuk memilih bahan bacaan. Namun begitu, pemilihan bahan bacaan oleh guru hanyalah untuk diberikan kepada murid-murid yang telah dipilih untuk dijadikan sampel kajian sahaja. Kebebasan dalam memilih bahan bacaan di perpustakaan sekolah di lokasi kajian diberikan kepada guru untuk mengetahui sejauh mana guru memilih bahan bacaan untuk murid-muridnya.

Dalam kajian ini, proses pemilihan dan pengumpulan bahan bacaan hanya terbatas di perpustakaan sekolah yang dijadikan sebagai lokasi kajian sahaja. Kesemua bahan bacaan yang telah dipilih dikumpulkan dan dianalisis untuk mengetahui tahap kebolehbacaan bahan bacaan yang dipilih oleh murid dengan tahap kebolehbacaan bahan bacaan yang dipilih oleh guru serta perbandingan tahap kebolehbacaan bahan bacaan antara murid dengan guru. Selain itu juga, analisis turut dijalankan untuk mengetahui genre dan ilustrasi bahan bacaan yang dipilih oleh murid

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

dan guru serta perbandingan di antaranya. Hasil analisis data bahan bacaan ini merangkumi tahap kebolehbacaan bahan bacaan, genre dan ilustrasi bahan bacaan akan diperlihatkan berdasarkan tahun persekolahan murid, jantina murid dan lokasi kajian. Di samping itu juga, data analisis tahap kebolehbacaan bahan bacaan yang dipilih oleh guru turut diperlihatkan berdasarkan umur, jantina, lokasi kajian, pengalaman mengajar, pengalaman mengajar subjek bahasa Melayu, kelulusan tertinggi dan opsyen guru.

Bagi proses pengumpulan bahan bacaan untuk dianalisis, pengkaji telah meminta izin daripada Guru Pusat Sumber dan Media terlebih dahulu untuk meminjam kesemua bahan bacaan yang telah dipilih oleh murid dan guru. Dalam proses pengumpulan data ini, pengkaji terlibat secara langsung di setiap lokasi kajian. Tindakan yang dilakukan oleh pengkaji merupakan tindakan seperti yang disarankan oleh Othman Lebar (2012), iaitu keterlibatan pengkaji secara langsung dapat membuka minda pengkaji dan membolehkan pengkaji membuat pemerhatian, mendengar, dan berbincang dengan guru-guru yang dipilih sebagai sampel. Tindakan ini dilakukan bertujuan untuk mengetahui situasi sebenar yang berlaku, iaitu berkaitan dengan kajian ini.

3.6 Prosedur menganalisis data

Jadual 3.3 adalah jadual prosedur penganalisisan data secara keseluruhan, iaitu bermula sumber data diperoleh, kaedah analisis yang digunakan, kemudian hasil

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

analisis yang diinginkan atau keputusan analisis, tujuan data dianalisis serta kesahan dan kebolehpercayaan instrumen yang digunakan dalam menganalisis data mentah sehingga menjadi data yang siap diproses atau dianalisis.

Jadual 3.3

Jadual Penganalisisan Data Keseluruhan

Sumber data	Kaedah Analisis	Keputusan	Tujuan	Kesahan dan Kebolehpercayaan
Bahan bacaan pilihan murid dan guru	Analisis pengiraan 1. Formula Kebolehbacaan Khadijah Rohani (1982)	Tahap kebolehbacaan; Dalam bentuk kekerapan dan peratus	1. Mengenal pasti tahap kebolehbacaan bahan bacaan pilihan murid; 2. Mengenal pasti tahap kebolehbacaan bahan bacaan pilihan guru; 3. Membandingkan tahap kebolehbacaan bahan bacaan pilihan murid dengan pilihan guru.	Kesahan tahap kebolehpercayaan formula diperoleh daripada ketekalan formula menetapkan tahap kebolehbacaan bahan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Jadual 3.3*(*sambungan),

	Analisis kandungan: Borang Ciri-ciri Fizikal Bahan Bacaan.	1. Jenis-jenis genre dan ilustrasi bahan bacaan Dalam bentuk kekerapan dan peratus.	1. Mengenal pasti genre dan ilustrasi bahan bacaan yang dipilih oleh murid dan guru, dan 2. Membandingkan genre dan ilustrasi bahan bacaan pilihan murid dengan guru	Kesahan dan kebolehpercayaan melalui semakan silang bersama rakan sarjana supaya penentuan genre dan ilustrasi bahan bacaan boleh dipercayai apabila keputusan semak silang yang dilakukan bersama mencapai persetujuan 90%.

Berdasarkan Jadual 3.3, sumber data diperolehi dan dikumpulkan daripada bahan bacaan yang dipilih oleh murid dan guru di dua buah lokasi kajian yang berbeza, iaitu lokasi bandar dan luar bandar. Keseluruhan, bahan bacaan yang telah dianalisis adalah sebanyak 244 buah bahan bacaan daripada 144 orang sampel murid dan 24 orang guru bahasa Melayu sahaja.

Kaedah analisis kandungan digunakan untuk menganalisis bahan bacaan yang telah dipilih oleh murid dan guru dan keputusan analisis tahap kebolehbacaan ditunjukkan dalam bentuk kekerapan dan peratus sahaja. Bagi kaedah analisis pengiraan tahap kebolehbacaan bahan bacaan, instrumen yang digunakan adalah borang pengiraan tahap kebolehbacaan (sila lihat di Lampiran 1) dan formula kebolehbacaan Khadijah Rohani (1982) (sila lihat halaman 81-83). Manakala analisis kandungan mengenai dengan genre dan ilustrasi bahan bacaan yang dipilih oleh murid dan guru dianalisis menggunakan borang ciri-ciri fizikal bahan bacaan (sila lihat di Lampiran 2).

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Seterusnya, keputusan hasil analisis pengiraan adalah tahap kebolehbacaan bahan bacaan yang telah ditentukan tahapnya berdasarkan darjah atau tingkatan murid. Bagi keputusan analisis kandungan pula, hasil akan diperlihatkan mengenai genre dan ilustrasi bahan bacaan yang dipilih oleh murid dan guru. Secara keseluruhan, tujuan kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti tahap kebolehbacaan bahan bacaan yang dipilih oleh murid dan guru serta mengetahui perbezaan tahap kebolehbacaan bahan bacaan yang dipilih oleh murid dengan guru di samping mengenal pasti genre dan ilustrasi yang dipilih oleh murid dan guru serta perbezaan di antaranya.

3.7 Rumusan

Rumusannya, pengkaji sudah pun memperincikan reka bentuk kajian untuk kajian yang dilakukan ini yang berbentuk kuantitatif. Bagi membolehkan pengkaji mendapatkan dan mengumpulkan data, maka kaedah tinjauan digunakan yang bertujuan untuk meninjau pemilihan bahan bacaan yang dipilih oleh murid-murid dan bahan bacaan yang dipilih oleh guru-guru. Instrumen analisis kandungan pula digunakan untuk memproses data mentah yang dikumpulkan. Analisis kandungan hanya terbatas kepada teks bahan bacaan yang dipilih oleh guru-guru dan bahan bacaan yang dipilih oleh murid-murid. Data mentah telah dianalisis dengan menggunakan formula kebolehbacaan Khadijah Rohani (1982). Elemen-elemen yang akan dianalisis hanya melibatkan jumlah suku kata, jumlah perkataan, dan jumlah ayat.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Menerusi bab ini juga, pengkaji sudah pun membina kerangka kajian untuk memudahkan pengkaji mengumpulkan data kajian. Sampel kajian juga dijustifikasikan supaya kajian hanya tertakluk kepada sampel yang terlibat sahaja dan berfokus. Selain itu, prosedur pengumpulan data dan prosedur analisis data keseluruhan diperlihatkan bagi menunjukkan kajian ini dilakukan secara sistematik. Kesahan dan kebolehpercayaan pula dilakukan bagi memastikan ketepatan analisis data mempunyai ketekalan yang tinggi dan boleh dipinda untuk pengembangan kajian lanjutan pada masa akan datang.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.1 Pendahuluan

Dalam bab ini, pengkaji memaparkan dapatan analisis tahap kebolehbacaan bahan bacaan yang dipilih oleh murid dan tahap kebolehbacaan bahan bacaan yang dipilih oleh guru serta meneliti perbezaan tahap kebolehbacaan bahan bacaan pilihan murid dengan tahap kebolehbacaan pilihan guru. Selain itu, dapatan kajian juga merujuk kepada genre dan ilustrasi bahan bacaan yang dipilih oleh murid dan guru serta perbezaan antara genre dan ilustrasi bahan bacaan yang dipilih oleh murid dengan guru. Oleh itu, dapatan kajian dipaparkan mengikut tahun persekolahan murid, iaitu

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

secara keseluruhan dan mengikut tahun persekolahan murid. Elemen yang dilihat berdasarkan jantina dan lokasi kajian.

Kesimpulannya, hasil analisis kajian adalah berdasarkan objektif serta menjawab soalan kajian yang telah dirangka pada Bab 1 oleh pengkaji. Objektif dan soalan kajian adalah seperti berikut:

Objektif kajian:

1 Mengenal pasti tahap kebolehbacaan bahan bacaan yang dipilih oleh murid;

2 Mengenal pasti tahap kebolehbacaan bahan bacaan yang dipilih oleh guru;

3 Membandingkan tahap kebolehbacaan bahan bacaan yang dipilih oleh murid dengan indeks kebolehbacaan bahan bacaan yang dipilih oleh guru;

4. Mengenal pasti genre dan ilustrasi bahan bacaan yang dipilih oleh murid dengan genre dan ilustrasi bahan bacaan yang dipilih oleh guru, dan

5. Membandingkan genre dan ilustrasi bahan bacaan yang dipilih oleh murid dengan genre dan ilustrasi bahan bacaan yang dipilih oleh guru.

Soalan kajian:

1. Apakah tahap kebolehbacaan bahan bacaan yang dipilih oleh murid?

2. Apakah tahap kebolehbacaan bahan bacaan yang dipilih oleh guru?

3. Apakah perbezaan tahap kebolehbacaan bahan bacaan yang dipilih oleh murid dengan tahap kebolehbacaan bahan bacaan yang dipilih oleh guru?

4. Apakah genre dan ilustrasi bahan bacaan yang dipilih oleh murid dan guru?

5. Apakah perbezaan genre dan ilustrasi bahan bacaan yang dipilih oleh murid dengan bahan bacaan yang dipilih oleh guru.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

4.2 Tahap kebolehbacaan

Tahap kebolehbacaan merupakan satu ramalan awal terhadap bahan bacaan yang ingin dibaca atau untuk diberikan kepada seseorang pembaca. Menerusi ramalan kebolehbacaan, seseorang pembaca dapat mengetahui tahap bahan bacaan yang ingin dibaca sama ada pada tahap yang sukar atau senang. Tujuan ramalan ini, supaya bahan bacaan yang diberikan berpadanan dengan tahap perkembangan seseorang. Terutamanya bersesuaian dengan tahap kebolehan membaca seseorang.

Dahlia Janan (2006), penyediaan bahan bacaan yang bersesuaian dengan murid yang diajari oleh guru bukanlah satu perkara mudah. Hal ini demikian kerana faktor-faktor seperti latar belakang murid, kebolehan dalam berbahasa dan minat adalah berbeza-beza bagi setiap murid. Di samping itu juga, jantina serta lokasi juga memainkan peranan dalam memilih bahan bacaan yang bersesuaian dengan murid yang diajari. Sehubungan dengan itu, dalam bahagian dapatan kajian ini, pengkaji telah membahagikan dapatan analisis tahap kebolehbacaan bahan bacaan yang dipilih oleh murid dan guru berdasarkan secara keseluruhan dan mengikut tahun persekolahan murid. Tahun persekolahan murid terdiri daripada tahun satu hingga tahun enam. Setiap tahun persekolahan, dapatan data analisis dibahagikan kepada jantina dan lokasi kajian. Jantina murid terdiri daripada murid lelaki dan perempuan. Manakala lokasi kajian dibahagikan kepada lokasi bandar dan luar bandar.

Bagi tahap kebolehbacaan bahan bacaan pilihan guru, tahap kebolehbacaan juga akan dianalisis berdasarkan faktor demografi guru seperti jantina, lokasi sekolah, umur, kelulusan tertinggi, opsyen, pengalaman mengajar dan pengalaman mengajar

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

mata pelajaran bahasa Melayu. Seramai 24 orang guru telah terlibat dan diambil data demografi mereka (sila lihat data demografi di Lampiran 3). Guru ini yang memilih bahan bacaan untuk dibaca oleh murid. Seterusnya, data tahap kebolehbacaan bahan bacaan yang dipilih oleh guru turut dianalisis berdasarkan tahun persekolahan murid. Paparan data dianlisis mengikut jantina murid dan lokasi kajian. Tujuanya untuk melihat perbandingan tahap kebolehbacaan bahan bacaan yang dipilih oleh guru dengan tahap kebolehbacaan bahan bacaan yang dipilih oleh murid.

Seterusnya, tahap kebolehbacaan turut dipaparkan dengan membandingkan tahap kebolehbacaan bahan bacaan yang dipilih oleh murid dengan tahap kebolehbacaan bahan bacaan yang dipilih oleh guru. Di samping itu, dapatan kajian juga turut menganalisis genre dan ilustrasi bahan bacaan yang dipilih oleh murid dan guru. Perbandingan genre dan ilustrasi bahan bacaan turut dilihat untuk mengetahui perbezaan di antara genre bahan bacaan pilihan murid dengan guru serta ilustrasi pada bahan bacaan pilihan murid dengan guru. Genre bahan bacaan dalam kajian ini dibahagikan kepada lapan indikator utama, iaitu misteri dan penyiasatan, haiwan, sahabat, keluarga, patriotik, pendidikan, cerita rakyat dan agama Islam. Manakala, perbandingan ilustrasi pada bahan bacaan meliputi ilustrasi berbentuk gambar, ilustrasi dan tiada berilustrasi.

Sebanyak 288 buah bahan bacaan telah dianalisis kandungannya menggunakan formula kebolehbacaan Khadijah Rohani (1982). Bahan bacaan yang dianalisis terdiri daripada 144 buah bahan bacaan yang dipilih sendiri oleh murid dan 144 buah bahan lagi telah dipilih oleh guru untuk muridnya baca. Analisis kandungan dilakukan secara manual dengan menggunakan borang pengiraan kebolehbacaan yang

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

dirangka oleh Dahlia Janan (2003). Teks bahan bacaan pilihan murid dan teks bahan bacaan pilihan guru ditaip semula dalam bentuk dokumen berkomputer untuk memudahkan pengiraan secara manual. Hal ini demikian kerana belum ada lagi satu perisian yang boleh mengira indeks kebolehbacaan bahan bacaan di dalam bahasa Melayu seperti di dalam bahasa Inggeris. Maka, tahap kebolehbacaan yang telah dianalisis kemudiannya ditukarkan dan disesuaikan dengan darjah atau tingkatan di sekolah. tahap kebolehbacaan ini akan dianalisis menggunakan perisian SPSS 20. Analisis data terhasil dalam bentuk frekuensi dan peratus.

4.3 Hasil dapatan kajian

Hasil dapatan kajian, akan diperlihatkan berdasarkan objektif dan soalan kajian yang telah dirangka pada bab satu. Keputusan hasil dapatan hanya dalam bentuk kekerapan dan peratusan sahaja. Maka, hasil dapatan kajian ini meliputi tajuk seperti berikut:

a) Tahap kebolehbacaan bahan bacaan yang dipilih oleh murid;
b) Tahap kebolehbacaan bahan bacaan yang dipilih oleh guru;
c) Perbandingan tahap kebolehbacaan bahan bacaan pilihan murid dengan guru;
d) Genre dan ilustrasi bahan bacaan yang dipilih oleh murid dan guru; dan
e) Perbandingan genre dan ilustrasi bahan bacaan yang dipilih oleh murid dan guru.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

4.3.1 Tahap kebolehbacaan bahan bacaan pilihan murid

Hasil kajian ini, akan menjawab soalan kajian yang pertama, iaitu:

Soalan kajian 1: Apakah tahap kebolehbacaan bahan bacaan yang dipilih oleh murid?

Sebanyak 144 buah bahan bacaan pilihan murid tahun satu hingga tahun enam telah dianalisis tahap kebolehbacaannya. Maka, keputusan analisis tahap kebolehbacaan bahan bacaan pilihan murid dipamerkan dalam bentuk kekerapan dan peratusan sahaja di bawah tajuk-tajuk kecil berikut:

a) Tahap kebolehbacaan bahan bacaan pilihan murid secara keseluruhan.
b) Tahap kebolehbacaan bahan bacaan pilihan murid mengikut tahun persekolahan yang dilihat berdasarkan jantina dan lokasi.

4.3.1.1 Tahap kebolehbacaan bahan bacaan pilihan murid secara keseluruhan

Jadual 4.1

Jadual Tahap Kebolehbacaan Bahan Bacaan Pilihan Murid Secara Keseluruhan

Tahap Kebolehbacaan	Tahun Persekolahan					
	Tahun 1 (%)	Tahun 2 (%)	Tahun 3 (%)	Tahun 4 (%)	Tahun 5 (%)	Tahun 6 (%)
Tahap Kebolehbacaan >0	25	20.8	8.3	8.3	25	0
Tahap Kebolehbacaan 1	4.1	0	4.1	0	8.3	0
Tahap Kebolehbacaan 2	1.4	4.1	16.6	0	8.3	4.1
Tahap Kebolehbacaan 3	16.6	8.3	25	20.8	16.6	20.8
Tahap Kebolehbacaan 4	25	45	37.5	37.5	20.8	33.3
Tahap Kebolehbacaan 5	20.8	16.6	8.3	20.8	16.6	12.5
Tahap Kebolehbacaan 6	4.1	4.1	0	4.1	4.1	8.3
Tahap Kebolehbacaan 7	0	0	0	12.5	0	8.3
Tahap Kebolehbacaan 8	0	0	0	0	0	8.3
Tahap Kebolehbacaan 9	0	0	0	0	0	4.1
Tahap Kebolehbacaan 10	0	0	0	0	0	0
Tahap Kebolehbacaan 11	0	0	0	0	0	0

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Jadual 4.1 merupakan jadual keseluruhan tahap kebolehbacaan bahan bacaan yang dipilih sendiri oleh murid-murid mengikut tahun persekolahan, iaitu dari tahun satu hingga tahun enam. Secara keseluruhannya, murid-murid lebih tinggi memilih bahan bacaan yang mempunyai tahap kebolehbacaan empat. Didapati, murid tahun dua lebih cenderung memilih bahan bacaan yang mempunyai tahap kebolehbacaan empat, iaitu seramai 45% murid. Murid yang sedikit memilih bahan bacaan yang mempunyai tahap kebolehbacaan empat ialah murid tahun lima. Hal ini demikian kerana murid tahun lima lebih tinggi memilih bahan bacaan yang mempunyai tahap kebolehbacaan kurang daripada kosong. Selain itu, ada dalam kalangan murid yang memilih bahan bacaan yang lebih tinggi daripada tahun persekolahan mereka, contohnya seramai 12.5% murid tahun empat memilih bahan bacaan yang tinggi iaitu tahap kebolehbacaan tujuh dan seramai 4.1% murid tahun enam memilih bahan bacaan yang mempunyai tahap kebolehbacaan sembilan.

Kesimpulannya, berdasarkan jadual tahap kebolehbacaan pilihan murid secara keseluruhan ini, didapati murid tahun satu, tahun dua, tahun tiga, tahun empat, dan tahun enam lebih cenderung memilih bahan bacaan yang mempunyai tahap kebolehbacaan empat. Namun demikian, murid tahun lima didapati lebih banyak memilih bahan bacaan yang mempunyai tahap kebolehbacaan kurang daripada kosong.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

4.3.1.2 Tahap kebolehbacaan bahan bacaan pilihan murid mengikut tahun persekolahan

Hasil dapatan berikut merupakan analisis tahap kebolehbacaan bahan bacaan pilihan murid mengikut tahun persekolahan, iaitu daripada murid tahun satu hingga tahun enam. Kesemua tahap kebolehbacaan mengikut tahun persekolahan dipaparkan berdasarkan jantina dan lokasi.

a) Tahap kebolehbacaan bahan bacaan murid tahun satu

Jadual 4.2

Jadual Tahap Kebolehbacaan Bahan Bacaan Pilihan Murid Tahun Satu Berdasarkan Jantina Dan Lokasi

Tahap Kebolehbacaan	Jantina		Lokasi	
	Lelaki (%)	Perempuan (%)	Bandar (%)	Luar Bandar (%)
Tahap Kebolehbacaan >0	0	25	4.1	20.8
Tahap Kebolehbacaan 1	4.1	0	4.1	0
Tahap Kebolehbacaan 2	4.1	0	4.1	0
Tahap Kebolehbacaan 3	8.3	8.3	12.5	4.1
Tahap Kebolehbacaan 4	20.8	4.1	12.5	12.5
Tahap Kebolehbacaan 5	8.3	12.5	12.5	8.3
Tahap Kebolehbacaan 6	4.1	0	0	4.1
Tahap Kebolehbacaan 7	0	0	0	0
Tahap Kebolehbacaan 8	0	0	0	0
Tahap Kebolehbacaan 9	0	0	0	0
Tahap Kebolehbacaan 10	0	0	0	0
Tahap Kebolehbacaan 11	0	0	0	0

Jadual 4.2 merupakan jadual tahap kebolehbacaan murid-murid tahun satu berdasarkan jantina dan lokasi. Di dapati hampir separuh murid-murid lelaki tahun satu, iaitu 20.8% memilih bahan bacaan yang mempunyai tahap kebolehbacaan empat. Namun demikian, murid perempuan tahun satu lebih cenderung memilih bahan bacaan yang mempunyai tahap kebolehbacaan kosong (25%).

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Jadual juga menunjukkan murid-murid tahun satu di lokasi bandar cenderung memilih bahan bacaan yang mempunyai tahap kebolehbacaan tiga hingga tahap kebolehbacaan lima iaitu 12.5%. Namun demikian, bagi murid-murid tahun satu di lokasi luar bandar, mereka lebih cenderung memilih bahan bacaan yang mempunyai tahap kebolehbacaan yang kurang daripada kosong (20.8%). Selain itu, terdapat murid-murid tahun satu yang memilih bahan bacaan yang tinggi tahap kebolehbacaannya iaitu sehingga tahap kebolehbacaan enam (4.1%).

a) Tahap kebolehbacaan bahan bacaan murid tahun dua

Jadual 4.3

Jadual Tahap Kebolehbacaan Bahan Bacaan Pilihan Murid Tahun Dua Berdasarkan Jantina dan Lokasi

Perkara	Jantina		Lokasi	
	Lelaki (%)	Perempuan (%)	Bandar (%)	Luar Bandar (%)
Tahap Kebolehbacaan >0	16.6	4.1	4.1	16.6
Tahap Kebolehbacaan 1	0	0	0	0
Tahap Kebolehbacaan 2	0	4.1	0	4.1
Tahap Kebolehbacaan 3	4.1	4.1	8.3	0
Tahap Kebolehbacaan 4	12.5	33.3	33.3	12.5
Tahap Kebolehbacaan 5	12.5	4.1	4.1	12.5
Tahap Kebolehbacaan 6	4.1	0	0	4.1
Tahap Kebolehbacaan 7	0	0	0	0
Tahap Kebolehbacaan 8	0	0	0	0
Tahap Kebolehbacaan 9	0	0	0	0
Tahap Kebolehbacaan 10	0	0	0	0
Tahap Kebolehbacaan 11	0	0	0	0

Jadual 4.3 memaparkan hasil analisis tahap kebolehbacaan bahan bacaan yang dipilih oleh murid-murid tahun dua. Berdasarkan jantina, didapati murid-murid lelaki tahun dua lebih cenderung memilih bahan bacaan yang mempunyai tahap kebolehbacaan kurang daripada kosong (16.6%). Namun begitu, murid perempuan lebih cenderung memilih bahan bacaan yang mempunyai tahap kebolehbacaan empat (33.3%). Selain

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

itu, terdapat dalam kalangan murid tahun dua memilih bahan bacaan yang mempunyai tahap kebolehbacaan yang tinggi daripada tahun persekolahan murid, iaitu seramai 4.1% murid lelaki tahun dua.

Berdasarkan lokasi kajian, murid-murid tahun dua di bandar lebih cenderung memilih bahan bacaan yang mempunyai tahap kebolehbacaan empat, iaitu 33.3%. Namun begitu, murid tahun dua di luar bandar lebih cenderung memilih bahan bacaan yang mempunyai tahap kebolehbacaan kurang daripada kosong, iaitu seramai 16.6% murid. Selain itu, terdapat murid-murid tahun dua di luar bandar (4.1%) memilih bahan bacaan yang lebih tinggi daripada tahun persekolahan mereka, iaitu tahap kebolehbacaan enam.

b) Tahap kebolehbacaan bahan bacaan murid tahun tiga

Jadual 4.4

Jadual Tahap Kebolehbacaan Bahan Bacaan Pilihan Murid Tahun Tiga Berdasarkan Jantina dan Lokasi

Perkara	Jantina		Lokasi	
	Lelaki (%)	Perempuan (%)	Bandar (%)	Luar Bandar (%)
Tahap Kebolehbacaan >0	4.1	4.1	4.1	4.1
Tahap Kebolehbacaan 1	0	4.1	4.1	0
Tahap Kebolehbacaan 2	8.3	8.3	12.5	4.1
Tahap Kebolehbacaan 3	8.3	16.6	12.5	12.5
Tahap Kebolehbacaan 4	25	12.5	12.5	25
Tahap Kebolehbacaan 5	4.1	4.1	4.1	4.1
Tahap Kebolehbacaan 6	0	0	0	0
Tahap Kebolehbacaan 7	0	0	0	0
Tahap Kebolehbacaan 8	0	0	0	0
Tahap Kebolehbacaan 9	0	0	0	0
Tahap Kebolehbacaan 10	0	0	0	0
Tahap Kebolehbacaan 11	0	0	0	0

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Jadual 4.4 merupakan jadual tahap kebolehbacaan murid-murid tahun tiga berdasarkan jantina dan lokasi. Didapati murid-murid lelaki tahun tiga lebih cenderung memilih bahan bacaan yang mempunyai tahap kebolehbacaan empat (25%). Selain itu, terdapat juga murid perempuan tahun tiga memilih bahan bacaan yang berpadanan dengan mereka (16.6%), iaitu bacaan yang mempunyai tahap kebolehbacaan tiga. Data juga menunjukkan terdapat murid-murid lelaki dan perempuan tahun tiga memilih bahan bacaan yang lebih tinggi daripada tahun persekolahan murid, tahap kebolehbacaan lima dengan catatan seramai 4.1%.

Selain itu, data menunjukkan murid di lokasi bandar mencatatkan keputusan yang sama (12.5%) memilih bahan bacaan yang mempunyai tahap kebolehbacaan dua hingga tahap kebolehbacaan empat. Seterusnya, seramai 25% murid tahun tiga di lokasi luar bandar lebih tinggi memilih bahan bacaan yang mempunyai tahap kebolehbacaan empat. Namun demikian, didapati murid tahun tiga di kedua-dua lokasi kurang memilih bahan bacaan yang mempunyai tahap kebolehbacaan kurang daripada kosong dan tahap kebolehbacaan lima, iaitu seramai 4.1% murid.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

c) Tahap kebolehbacaan bahan bacaan murid tahun empat

Jadual 4.5

Jadual Tahap Kebolehbacaan Bahan Bacaan Pilihan Murid Tahun Empat Berdasarkan Jantina dan Lokasi

Perkara	Jantina		Lokasi	
	Lelaki (%)	Perempuan (%)	Bandar (%)	Luar Bandar (%)
Tahap Kebolehbacaan >0	4.1	4.1	0	8.3
Tahap Kebolehbacaan 1	0	0	0	0
Tahap Kebolehbacaan 2	0	0	0	0
Tahap Kebolehbacaan 3	8.3	12.5	12.5	8.3
Tahap Kebolehbacaan 4	20.8	16.6	29.1	8.3
Tahap Kebolehbacaan 5	8.3	8.3	4.1	12.5
Tahap Kebolehbacaan 6	0	4.1	0	4.1
Tahap Kebolehbacaan 7	8.3	4.1	4.1	8.3
Tahap Kebolehbacaan 8	0	0	0	0
Tahap Kebolehbacaan 9	0	0	0	0
Tahap Kebolehbacaan 10	0	0	0	0
Tahap Kebolehbacaan 11	0	0	0	0

Jadual 4.5 merujuk kepada tahap kebolehbacaan murid-murid tahun empat berdasarkan jantina dan lokasi kajian. Berdasarkan jantina menunjukkan murid lelaki dan perempuan lebih tinggi memilih bahan bacaan yang mempunyai tahap kebolehbacaan empat. Analisis menunjukkan murid-murid lelaki tahun empat yang lebih cenderung memilih bahan bacaan yang mempunyai tahap kebolehbacaan empat (20.8%)i, diikuti murid perempuan tahun empat (16.6%). Selain itu, terdapat juga dalam kalangan murid-murid lelaki tahun empat memilih bahan bacaan yang mempunyai tahap kebolehbacaan lebih tinggi daripada tahun persekolahan mereka, iaitu 8.3% murid-murid lelaki tahun empat.

Berdasarkan lokasi kajian, Jadual 4.5 menunjukkan murid-murid tahun empat di bandar lebih cenderung memilih bahan bacaan yang mempunyai tahap kebolehbacaan empat (29.1% murid). Tahap kebolehbacaan empat ini, berpadanan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

dengan tahun persekolahan murid, iaitu tahun empat. Namun demikian, didapati murid tahun empat di lokasi luar bandar lebih cenderung memilih bahan bacaan yang mempunyai tahap kebolehbacaan lima (12.5%). Selain itu juga, terdapat dalam kalangan murid tahun empat luar bandar memilih bahan bacaan yang mempunyai tahap kebolehbacaan tujuh (8.3%).

d) Tahap kebolehbacaan bahan bacaan murid tahun lima

Jadual 4.6

Jadual Tahap Kebolehbacaan Bahan Bacaan Pilihan Murid Tahun Lima Berdasarkan Jantina dan Lokasi

Perkara	Jantina		Lokasi	
	Lelaki (%)	Perempuan (%)	Bandar (%)	Luar Bandar (%)
Tahap Kebolehbacaan >0	8.3	16.6	0	25
Tahap Kebolehbacaan 1	0	8.3	4.1	4.1
Tahap Kebolehbacaan 2	4.1	4.1	4.1	4.1
Tahap Kebolehbacaan 3	12.5	4.1	12.5	4.1
Tahap Kebolehbacaan 4	8.3	12.5	12.5	8.3
Tahap Kebolehbacaan 5	12.5	4.1	12.5	4.1
Tahap Kebolehbacaan 6	4.1	0	4.1	0
Tahap Kebolehbacaan 7	0	0	0	0
Tahap Kebolehbacaan 8	0	0	0	0
Tahap Kebolehbacaan 9	0	0	0	0
Tahap Kebolehbacaan 10	0	0	0	0
Tahap Kebolehbacaan 11	0	0	0	0

Jadual 4.6 merupakan jadual tahap kebolehbacaan murid-murid tahun lima berdasarkan jantina dan lokasi. Jadual menunjukkan murid-murid perempuan tahun lima lebih cenderung memilih bahan bacaan yang tidak berpadanan dengan tahun persekolahan mereka, iaitu tahap kebolehbacaannya kurang daripada kosong (16.6%). Namun demikian,didapati pemilihan bahan bacaan murid-murid lelaki tahun lima (12.5%), adalah berpadanan dengan tahun persekolahan mereka, iaitu tahap kebolehbacaan lima. Walau bagaimanapun, terdapat dalam kalangan murid lelaki

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

tahun lima memilih bahan bacaan yang mempunyai tahap kebolehbacaan enam untuk dibaca, iaitu 4.1% murid.

Berdasarkan lokasi kajian pula, murid-murid tahun lima di bandar cenderung memilih bahan bacaan yang mempunyai tahap kebolehbacaan tiga hingga tahap kebolehbacaan lima, iaitu masing-masing mencatatkan 12.5% murid. Namun demikian, berbeza dengan murid-murid di lokasi luar bandar. Murid tahun lima di luar bandar lebih cenderung memilih bahan bacaan yang lebih mudah daripada tahun persekolahan mereka, iaitu bahan bacaan yang tahap kebolehbacannya kurang daripada kosong, iaitu seramai 25% murid.

e) Tahap kebolehbacaan bahan bacaan murid tahun enam.

Jadual 4.7

Jadual Tahap Kebolehbacaan Bahan Bacaan Pilihan Murid Tahun Enam Berdasarkan Jantina dan Lokasi

Perkara	Jantina		Lokasi	
	Lelaki (%)	Perempuan (%)	Bandar (%)	Luar Bandar (%)
Tahap Kebolehbacaan >0	0	0	0	0
Tahap Kebolehbacaan 1	0	0	0	0
Tahap Kebolehbacaan 2	0	4.1	0	4.1
Tahap Kebolehbacaan 3	16.6	4.1	12.5	8.3
Tahap Kebolehbacaan 4	8.3	25	20.8	12.5
Tahap Kebolehbacaan 5	4.1	8.3	8.3	4.1
Tahap Kebolehbacaan 6	4.1	4.1	4.1	4.1
Tahap Kebolehbacaan 7	8.3	0	4.1	4.1
Tahap Kebolehbacaan 8	8.3	0	0	8.3
Tahap Kebolehbacaan 9	0	4.1	0	4.1
Tahap Kebolehbacaan 10	0	0	0	0
Tahap Kebolehbacaan 11	0	0	0	0

Jadual 4.7 merupakan jadual tahap kebolehbacaan murid-murid tahun enam berdasarkan jantina dan lokasi. Didapati murid-murid lelaki dan perempuan lebih

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

cenderung memilih bahan bacaan yang rendah tahap kebolehbacaannya dengan tahun persekolahan mereka, iaitu 16.6% murid lelaki tahun enam (tahap kebolehbacaan tiga) dan 25% murid perempuan tahun enam (tahap kebolehbacaan 4). Namun demikian, terdapat juga murid lelaki dan perempuan yang memilih bahan bacaan yang mempunyai tahap kebolehbacaan yang lebih tinggi dari tahun persekolahan mereka, iaitu 8.3% murid lelaki memilih bahan bacaan yang mempunyai tahap kebolehbacaan lapan dan 4.1% murid perempuan memilih bahan bacaan yang mempunyai tahap kebolehbacaan sembilan.

Berdasarkan lokasi kajian, murid-murid di bandar dan luar bandar tahun enam lebih cenderung memilih bahan bacaan yang mempunyai tahap kebolehbacaan empat, iaitu 20.8% murid tahun enam di bandar dan 12.5% murid tahun enam di luar bandar. Selain itu, terdapat dalam kalangan murid tahun enam mencabar diri memilih bahan bacaan yang lebih tinggi daripada tahun persekolahan mereka, iaitu murid tahun enam luar bandar (4.1%) memilih bahan bacaan yang mempunyai tahap kebolehbacaan sembilan.

4.3.2 Tahap kebolehbacaan bahan bacaan pilihan guru

Hasil analisis tahap kebolehbacaan bahan bacaan pilihan guru akan menjawab soalan kajian yang kedua, iaitu:

Soalan kajian 2 : Apakah tahap kebolehbacaan bahan bacaan yang dipilih oleh guru?

Seramai 24 orang guru telah terlibat di dalam kajian yang dijalankan ini. Pemilihan guru adalah berdasarkan guru yang mengajar subjek Bahasa Melayu dan merupakan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

guru subjek kepada murid yang dipilih. Maka, tahap kebolehbacaan bahan bacaan yang dipilih oleh guru adalah dalam bentuk kekerapan dan peratus di bawah sub tajuk yang berikut:

a) Tahap kebolehbacaan bahan bacaan pilihan guru berdasarkan data demografi;
b) Tahap kebolehbacaan bahan bacaan pilihan guru secara keseluruhan; dan
c) Tahap kebolehbacaan bahan bacaan pilihan guru mengikut tahun persekolahan murid yang dilihat berdasarkan jantina dan lokasi.


4.3.2.1 Tahap kebolehbacaan bahan bacaan pilihan guru berdasarkan data demografi

Dapatan analisis tahap kebolehbacaan bahan bacaan pilihan guru mengikut data demografi akan dipaparkan mengikut: 1) Jantina dan lokasi sekolah guru, 2) Umur, 3) Pengalaman mengajar, 5) Pengalaman guru mengajar Bahasa Melayu, 6) Kelulusan tertinggi, dan 7) Opsyen.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

i) Tahap kebolehbacaan bahan bacaan berdasarkan jantina dan lokasi guru



Graf 4.1. Graf tahap kebolehbacaan bahan bacaan pilihan guru berdasarkan jantina dan lokasi sekolah.

Graf 4.1 merujuk kepada tahap kebolehbacaan bahan bacaan pilihan guru berdasarkan jantina dan lokasi. Pengkaji telah membahagikan jantina guru kepada guru lelaki dan perempuan. Manakala lokasi pula dibahagikan kepada guru yang mengajar di lokasi bandar dan luar bandar.

Berdasarkan jantina guru, guru-guru perempuan lebih cenderung memilih bahan bacaan untuk murid mereka yang mempunyai tahap kebolehbacaan empat, iaitu seramai 19.4% guru. Manakala, pemilihan oleh guru-guru lelaki pula, bahan bacaan yang mempunyai tahap kebolehbaacaan lima, iaitu 7.6%. Selain itu, peratusan paling

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

rendah dicatatkan oleh guru adalah tahap kebolehbacaan lapan (0.6%). Selain itu, bagi guru perempuan pula (0.6% guru), lebih rendah memilih bahan bacaan yang mempunyai tahap kebolehbacaan satu dan tahap kebolehbacaan lapan.


Didapati, sebahagian besar guru-guru di lokasi bandar lebih cenderung memilih bahan bacaan untuk murid mereka mempunyai tahap kebolehbacaan empat, iaitu 15.2% guru. Namun demikian, 12.5% guru di lokasi bandar pula, lebih cenderung memilih bahan bacaan yang mempunyai tahap kebolehbacaan lima. Selain itu, peratusan tahap kebolehbacaan bahan bacaan yang paling kurang dipilih oleh guru di lokasi bandar adalah bahan bacaan yang mempunyai tahap kebolehbacaan dua (0.6%), diikuti seramai 1.3% guru di lokasi luar bandar, lebih rendah memilih tahap kebolehbacaan lapan dan tahap kebolehbacaan 10.

Secara keseluruhannya, paparan berdasarkan jantina menunjukkan guru lelaki lebih cenderung memilih bahan bacaan yang mempunyai tahap kebolehbacaan lima. Manakala, pilihan bahan bacaan oleh guru perempuan lebih cenderung memilih bahan bacaan yang mempunyai tahap kebolehbacaan empat. Selain itu, guru di lokasi bandar pula cenderung memilih bahan bacaan yang mempunyai tahap kebolehbacaan empat, manakala guru di lokasi luar bandar pula lebih tertumpu memilih bahan bacaan yang mempunyai tahap kebolehbacaan lima.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

ii) Tahap kebolehbacaan bahan bacaan berdasarkan umur guru



Graf 4.2. Graf tahap kebolehbacaan bahan bacaan pilihan guru berdasarkan umur.

Graf 4.2 merupakan jadual tahap kebolehbacaan bahan bacaan pilihan guru mengikur umur. Pengkaji telah merumuskan umur guru dibahagikan kepada lima julat umur, iaitu guru yang berumur 30-35 tahun; 35-40 tahun; 40-45 tahun; 45-50 tahun, dan 50-55 tahun.

Secara keseluruhan, didapati guru berumur 35-40 tahun lebih cenderung memilih bahan bacaan yang mempunyai tahap kebolehbacaan lima, iaitu 9.7% guru. Manakala guru yang paling kurang memilih bahan bacaan yang mempunyai tahap kebolehbacaan lima ialah guru berusia 40-45 tahun (1.3% guru).

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P


Selain itu, terdapat juga guru berusia 45-50 tahun memilih bahan bacaan untuk dibaca oleh murid mereka mempunyai tahap kebolehbacaan tinggi, iaitu tahap kebolehbacaan 10 (1.3%). Namun demikian, walaupun guru tersebut berusia lebih daripada 40-45 tahun, guru masih memilih bahan bacaan kurang daripada tahap kebolehbacaan kosong (0.6%) oleh guru berusia 50-55, iaitu tahap kebolehbacaan yang tidak berpadanan dengan murid tahun satu hingga tahun enam.

Secara keseluruhannya, analisis tahap kebolehbacaan bahan bacaan yang dipilih oleh guru berdasarkan umur, adalah bahan bacaan yang mempunyai tahap kebolehbacaan empat. Namun demikian, pemilihan tahap kebolehbacaan yang kurang dipilih oleh guru berdasarkan umur adalah bahan bacaan yang mempunyai tahap kebolehbacaan satu dan tahap kebolehbacaan lapan.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

iii) Tahap kebolehbacaan bahan bacaan berdasarkan pengalaman mengajar



Graf 4.3. Graf tahap kebolehbacaan bahan bacaan pilihan guru berdasarkan pengalaman mengajar.

Graf 4.3 merupakan jadual analisis tahap kebolehbacaan bahan bacaan pilihan guru-guru berdasarkan pengalaman mengajar. Pengkaji telah membahagikan data pengalaman mengajar guru kepada tujuh bahagian, iaitu pengalaman guru antara 0-5 tahun; 5-10 tahun; 10-15 tahun; 15-20 tahun; 20-25 tahun; 25-30 tahun dan 30-35 tahun.

Analisis graf mendapati, peratusan tahap kebolehbacaan tertinggi yang dicatatkan oleh guru-guru berdasarkan pengalaman mengajar, 6.2% guru memilih

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

bahan bacaan yang mempunyai tahap kebolehbacaan tiga hingga tahap kebolehbacaan lima (5-10 tahun) dan tahap kebolehbacaan enam (15-20 tahun).


Selain itu juga, 3.4% guru berpengalaman mengajar selama 20-25 tahun memilih tahap kebolehbacaan rendah daripada tahun persekolahan murid, iaitu tahap kebolehbacaan kurang daripada kosong. Di samping itu, terdapat juga guru berpengalaman mengajar selama 15-20 tahun (0.6%) dan 20-25 tahun (1.3%) memilih bahan bacaan yang mempunyai tahap kebolehbacaan lapan dan tahap kebolehbacaan 10, iaitu tahap kebolehbacaan yang tinggi daripada tahun persekolahan murid untuk dipadankan dengan murid dari tahun satu hingga tahun enam.

Secara keseluruhannya, analisis tahap kebolehbacaan bahan bacaan pilihan guru berdasarkan pengalaman mengajar mendapati guru lebih cenderung memilih bahan bacaan yang mempunyai tahap kebolehbacaan lima untuk dibaca oleh murid. Namun, pemilihan tahap kebolehbacaan terendah, pula terdiri daripada bahan bacaan yang mempunyai tahap kebolehbacaan satu dan tahap kebolehbacaan lapan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

iv) Tahap kebolehbacaan bahan bacaan berdasarkan pengalaman guru mengajar subjek Bahasa Melayu



Graf 4.4. Graf tahap kebolehbacaan bahan bacaan pilihan guru berdasarkan pengalaman mengajar subjek bahasa Melayu.

Graf 4.4 merupakan analisis tahap kebolehbacaan bahan bacaan pilihan guru-guru berdasarkan pengalaman mengajar subjek Bahasa Melayu. Pengkaji telah membahagikan pengalaman guru mengajar subjek Bahasa Melayu kepada tujuh bahagian, iaitu pengalaman guru antara 0-5 tahun, 5-10 tahun, 10-15 tahun, 15-20 tahun, 20-25 tahun, 25-30 tahun dan 30-35 tahun.

Berdasarkan Graf 4.4, guru-guru berpengalaman mengajar selama 0-5 tahun lebih cenderung memilih bahan bacaan untuk muridnya mempunyai tahap

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

kebolehbacaan lima (10.4%), diikuti oleh guru berpengalaman mengajar selama 5-10 tahun (6.2%) memilih bahan bacaan yang mempunyai tahap kebolehbacaan lima.


Selain itu, terdapat guru-guru berpengalaman mengajar subjek Bahasa Melayu kurang daripada 20 tahun memilih bahan bacaan yang mempunyai tahap kebolehbacaan yang tinggi, iaitu guru berpengalaman mengajar subjek Bahasa Melayu selama 10-15 tahun dan 15-20 tahun dengan masing-masing mencatatkan 0.6% guru. Namun begitu, bagi guru-guru yang berpengalaman lebih 20 tahun, terdapat dalam kalangan mereka memilih bahan bacaan yang mempunyai tahap kebolehbacaan lapan, iaitu guru-guru berpengalaman selama 30-35 tahun (0.6%). Selain itu, terdapat juga guru yang memilih bahan bacaan sehingga mempunyai tahap kebolehbacaan 10 untuk dipadankan dengan murid tahun satu hingga tahun enam, iaitu guru berpangalaman 20-25 tahun (1.3%).

Kesimpulannya, analisis tahap kebolehbacaan bahan bacaan pilihan guru berdasarkan pengalaman mengajar subjek Bahasa Melayu mendapati guru lebih cenderung memilih bahan bacaan yang mempunyai tahap kebolehbacaan lima. Namun demikian, pemilihan tahap kebolehbacaan yang paling sedikit dipilih adalah bahan bacaan yang mempunyai tahap kebolehbacaan satu, tahap kebolehbacaan lapan dan tahap kebolehbacaan 10.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

v) Tahap kebolehbacaan bahan bacaan pilihan guru berdasarkan kelulusan tertinggi



Graf 4.5. Graf tahap kebolehbacaan bahan bacaan pilihan guru berdasarkan kelulusan tertinggi.

Petunjuk	
TK	Tahap Kebolehbacaan
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
STPM	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
SAP	Sijil Asas Perguruan
Dip	Diploma
ISM	Ijazah Sarjana Muda
IS	Ijazah Sarjana

Graf 4.5 merupakan jadual analisis tahap kebolehbacaan bahan bacaan pilihan guru-guru berdasarkan kelulusan tertinggi. Pengkaji telah membahagikan kelulusan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

tertinggi guru kepada enam, iaitu SPM, STPM, SAP, Dip, ISM dan IS (sila rujuk Petunjuk di bawah Rajah 4.5).

Analisis mendapati, sebahagian besar guru-guru berkelulusan Ijazah Sarjana Muda, lebih cenderung memilih bahan bacaan untuk murid mempunyai tahap kebolehbacaan tiga hingga tahap kebolehbacaan lima dengan masing-masing mencatatkan 13.1% guru. Malahan, guru berkelulusan Ijazah Sarjana Muda juga lebih cenderung memilih bahan bacaan yang mempunyai tahap kebolehbacaan enam, iaitu seramai 10.4% guru.


Graf 4.5 juga menunjukkan, walaupun guru mempunyai kelulusan Sijil Pelajaran Malaysia dan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia, guru memilih bahan bacaan yang mempunyai tahap kebolehbacaan lapan untuk dipadankan dengan murid di sekolah rendah, iaitu masing-masing mencatatkan 0.6% guru. Berbeza dengan guru-guru berkelulusan Ijazah Sarjana. Guru Ijazah Sarjah cenderung memilih bahan bacaan yang mempunyai tahap kebolehbacaan enam untuk dipadankan dengan murid dari tahun satu hingga tahun enam, iaitu 1.3% guru. Namun demikian, terdapat juga guru berkelulusan Ijazah Sarjana Muda (1.3%) memilih bahan bacaan yang tahap kebolehbacaannya tinggi, iaitu tahap kebolehbacaan 10.

Secara keseluruhannya, analisis tahap kebolehbacaan bahan bacaan mengikut kelulusan tertinggi, kebanyakan guru-guru lebih cenderung memilih bahan bacaan yang mempunyai tahap kebolehbacaan lima. Namun demikian, tahap kebolehbacaan bahan bacaan yang paling rendah sekali dipilih adalah bahan bacaan tahap kebolehbacaan lapan.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

vi) Tahap kebolehbacaan bahan bacaan pilihan guru berdasarkan opsyen



Graf 4.6. Graf tahap kebolehbacaan bahan bacaan pilihan guru berdasarkan opsyen.

Petunjuk			
TK	Tahap Kebolehbacaan	PJ	Pendidikan Jasmani
BM	Bahasa Melayu	Muz	Muzik
PM	Pengajian Melayu	KH	Kemahiran Hidup
PMSR	Pengajian Melayu Sekolah Rendah	Sej	Sejarah
KT	Kajian Tempatan	SK	Sains Komputer
S/KT	Sains/Kajian Tempatan	KS	Kajian Sosial

Graf 4.6 adalah analisis tahap kebolehbacaan bahan bacaan pilihan guru-guru berdasarkan opsyen. Dalam kajian ini, opsyen guru-guru kepada 11, iaitu BM, PM, PMSR, KJ, S/KJ, PJ, Muz, KH, Sej, SK, dan KS (sila rujuk Petunjuk di bawah Graf 4.6)

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Di dalam kajian ini, daripada 24 orang guru yang mengajar subjek Bahasa Melayu, seramai 11 orang daripadanya beropsyen Bahasa Melayu. Maka, hasil analisis tahap kebolehbacaan bahan bacaan pilihan guru-guru berdasarkan opsyen, guru beropsyen Bahasa Melayu lebih cenderung memilih bahan bacaan yang mempunyai tahap kebolehbacaan lima (10.4%) diikuti bahan bacaan yang mempunyai tahap kebolehbacaan enam (9.7%). Manakala, terdapat bahan bacaan yang dipilih oleh guru beropsyen Bahasa Melayu, mempunyai tahap kebolehbacaan 10 untuk dipadankan dengan murid murid tahun satu hingga tahun enam, iaitu seramai 1.3% guru.

Graf 4.6 juga memaparkan, walaupun guru yang dipilih bukan kesemuanya berkelulusan bidang Bahasa Melayu tetapi, guru boleh memilih bahan bacaan yang berpadanan dengan murid di sekolah rendah. Antaranya, guru beropsyen Pengajian Melayu Sekolah Rendah, Pendidikan Jasmani, Sejarah, Sains Komputer dan Kajian Sosial telah memilih bahan bacaan yang mempunyai tahap kebolehbacaan enam (0.6%), iaitu bahan bacaan yang tidak lebih daripada tahun persekolahan murid tahun enam.

Kesimpulannya, kebanyakan guru-guru tidak mengira opsyen pendidikan memilih bahan bacaan yang mempunyai tahap kebolehbacaan lima. Namun demikian, tahap kebolehbacaan bahan bacaan yang paling kurang dipilih adalah bahan bacaan yang mempunyai tahap kebolehbacaan satu, tahap kebolehbacaan lapan dan tahap kebolehbacaan 10.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

4.3.2.2 Tahap kebolehbacaan bahan bacaan pilihan guru secara keseluruhan

Hasil analisis yang berikut merupakan analisis tahap kebolehbacaan bahan bacaan pilihan guru untuk murid-murid tahun satu hingga tahun enam. Hasil analisis dalam bentuk peratusan sahaja.

Jadual 4.8

Jadual Tahap Kebolehbacaan Bahan Bacaan Pilihan Guru Secara Keseluruhan

Tahap Kebolehbacaan	Tahun Persekolahan					
	Tahun 1 (%)	Tahun 2 (%)	Tahun 3 (%)	Tahun 4 (%)	Tahun 5 (%)	Tahun 6 (%)
Tahap Kebolehbacaan >0	12.5	16.6	4.1	0	4.1	0
Tahap Kebolehbacaan 1	4.1	0	0	4.1	0	0
Tahap Kebolehbacaan 2	8.3	8.3	0	0	0	4.1
Tahap Kebolehbacaan 3	16.6	20.8	12.5	25	25	16.6
Tahap Kebolehbacaan 4	20.8	38	25	20.8	25	16.6
Tahap Kebolehbacaan 5	29.1	16.6	29.1	20.8	29.1	20.8
Tahap Kebolehbacaan 6	8.3	4.1	25	25	16.6	20.8
Tahap Kebolehbacaan 7	0	0	4.1	0	0	8.3
Tahap Kebolehbacaan 8	0	0	0	4.1	0	4.1
Tahap Kebolehbacaan 9	0	0	0	0	0	0
Tahap Kebolehbacaan 10	0	0	0	0	0	8.3
Tahap Kebolehbacaan 11	0	0	0	0	0	0

Jadual 4.8 merupakan jadual keseluruhan tahap kebolehbacaan bahan bacaan pilihan guru untuk murid-murid mengikut tahun persekolahan, iaitu dari tahun satu hingga tahun enam. Jadual memperlihatkan kebanyakan guru lebih tinggi memilih bahan bacaan yang mempunyai tahap kebolehbacaan lima untuk murid-murid tahun satu, tahun tiga dan tahun lima (29.1%) dan untuk murid-murid tahun empat dan tahun enam (20.8%). Namun begitu, murid-murid tahun dua lebih cenderung mendapat bahan bacaan yang mempunyai tahap kebolehbacaan empat (38%).

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Berdasarkan Jadual 4.8, terdapat guru memilih bahan bacaan untuk murid-murid tahun satu hingga tahun enam mempunyai tahap kebolehbacaan yang lebih tinggi daripada tahun persekolahan murid-murid. Contohnya, guru memilih bahan bacaan yang mempunyai tahap kebolehbacaan enam (25%) untuk dipadankan dengan murid-murid tahun empat. Malahan, sehingga tahap kebolehbacaan 10 (8.3%) untuk dipadankan dengan murid tahun enam. Namun begitu, terdapat juga guru memilih bahan bacaan yang lebih rendah untuk dipadankan dengan murid-murid tahun satu hingga tahun enam. Misalannya, tahap kebolehbacaan kurang daripada kosong untuk dipadankan dengan murid tahun lima, iaitu 4.1% murid.

Secara keseluruhannya, berdasarkan tahun persekolahan murid, guru lebih cenderung memilih bahan bacaan yang mempunyai tahap kebolehbacaan lima untuk dibaca oleh murid-murid mereka. Namun begitu, peratusan tahap kebolehbacaan yang paling rendah dipilih adalah tahap kebolehbacaan satu dan tahap kebolehbacaan lapan.

4.3.2.3 Tahap kebolehbacaan bahan bacaan pilihan guru mengikut tahun persekolahan

Hasil analisis yang berikut merupakan dapatan kajian tahap kebolehbacaan bahan bacaan yang dipilih oleh guru berdasarkan tahun persekolahan murid-murid. Bagi setiap tahun persekolahan murid, analisis dibahagikan kepada jantina murid dan lokasi kajian.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

f) Tahap kebolehbacaan bahan bacaan pilihan guru untuk murid tahun satu.

Jadual 4.9

Jadual Tahap Kebolehbacaan Bahan Bacaan Pilihan Guru Murid Tahun Satu Berdasarkan Jantina dan Lokasi

Tahap Kebolehbacaan	Jantina		Lokasi	
	Lelaki (%)	Perempuan (%)	Bandar (%)	Luar Bandar (%)
Tahap Kebolehbacaan >0	0	12.	8.3	4.1
Tahap Kebolehbacaan 1	0	4.1	4.1	0
Tahap Kebolehbacaan 2	4.1	4.1	0	8.3
Tahap Kebolehbacaan 3	12.5	4.1	8.3	8.3
Tahap Kebolehbacaan 4	8.3	12.5	12.5	8.3
Tahap Kebolehbacaan 5	25	4.1	16.6	12.5
Tahap Kebolehbacaan 6	0	8.3	0	8.3
Tahap Kebolehbacaan 7	0	0	0	0
Tahap Kebolehbacaan 8	0	0	0	0
Tahap Kebolehbacaan 9	0	0	0	0
Tahap Kebolehbacaan 10	0	0	0	0
Tahap Kebolehbacaan 11	0	0	0	0

Jadual 4.9 merupakan jadual tahap kebolehbacaan bahan bacaan pilihan guru untuk murid-murid tahun satu berdasarkan jantina dan lokasi. Didapati guru lebih cenderung memilih bahan bacaan untuk murid-murid tahun satu mempunyai tahap kebolehbacaan lima, iaitu 25%. Manakala, bagi murid perempuan pula, guru lebih cenderung memilih bahan bacaan yang mempunyai tahap kebolehbacaan kurang daripada kosong dan tahap kebolehbacaan empat, iaitu masing-masing mencatatkan 12.5%. Selain itu, guru sangat kurang memilih bahan bacaan yang mempunyai tahap kebolehbacaan dua (4.1%) untuk murid-murid lelaki tahun satu. Manakala untuk murid perempuan tahun satu pula, guru amat kurang memilih bahan bacaan yang mempunyai tahap kebolehbacaan satu hingga tahap kebolehbacaan tiga dan tahap kebolehbacaan lima (4.1%).

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Jadual juga menunjukkan guru di lokasi bandar dan luar bandar lebih kerap memilih bahan bacaan untuk murid-murid tahun satu yang mempunyai tahap kebolehbacaan lima, iaitu masing-masing mencatatkan 16.6% dan 12.5%. Selain itu, pemilihan tahap kebolehbacaan bahan bacaan paling rendah dipilih oleh guru untuk murid-murid tahun satu di lokasi bandar ialah bahan bacaan yang mempunyai tahap kebolehbacaan satu (4.1%). Manakala, murid tahun satu di lokasi luar bandar pula (4.1%), adalah bahan bacaan yang mempunyai tahap kebolehbacaan kurang daripada kosong.

g) Tahap kebolehbacaan bahan bacaan pilihan guru untuk murid tahun dua

Jadual 4.10

Jadual Tahap Kebolehbacaan Bahan Bacaan Pilihan Guru Murid Tahun Dua Berdasarkan Jantina dan Lokasi

Tahap Kebolehbacaan	Jantina		Lokasi	
	Lelaki (%)	Perempuan (%)	Bandar (%)	Luar Bandar (%)
Tahap Kebolehbacaan >0	12.5	4.1	0	16.6
Tahap Kebolehbacaan 1	0	0	0	0
Tahap Kebolehbacaan 2	0	8.3	0	8.3
Tahap Kebolehbacaan 3	4.1	16.6	16.6	4.1
Tahap Kebolehbacaan 4	20.8	12.5	25	8.3
Tahap Kebolehbacaan 5	12.5	4.1	8.3	8.3
Tahap Kebolehbacaan 6	0	4.1	0	4.1
Tahap Kebolehbacaan 7	0	0	0	0
Tahap Kebolehbacaan 8	0	0	0	0
Tahap Kebolehbacaan 9	0	0	0	0
Tahap Kebolehbacaan 10	0	0	0	0
Tahap Kebolehbacaan 11	0	0	0	0

Jadual 4.10 merupakan jadual tahap kebolehbacaan bahan bacaan pilihan guru untuk murid-murid tahun dua berdasarkan jantina dan lokasi. Didapati, guru lebih cenderung memilih bahan bacaan untuk murid lelaki tahun dua yang mempunyai tahap kebolehbacaan empat (20.8%), diikuti pemilihan bahan bacaan untuk murid

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

perempuan tahun dua (16.6% murid), mempunyai tahap kebolehbacaan tiga. Selain itu, guru sangat kurang memilih bahan bacaan yang mempunyai tahap kebolehbacaan tiga (4.1% murid) untuk murid lelaki tahun dua, tetapi lebih tinggi memilih bahan bacaan yang mempunyai tahap kebolehbacaan kurang daripada kosong (12.5%). Manakala, untuk murid perempuan tahun dua pula, guru sangat rendah memilih bahan bacaan yang mempunyai tahap kebolehbacaan kurang daripada kosong, tahap kebolehbacaan lima dan tahap kebolehbacaan enam, iaitu dengan catatan 4.1%.

Jadual juga menunjukkan guru di lokasi bandar lebih tinggi memilih bahan bacaan untuk murid-murid tahun dua yang mempunyai tahap kebolehbacaan empat (25%). Namun demikian, guru di luar bandar cenderung memilih bahan bacaan untuk murid tahun dua luar bandar (16.6%) yang mempunyai tahap kebolehbacaan kurang daripada kosong. Selain itu, pemilihan tahap kebolehbacaan bahan bacaan paling kurang dipilih oleh guru untuk murid tahun dua di bandar adalah bahan bacaan yang mempunyai tahap kebolehbacaan lima (8.3%). Manakala, pemilihan oleh guru di luar bandar pula (4.1% murid), adalah bahan bacaan yang mempunyai tahap kebolehbacaan tiga dan tahap kebolehbacaan enam.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

h) Tahap kebolehbacaan bahan bacaan pilihan guru untuk murid tahun tiga

Jadual 4.11

Jadual Tahap Kebolehbacaan Bahan Bacaan Pilihan Guru Murid Tahun Tiga Berdasarkan Jantina dan Lokasi

Tahap Kebolehbacaan	Jantina		Lokasi	
	Lelaki (%)	Perempuan (%)	Bandar (%)	Luar Bandar (%)
Tahap Kebolehbacaan >0	4.1	0	0	4.1
Tahap Kebolehbacaan 1	0	0	0	0
Tahap Kebolehbacaan 2	0	0	0	0
Tahap Kebolehbacaan 3	12.5	0	8.3	4.1
Tahap Kebolehbacaan 4	12.5	12.5	16.6	8.3
Tahap Kebolehbacaan 5	16.6	12.5	8.3	20.8
Tahap Kebolehbacaan 6	4.1	20.8	16.6	8.3
Tahap Kebolehbacaan 7	0	4.1	0	4.1
Tahap Kebolehbacaan 8	0	4.1	0	4.1
Tahap Kebolehbacaan 9	0	0	0	0
Tahap Kebolehbacaan 10	0	0	0	0
Tahap Kebolehbacaan 11	0	0	0	0

Jadual 4.11 merupakan jadual tahap kebolehbacaan bahan bacaan pilihan guru untuk murid-murid tahun tiga berdasarkan jantina dan lokasi. Hasil analisis menujukkan (16.6%) guru lebih cenderung memilih bahan bacaan untuk murid-murid lelaki tahun tiga yang mempunyai tahap kebolehbacaan lima, diikuti (20.8%) untuk murid-murid perempuan tahun tiga yang mempunyai tahap kebolehbacaan enam. Selain itu, guru sangat kurang memilih bahan bacaan yang mempunyai tahap kebolehbacaan enam (4.1%) untuk murid-murid lelaki tahun tiga. Manakala untuk murid-murid perempuan (4.1%) pula, guru sangat rendah memilih bahan bacaan yang mempunyai tahap kebolehbacaan tujuh dan tahap kebolehbacaan lapan.

Jadual juga menunjukkan guru di bandar lebih cenderung memilih bahan bacaan yang mempunyai tahap kebolehbacaan empat dan tahap kebolehbacaan enam untuk murid tahun tiga di bandar dengan catatan 16.6%, diikuti pemilihan untuk

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

murid-murid tahun tiga di luar bandar (20.8%) pula, mempunyai tahap kebolehbacaan lima. Selain itu, pemilihan tahap kebolehbacaan bahan bacaan yang paling rendah dipilih oleh guru untuk murid-murid tahun tiga di bandar adalah bahan bacaan yang mempunyai tahap kebolehbacaan tiga dan tahap kebolehbacaan lima, iaitu 8.3%. Manakala, pemilihan oleh guru untuk murid-murid tahun tiga di luar bandar (4.1%), adalah bahan bacaan yang mempunyai tahap kebolehbacaan kurang daripada kosong, tahap kebolehbacaan tiga, tahap kebolehbacaan tujuh dan tahap kebolehbacaan lapan.

i) Tahap kebolehbacaan bahan bacaan pilihan guru untuk murid tahun empat

Jadual 4.12

Jadual Tahap Kebolehbacaan Bahan Bacaan Pilihan Guru Murid Tahun Empat Berdasarkan Jantina dan Lokasi

Tahap Kebolehbacaan	Jantina		Lokasi	
	Lelaki (%)	Perempuan (%)	Bandar (%)	Luar Bandar (%)
Tahap Kebolehbacaan >0	0	0	0	0
Tahap Kebolehbacaan 1	4.1	0	4.1	0
Tahap Kebolehbacaan 2	0	0	0	0
Tahap Kebolehbacaan 3	8.3	16.6	8.3	16.6
Tahap Kebolehbacaan 4	4.1	16.6	16.6	4.1
Tahap Kebolehbacaan 5	12.5	8.3	12.5	8.3
Tahap Kebolehbacaan 6	20.8	4.1	8.3	16.6
Tahap Kebolehbacaan 7	0	0	0	0
Tahap Kebolehbacaan 8	0	4.1	0	4.1
Tahap Kebolehbacaan 9	0	0	0	0
Tahap Kebolehbacaan 10	0	0	0	0
Tahap Kebolehbacaan 11	0	0	0	0

Jadual 4.12 merupakan jadual tahap kebolehbacaan bahan bacaan pilihan guru untuk murid tahun empat berdasarkan jantina dan lokasi. Didapati, kebanyakan guru lebih cenderung memilih bahan bacaan untuk murid lelaki tahun empat, mempunyai tahap kebolehbacaan enam, iaitu 20.8%, diikuti pemilihan untuk murid perempuan tahun empat (20.8%) pula, mempunyai tahap kebolehbacaan tiga dan tahap kebolehbacaan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

empat. Selain itu, guru sangat rendah memilih bahan bacaan untuk murid-murid lelaki tahun emapat yang mempunyai tahap kebolehbacaan satu dan tahap kebolehbacaan empat, iaitu 4.1%. Manakala, guru sangat kurang memilih tahap kebolehbacaan yang tinggi untuk murid-murid perempuan tahun empat. Contohnya, tahap kebolehbacaan enam dan tahap kebolehbacaan lapan dengan catatan 4.1% murid.

Jadual juga menunjukkan murid-murid tahun empat di bandar lebih ramai mendapat bahan bacaan yang mempunyai tahap kebolehbacaan empat (16.6%). Namun begitu, murid-murid tahun empat di luar bandar pula, lebih ramai mendapat bahan bacaan yang mempunyai tahap kebolehbacaan tiga dan tahap kebolehbacaan enam (16.6% murid). Selain itu, pemilihan tahap kebolehbacaan bahan bacaan paling kurang dipilih oleh guru untuk murid tahun empat di bandar (4.1% murid) adalah bahan bacaan yang mempunyai tahap kebolehbacaan satu. Manakala, murid tahun empat luar bandar (4.1% murid), lebih ramai mendapat bacaan yang mempunyai tahap kebolehbacaan empat dan tahap kebolehbacaan sembilan.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

j) Tahap kebolehbacaan bahan bacaan pilihan guru untuk murid tahun lima

Jadual 4.13

Jadual Tahap Kebolehbacaan Bahan Bacaan Pilihan Guru Murid Tahun Lima Berdasarkan Jantina dan Lokasi

Tahap Kebolehbacaan	Jantina		Lokasi	
	Lelaki (%)	Perempuan (%)	Bandar (%)	Luar Bandar (%)
Tahap Kebolehbacaan >0	4.1	0	0	4.1
Tahap Kebolehbacaan 1	0	0	0	0
Tahap Kebolehbacaan 2	0	0	0	0
Tahap Kebolehbacaan 3	12.5	12.5	16.6	8.3
Tahap Kebolehbacaan 4	8.3	16.6	12.5	12.5
Tahap Kebolehbacaan 5	20.8	8.3	12.5	16.6
Tahap Kebolehbacaan 6	4.1	12.5	8.3	8.3
Tahap Kebolehbacaan 7	0	0	0	0
Tahap Kebolehbacaan 8	0	0	0	0
Tahap Kebolehbacaan 9	0	0	0	0
Tahap Kebolehbacaan 10	0	0	0	0
Tahap Kebolehbacaan 11	0	0	0	0

Jadual 4.13 merupakan jadual tahap kebolehbacaan bahan bacaan pilihan guru untuk murid-murid tahun lima berdasarkan jantina dan lokasi. Kebanyakan guru lebih memilih bahan bacaan yang mempunyai tahap kebolehbacaan lima, iaitu 20.8% murid-murid lelaki tahun lima, diikuti dengan kecenderungan guru memilih bahan bacaan untuk murid perempuan tahun lima (16.6%), mempunyai tahap kebolehbacaan empat. Selain itu, guru sangat kurang memilih bahan bacaan untuk murid lelaki tahun lima yang mempunyai tahap kebolehbacaan enam, iaitu 4.1%. Manakala, murid perempuan tahun lima (8.3%), kurang mendapat bahan bacaan yang mempunyai tahap kebolehbacaan lima daripada guru mereka.

Jadual 4.75 menunjukkan dapatan analisis perbandingan ilustrasi bahan bacaan pilihan murid-murid dan guru bagi murid-murid tahun dua. Hasil analisis mendapati, guru dan murid-murid amat cenderung memilih bahan bacaan yang mempunyai ilustrasi berwarna sama ada berdasarkan jantina lelaki dan perempuan (33.3%). Namun demikian, pemilihan bahan bacaan oleh guru untuk murid-murid lelaki tahun dua (20.8%) adalah bahan bacaan yang mempunyai ilustrasi berwarna. Selain itu juga, terdapat guru dan murid yang memilih bahan bacaan dengan kombinasi dua warna dan tiada berwarna.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

ii) Perbandingan Lokasi

Jadual 4.76

Jadual Perbandingan Ilustrasi Bahan Bacaan Pilihan Murid dengan Guru Tahun Dua Berdasarkan Lokasi

Ilustrasi	Lokasi			
	Bandar		Luar bandar	
	Murid (%)	Guru (%)	Murid (%)	Guru (%)
Ilustrasi				
Berwarna	33.3	29.1	33.3	25
Kombinasi Dua Warna	0	12.53	4.1	8.3
Tiada Berwarna	16.6	8.3	4.1	16.6
Gambar				
Berwarna	0	0	0	0
Kombinasi Dua Warna	0	0	0	0
Tiada Berwarna	0	0	0	0
Tiada	0	0	0	0
Tiada Data	0	0	8.3	0

Jadual 4.76 memperlihatkan analisis perbandingan ilustrasi bahan bacaan pilihan murid tahun dua dengan pilihan guru untuk tahun dua berdasarkan lokasi murid. Berdasarkan jadual, didapati murid bandar luar bandar tahun dua ada memilih bahan bacaan yang mempunyai ilustrasi yang berwarna, iaitu masing-masing mencatatkan seramai 33.3% murid. Namun demikian, apabila bahan bacaan mereka dipilih oleh guru, bahan bacaan yang mempunyai ilustrasi berwarna menurun menjadi 29.1% (di bandar) dan 25% (luar bandar). Selain itu, terdapat juga seramai 4.1% murid tahun dua luar bandar yang memilih bahan bacaan yang mempunya ilustrasi yang tiada berwarna. Apabila bahan bacaan murid tahun dua luar bandar dipilih oleh guru, peratusannya meningkat menjadi 16.6%.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

c) Ilustrasi bahan bacaan pilihan murid tahun tiga dengan pilihan guru untuk murid tahun tiga

i) Perbandingan Jantina

Jadual 4.77

Jadual Perbandingan Ilustrasi Bahan Bacaan Pilihan Murid dengan Guru Tahun Tiga Berdasarkan Jantina

Ilustrasi	Jantina			
	Lelaki		Perempuan	
	Murid (%)	Guru (%)	Murid (%)	Guru (%)
Ilustrasi				
Berwarna	37.5	29.1	41.6	25
Kombinasi Dua Warna	0	12.5	0	12.5
Tiada Berwarna	12.5	8.3	8.3	12.5
Gambar				
Berwarna	0	0	0	0
Kombinasi Dua Warna	0	0	0	0
Tiada Berwarna	0	0	0	0
Tiada	0	0	0	0
Tiada Data	0	0	0	0

Jadual 4.77 merupakan analisis perbandingan ilustrasi bahan bacaan pilihan murid tahun tiga dengan guru tahun tiga berdasarkan jantina murid. Didapati, murid lelaki dan perempuan tahun tiga lebih tertumpu memilih bahan bacaan yang mempunyai ilustrasi berwarna untuk dibaca, iaitu seramai 37.5% murid lelaki dan 41.6% murid perempuan tahun tiga. Namun demikian, apabila bahan bacaan mereka dipilih oleh guru, peratusan bahan bacaan berilustrasi berwarna merundum jatuh menjadi sebanyak 29.1% (murid lelaki) dan 25% (murid perempuan). Sungguhpun demikian, terdapat murid-murid lelaki dan perempuan tahun tiga yang tiada memilih bahan bacaan berilustrasi kombinasi dua warna. Apabila bahan bacaan mereka dipilih oleh guru, guru ada memilih bahan bacaan berilustrasi kombinasi dua warna, dengan masing-masing mencatatkan seramai 12.5% murid lelaki dan perempuan tahun tiga.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

ii) Perbandingan Lokasi

Jadual 4.78

Jadual Perbandingan Ilustrasi Bahan Bacaan Pilihan Murid dengan Guru Tahun Tiga Berdasarkan Lokasi

Ilustrasi	Lokasi			
	Bandar		Luar bandar	
	Murid (%)	Guru (%)	Murid (%)	Guru (%)
Ilustrasi				
Berwarna	41.6	12.5	37.5	41.6
Kombinasi Dua Warna	0	25	0	0
Tiada Berwarna	8.3	12.5	12.5	8.3
Gambar				
Berwarna	0	0	0	0
Kombinasi Dua Warna	0	0	0	0
Tiada Berwarna	0	0	0	0
Tiada	0	0	0	0
Tiada Data	0	0	0	0

Jadual 4.78 merupakan jadual analisis perbandingan ilustrasi bahan bacaan pilihan murid dengan pilihan guru untuk murid tahun tiga berdasarkan lokasi kajian. Didapati, murid bandar tahun tiga dan pemilihan guru untuk murid luar bandar tahun tiga yang lebih tinggi memilih bahan bacaan berilustrasi berwarna, iaitu seramai 41.6% murid. Apabila bahan bacaan murid bandar tahun tiga dipilih oleh guru, peratusan bahan bacaan berilustrasi berwarna menurun menjadi seramai 12.5%. Penurunan ini menunjukkan guru cenderung memilih bahan bacaan untuk murid tahun tiga di bandar yang berilustrasi kombinasi dua warna, iaitu 25%. Namun berbeza dengan murid tahun tiga di luar bandar, peratusan bahan bacaan yang mempunyai ilustrasi berwarna meningkat daripada 37.5% menjadi 41.6% murid luar, apabila bahan bacaan murid luar bandar tahun tiga dipilih oleh guru.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

d) Ilustrasi bahan bacaan pilihan murid tahun empat dengan pilihan guru untuk murid tahun empat

i) Perbandingan Jantina

Jadual 4.79

Jadual Perbandingan Ilustrasi Bahan Bacaan Pilihan Murid dengan Guru Tahun Empat Berdasarkan Jantina

Ilustrasi	Jantina			
	Lelaki		Perempuan	
	Murid (%)	Guru (%)	Murid (%)	Guru (%)
Ilustrasi				
Berwarna	16.6	4.1	37.5	12.5
Kombinasi Dua Warna	8.3	8.3	4.1	16.6
Tiada Berwarna	20.8	33.3	4.1	16.6
Gambar				
Berwarna	0	0	0	0
Kombinasi Dua Warna	0	0	0	0
Tiada Berwarna	0	0	0	0
Tiada	4.1	4.1		4.1
Tiada Data	0	0	4.1	0

Jadual 4.79 mempamerkan analisis perbandingan pemilihan bahan bacaan oleh murid-murid dan guru untuk murid tahun empat berdasarkan jantina. Didapati, murid-murid lelaki tahun empat cenderung memilih bahan bacaan berilustrasi tiada berwarna untuk dibaca (20.8%). Malahan, peratusannya semakin meningkat menjadi 33.3%, apabila guru yang memilih bahan bacaan. Selain itu, murid-murid perempuan tahun empat sangat kerap memilih bahan bacaan berilustrasi berwarna (37.5%). Namun demikian, peratusannya menurun menjadi 12.5%, apabila bahan bacaan dipilih oleh guru. Manakala, bahan bacaan yang berilustrasi dengan kombinasi dua warna dan tiada berwarna yang menjadi pilihan guru untuk murid-murid perempuan tahun empat, iaitu seramai 16.6% murid.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

ii) Perbandingan Lokasi

Jadual 4.80

Jadual Perbandingan Ilustrasi Bahan Bacaan Pilihan Murid dengan Guru Tahun Empat Berdasarkan Lokasi

Ilustrasi	Lokasi			
	Bandar		Luar bandar	
	Murid (%)	Guru (%)	Murid (%)	Guru (%)
Ilustrasi				
Berwarna	25	12.5	29.1	4.1
Kombinasi Dua Warna	4.1	20.8	8.3	4.1
Tiada Berwarna	16.6	12.5	8.3	37.5
Gambar				
Berwarna	0	0	0	0
Kombinasi Dua Warna	0	0	0	0
Tiada Berwarna	0	0	0	0
Tiada	4.1	4.1	0	4.1
Tiada Data	0	0	4.1	0

Jadual 4.78 merupakan jadual analisis perbandingan ilustrasi bahan bacaan pilihan murid-murid tahun empat dengan guru untuk murid-murid tahun empat berdasarkan lokasi. Didapati murid-murid tahun empat bandar (25%) dan luar bandar (29.1%) cenderung memilih bahan bacaan yang mempunyai ilustrasi berwarna. Namun begitu, apabila bahan bacaan mereka dipilih oleh guru, peratusannya merundum jatuh menjadi seramai 12.5% dan 4.1%. Penurunan peratusan bahan bacaan berilustrasi berwarna kerana, guru cenderung memilih bahan bacaan berilustrasi kombinasi dua warna (20.8%). Manakala kecenderungan guru tahun empat luar bandar (37.5%) pula, adalah bahan bacaan yang mempunyai ilustrasi yang tiada berwarna. Selain itu, terdapat juga murid-murid yang mendapat bahan bacaan yang tiada berilustrasi atau bergambar (4.1%).

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

e) Ilustrasi bahan bacaan pilihan murid tahun lima dengan pilihan guru untuk murid tahun lima

i) Perbandingan Jantina

Jadual 4.81

Jadual Perbandingan Ilustrasi Bahan Bacaan Pilihan Murid dengan Guru Tahun Lima Berdasarkan Jantina

Ilustrasi	Jantina			
	Lelaki		Perempuan	
	Murid (%)	Guru (%)	Murid (%)	Guru (%)
Ilustrasi				
Berwarna	37.5	0	29.1	12.5
Kombinasi Dua Warna	8.3	8.3	12.5	12.5
Tiada Berwarna	0	25	8.3	25
Gambar				
Berwarna	0	0	0	0
Kombinasi Dua Warna	0	0	0	0
Tiada Berwarna	0	0	0	0
Tiada	4.1	16.6		
Tiada Data	0	0	0	0

Jadual 4.81 memperlihatkan analisis perbandingan ilustrasi bahan bacaan yang dipilih oleh murid tahun lima dengan pilihan guru untuk murid tahun lima berdasarkan jantina. Jadual menunjukkan murid-murid lelaki (37.5%) dan perempuan tahun lima (29.1%) cenderung memilih bahan bacaan yang mempunyai ilustrasi berwarna. Namun begitu, apabila bahan bacaan murid-murid lelaki dan perempuan tahun lima dipilih oleh guru, tiada catatan diperolehi untuk murid lelaki tahun lima. Namun begitu, peratusan bagi murid perempuan menurun menjadi 12.5%. Hal ini demikian kerana kecenderungan pemilihan bahan bacaan oleh guru untuk murid-murid lelaki dan perempuan tahun lima adalah bahan bacaan yang mempunyai ilustrasi tiada berwarna (25%). Selain itu, guru kerap memilih bahan bacaan tiada berilustrasi dan bergambar untuk murid-murid lelaki tahun lima, iaitu seramai 16.6%.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

ii) Perbandingan Lokasi

Jadual 4.82

Jadual Perbandingan Ilustrasi Bahan Bacaan Pilihan Murid dengan Guru Tahun Lima Berdasarkan Lokasi

Ilustrasi	Lokasi			
	Bandar		Luar bandar	
	Murid (%)	Guru (%)	Murid (%)	Guru (%)
Ilustrasi				
Berwarna	25	0	41.6	20.8
Kombinasi Dua Warna	20.8	12.5	0	0
Tiada Berwarna	0	25	8.3	25
Gambar				
Berwarna	0	0	0	0
Kombinasi Dua Warna	0	0	0	0
Tiada Berwarna	0	0	0	0
Tiada	4.1	12.5		4.1
Tiada Data	0	0	0	0

Jadual 4.82 memaparkan analisis perbandingan ilustrasi bahan bacaan pilihan murid-murid tahun lima dengan pilihan guru untuk murid-murid tahun lima berdasarkan lokasi kajian. Didapati murid-murid bandar (25%) dan luar bandar (41.6%). tahun lima kerap memilih bahan bacaan yang mempunyai ilustrasi berwarna. Namun demikian, guru cenderung memilih bahan bacaan yang berilustrasi tiada berwarna untuk murid-murid tahun empat di bandar dan luar bandar dengan catatan 25%. Selain itu, guru juga ada memilih bahan bacaan yang tiada mempunyai ilustrasi atau gambar untuk murid bandar tahun lima, iaitu 12.5% murid.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

f) Ilustrasi bahan bacaan pilihan murid tahun enam dengan pilihan guru untuk murid tahun enam

i) Perbandingan Jantina

Jadual 4.83

Jadual Perbandingan Ilustrasi Bahan Bacaan Pilihan Murid dengan Guru Tahun Enam Berdasarkan Jantina

Ilustrasi	Jantina			
	Lelaki		Perempuan	
	Murid (%)	Guru (%)	Murid (%)	Guru (%)
Ilustrasi				
Berwarna	8.3	4.1	8.3	0
Kombinasi Dua Warna	8.3	8.3	8.3	12.5
Tiada Berwarna	29.1	33.3	25	33.3
Gambar				
Berwarna	0	0	0	0
Kombinasi Dua Warna	0	0	0	0
Tiada Berwarna	0	0	0	0
Tiada	4.1	4.1	4.1	4.1
Tiada Data		0	4.1	0

Jadual 4.83 menunjukkan analisis perbandingan ilustrasi bahan bacaan pilihan murid-murid tahun enam dengan guru tahun enam berdasarkan jantina. Didapati murid-murid lelaki (29.1%) dan perempuan (25%) tahun enam memilih bahan bacaan yang mempunyai ilustrasi tiada berwarna. Apabila bahan bacaan murid-murid lelaki dan perempuan tahun enam dipilih oleh guru, peratusan bahan bacaan yang mempunyai ilustrasi tiada berwarna semakin meningkat menjadi 33.3%. Selain itu, terdapat 8.3% murid-murid lelaki dan perempuan tahun enam memilih bahan bacaan yang berilustrasi berwarna. Apabila bahan bacaan murid-murid lelaki tahun enam dipilih oleh guru, peratusan bahan bacaan berilustrasi berwarna menurun menjadi 4.1% dan tiada catatan pada pilihan guru untuk murid-murid perempuan tahun enam. Selain itu, didapati guru kerap memilih bahan bacaan yang mempunyai ilustrasi tiada berwarna untuk murid-murid perempuan tahun enam (12.5%).

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

ii) Perbandingan Lokasi

Jadual 4.84

Jadual Perbandingan Ilustrasi Bahan Bacaan Pilihan Murid dengan Guru Tahun Enam Berdasarkan Lokasi

Ilustrasi	Lokasi			
	Bandar		Luar bandar	
	Murid (%)	Guru (%)	Murid (%)	Guru (%)
Ilustrasi				
Berwarna	12.5	0	4.1	4.1
Kombinasi Dua Warna	16.6	16.6	0	4.1
Tiada Berwarna	12.5	25	41.6	41.6
Gambar				
Berwarna	0	0	0	0
Kombinasi Dua Warna	0	0	0	0
Tiada Berwarna	0	0	0	0
Tiada	8.3	8.3		0
Tiada Data		0	4.1	0

Jadual 4.84 memperlihatkan analisis perbandingan ilustrasi bahan bacaan pilihan murid-murid tahun enam dengan guru berdasarkan lokasi kajian. Berdasarkan lokasi bandar, terdapat perbezaan antara ilustrasi bahan bacaan yang dipilih oleh murid dengan guru. Murid-murid tahun enam di bandar lebih memilih bahan bacaan yang mempunyai ilustrasi kombinasi dua warna (16.6%) manakala, guru lebih kerap memilih bahan bacaan yang berilustrasi tiada berwarna (25%). Berbeza dengan lokasi luar bandar, murid-murid tahun enam dan guru sama cenderung memilih bahan bacaan yang berilustrasi tiada berwarna (41.6%). Selain itu, terdapat juga murid-murid tahun enam dan guru di lokasi bandar yang memilih bahan bacaan tiada berwarna untuk dibaca (8.3%).

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

4.4 Rumusan

Rumusannya, hasil analisis kajian telah dibahagikan kepada lima bahagian utama mengikut objektif kajian, iaitu: 1) Tahap kebolehbacaan bahan bacaan pilihan murid; 2) Tahap kebolehbacaan bahan bacaan pilihan guru; 3) Perbandingan tahap kebolehbacaan bahan bacaan pilihan murid dengan pilihan guru; 4) Genre dan ilustrasi pada bahan bacaan yang dipilih oleh murid dengan guru, dan 5) Perbandingan genre dan ilustrasi pada bahan bacaan pilihan murid dengan guru.

Analisis data tahap kebolehbacaan dipecahkan mengikut tahun persekolahan murid. Elemen yang dilihat adalah berdasarkan jantina dan lokasi kajian. Begitu juga dengan analisis genre serta ilustrasi pada bahan bacaan dilihat secara keseluruhan, mengikut tahun persekolahan murid berdasarkan jantina dan lokasi kajian.

Pada analisis perbandingan tahap kebolehbacaan bahan bacaan murid dengan guru, data keseluruhan mengikut tahun persekolahan dibahagikan kepada dua tahap, iaitu mengikut Tahap Satu dan Tahap Dua. Selain itu, perbandingan tahap kebolehbacaan bahan bacaan pilihan murid dan guru pula dianalisis mengikut tahun persekolahan murid. Elemen yang dilihat juga berdasarkan jantina dan lokasi kajian. Begitu juga dapatan analisis genre dan ilustrasi pada bahan bacaan yang dipilih oleh guru dengan murid, iaitu mengikut tahap persekolahan dan berdasarkan tahun persekolahan murid.

Tahap kebolehbacaan bahan bacaan pilihan guru, turut dianalisis berdasarkan data demografi guru. Data demografi ini diperolehi semasa pengkaji turun ke lokasi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

kajian. Data demografi guru yang dianalisis berdasarkan tahap kebolehbacaan adalah daripada segi jantina, umur, sekolah, kelulusan tertinggi, opsyen, pengalaman mengajar dan pengalaman mengajar subjek Bahasa Melayu.

Selain penentuan menggunakan tahap kebolehbacaan yang telah dibangunkan oleh Khadijah Rohani (1982), aspek-aspek teknikal seperti ilustrasi pada bahan bacaan serta genre juga mampu menentukan tahap kebolehbacaan sesebuah bahan bacaan. Bahan bacaan yang mempunyai ilustrasi, mampu membantu murid dalam memahami jalan cerita yang disampaikan. Malahan genre sesebuah bahan bacaan juga mampu menarik minat murid untuk membaca walaupun bahan bacaan tersebut mempunyai tahap kebolehbacaan yang tinggi daripada tahun persekolahan murid.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

BAB 5

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.0 Pendahuluan

Dalam kajian ini, pengkaji telah menganalisis sebanyak 288 buah bahan bacaan yang dipilih oleh murid dan guru. Fokus utama kajian ini dijalankan adalah untuk mengetahui tahap kebolehbacaan bahan bacaan pilihan murid dan tahap kebolehbacaan bahan bacaan pilihan guru serta perbandingannya.

Dalam bab ini, perbincangan analisis dapatan kajian adalah untuk menjawab soalan-soalan kajian yang berikut:

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Objektif kajian

1. Mengenal pasti tahap kebolehbacaan bahan bacaan yang dipilih oleh murid.
2. Mengenal pasti tahap kebolehbacaan bahan bacaan yang dipilih oleh guru.
3. Membandingkan tahap kebolehbacaan bahan bacaan yang dipilih sendiri oleh murid dengan bahan bacaan yang dipilih oleh guru.
4. Mengenal pasti genre dan ilutrasi bahan bacaan yang dipilih oleh murid dengan genre dan ilustrasi bahan bacaan yang dipilih oleh guru.
5. Membandingkan genre dan ilustrasi bahan bacaan yang dipilih oleh murid dengan genre dan ilustrasi bahan bacaan yang dipilih oleh guru.

Soalan Kajian

1. Apakah tahap kebolehbacaan bahan bacaan yang dipilih oleh murid?
2. Apakah tahap kebolehbacaan bahan bacaan yang dipilih oleh guru?
3. Apakah perbandingan tahap kebolehbacaan bahan bacaan yang dipilih oleh murid berbanding dengan tahap kebolehbacaan bahan bacaan yang dipilih oleh guru?
4. Apakah genre dan ilustrasi bacaan yang dipilih oleh murid dan pilihan guru?
5. Apakah perbezaan genre dan ilustrasi bahan bacaan yang dipilih oleh murid berbanding dengan guru?

Oleh yang demikian, pengkaji telah menganalisis dapatan berdasarkan tahun persekolahan murid, iaitu daripada Tahun Satu hingga Tahun Enam. Berdasarkan tahun persekolahan murid, pengkaji membahagikan dapatan kajian mengikut jantina, iaitu murid lelaki dan perempuan serta lokasi sekolah murid yang dijadikan kawasan kajian, iaitu bandar dan luar bandar.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Selain itu, pengkaji telah menganalisis tahap kebolehbacaan bahan bacaan yang dipilih oleh guru berdasarkan data demografi guru yang terdiri daripada jantina, umur, sekolah, kelulusan tertinggi, opsyen, pengalaman mengajar dan pengalaman mengajar subjek bahasa Melayu.

Dalam bab ini, pengkaji akan membuat perbincangan hasil analisis dapatan kajian yang telah dihuraikan pada bab yang sebelumnya, menyatakan implikasi kajian serta mengemukakan cadangan kajian lanjutan untuk masa akan datang.

5.2 Perbincangan

Kajian ini melibatkan murid tahun satu hingga tahun enam di empat buah sekolah yang dibahagikan kepada sekolah bandar dan luar bandar. Seramai 144 orang murid telah dijadikan responden kajian dan pemilihan murid adalah berdasarkan kepada kebolehan mereka, iaitu murid yang tidak mempunyai masalah membaca serta boleh membaca dengan baik dan lancar. Di samping itu, seramai 24 orang guru telah dipilih untuk kajian ini. Guru yang dipilih adalah guru yang mengajar subjek Bahasa Melayu bagi responden kajian.

Secara keseluruhan, hasil analisis mendapati bahawa terdapat pebezaan yang tidak ketara antara tahap kebolehbacaan bahan bacaan yang dipilih oleh murid dan tahap kebolehbacaan bahan bacaan yang dipilih oleh guru. Dapatan analisis menunjukan murid sangat cenderung memilih bahan bacaan yang mempunyai tahap

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

kebolehbacaan empat. Manakala, guru pula lebih tertumpu memilih bahan bacaan yang mempunyai tahap kebolehbacaan lima untuk dipadankan dengan murid-murid tahun satu hingga tahun enam.

Hasil analisis tahap kebolehbacaan turut dipaparkan berdasarkan jantina dan lokasi kajian. Berdasarkan jantina, analisis tahap kebolehbacaan bahan bacaan pilihan murid mendapati bahawa murid lebih cenderung memilih bahan bacaan yang mempunyai tahap kebolehbacaan empat tanpa mengambilkira sama ada murid lelaki atau murid perempuan. Keputusan analisis menunjukkan murid lelaki tahun tiga dan murid perempuan tahun dua lebih kerap memilih bahan bacaan yang mempunyai tahap kebolehbacaan empat. Hal ini berbeza dengan tahap kebolehbacaan bahan bacaan pilihan guru, didapati lebih ramai murid lelaki memperoleh bahan bacaan yang mempunyai tahap kebolehbacaan lima. Tahap kebolehbacaan bahan bacaan pilihan guru untuk murid perempuan pula adalah bahan bacaan yang mempunyai tahap kebolehbacaan empat.

Bagi analisis berdasarkan lokasi kajian, terdapat perbezaan antara pemilihan tahap kebolehbacaan bahan bacaan murid dan guru di lokasi bandar dan luar bandar. Murid dan guru di lokasi bandar lebih cenderung memilih bahan bacaan yang mempunyai tahap kebolehbacaan empat. Namun begitu, murid di lokasi luar bandar lebih tertumpu memilih bahan bacaan yang mempunyai tahap kebolehbacaan kurang daripada kosong. Manakala, pemilihan guru di lokasi luar bandar adalah bahan bacaan yang mempunyai tahap kebolehbacaan lima.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Walaupun tahap kebolehbacaan bahan bacaan yang dipilih oleh murid dan guru adalah tidak berpadanan mengikut tahun persekolahan murid, hampir keseluruhan bahan bacaan yang dipilih oleh murid dan guru mempunyai ilustrasi yang boleh mendatangkan minat untuk membaca. Berdasarkan konsep kebolehbacaan bahan bacaan, ilustrasi merupakan satu aspek yang boleh mempengaruhi darjah susah senang sesebuah bahan bacaan. Ilustrasi yang dimuatkan di dalam bahan bacaan mungkin berbentuk ilustrasi lukisan atau gambar yang berbentuk fotografi. Ianya mampu membantu meningkatkan kefahaman pembaca terhadap bahan bacaan yang dibaca (Arba'ie Sujud dan Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi, 2011; Abdul Hakeem Misnan, 2014; Dahlia Janan, 2005 dan 2011; Jayme Andrews, Lauren Scharff dan Laurie Moses, 2002; dan Norabian Hamzah, 2013). Di samping itu, kepelbagaian genre bahan bacaan juga mampu menarik minat murid untuk memilih bahan bacaan yang terdapat di dalam perpustakaan untuk dibaca. Meskipun bahan bacaan tersebut mempunyai tahap kebolehbacaan yang tinggi daripada murid tahap satu di sekolah rendah (Dahlia Janan, 2011; Salmah Hj. Ayob, 1981; dan Zainiah Mohamed Isa, 2008).

Oleh yang demikian, berdasarkan soalan kajian yang telah dikemukakan pada Bab 1, perbincangan terperinci adalah meliputi: 1) Perbincangan hasil analisis tahap kebolehbacaan bahan bacaan yang dipilih oleh murid; 2) Perbincangan hasil analisis tahap kebolehbacaan bahan bacaan yang dipilih oleh guru; 3) Perbincangan hasil analisis perbezaan tahap kebolehbacaan bahan bacaan pilihan murid dengan pilihan guru; 4) Perbincangan hasil analisis genre dan ilustrasi bahan bacaan pilihan murid dengan pilihan murid dan guru; dan 5) Perbincangan hasil analisis perbandingan genre dan ilustrasi bahan bacaan pilihan murid berbanding dengan pilihan guru.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

5.2.1 Perbincangan hasil analisis tahap kebolehbacaan bahan bacaan pilihan murid

Hasil perbincangan analisis tahap kebolehbacaan murid ini akan menjawab soalan kajian pengkaji yang pertama, iaitu apakah tahap kebolehbacaan bahan bacaan yang dipilih oleh murid?

Secara keseluruhannya, hasil analisis data tahap kebolehbacaan bahan bacaan yang dipilih oleh murid memaparkan kebanyakan murid tahun satu hingga tahun enam tidak mengira tahap persekolahan, jantina dan lokasi lebih tinggi memilih bahan bacaan yang mempunyai tahap kebolehbacaan empat. Berdasarkan penilaian tahap kebolehbacaan oleh Khadijah Rohani (1982), tahap kebolehbacaan empat adalah berpadanan dengan murid tahun empat di sekolah rendah.

Hasil analisis memperlihatkan murid tahun dua, lebih cenderung memilih bahan bacaan yang mempunyai tahap kebolehbacaan empat. Memang tidak dinafikan pemilihan bahan bacaan yang mempunyai tahap kebolehbacaan empat adalah tidak berpadanan dengan usia dan perkembangan psikologi murid tahun dua sekolah rendah. Hal ini demikian kerana tahap kebolehbacaan empat adalah berpadanan dengan murid tahun empat. Sungguhpun demikian, pemilihan bahan bacaan oleh murid tahun dua terhadap bahan bacaan pada tahap kebolehbacaan empat adalah mungkin disebabkan oleh aspek-aspek yang terdapat pada sesebuah bahan bacaan seperti ilustrasi dan juga genre bahan bacaan.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Selain itu, analisis kajian memaparkan murid tahun dua dan tahun tiga berdasarkan jantina dan lokasi kajian lebih cenderung memilih bahan bacaan yang mempuyai tahap kebolehbacaan empat. Hal ini dibuktikan dengan paparan murid perempuan tahun dua serta murid lelaki tahun tiga lebih ramai memilih bahan bacaan yang mempunyai tahap kebolehbacaan empat. Manakala berdasarkan lokasi kajian pula, murid tahun dua di bandar ternyata lebih ramai memilih bahan bacaan yang mempunyai tahap kebolehbacaan empat, diikuti oleh murid tahun tiga di luar bandar, juga lebih tinggi memilih bahan bacaan yang mempunyai tahap kebolehbacaan empat. Hal ini menunjukkan bahawa murid tahun dua dan tahun tiga memilih bahan bacaan yang lebih mencabar berbanding dengan tahap persekolahan mereka.

Kekhuatiran mungkin difikirkan oleh pengkaji apabila hasil analisis tahap kebolehbacaan bahan bacaan yang dipilih oleh murid tahun lima dan murid tahun enam lebih menjurus untuk memilih bahan bacaan yang mudah, iaitu mempunyai tahap kebolehbacaan yang rendah. Hasil kajian menunjukkan murid tahun lima dan tahun enam lebih kerap memilih bahan bacaan yang mempunyai tahap kebolehbacaan empat, iaitu tahap kebolehbacaan yang rendah daripada tahun persekolahan mereka. Pemilihan bahan bacaan pada tahap kebolehbacaan empat memang tidak berpadanan dan tidak bersesuaian dengan faktor usia murid. Namun begitu, pemilihan bahan yang tetap adalah mungkin disebabkan oleh faktor persekitaran murid seperti pengaruh ibu bapa, guru, dan juga rakan sebaya.

Menurut Dahlia Janan (2005 dan 2006); Mahzan Arshad (2007); Norabian (2013) dan Zainiah Mohamed Isa (2008), ciri-ciri dan persembahan bahan bacaan dari segi genre, jenis gambar, dan ilustrasi dapat mempengaruhi pemilihan bahan bacaan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

oleh murid ke atas bahan bacaan yang digemari oleh mereka. Selain itu, pola tingkah laku manusia, terutamanya murid-murid di sekolah adalah hasil mereka berasimilasi dengan persekitaran sosial atau kebudayaan setempat murid (M. NGalim Purwanto, 1992). Oleh yang demikian, faktor-faktor inilah yang menyumbang kepada pemilihan bahan bacaan yang mempunyai tahap kebolehbacaan empat. Di samping itu, pemilihan bahan bacaan yang mempunyai tahap kebolehbacaan empat oleh murid tahun lima dan tahun enam kebarangkalian disebabkan oleh pengaruh daripada rakan sebaya.

5.2.2 Perbincangan hasil analisis tahap kebolehbacaan bahan bacaan pilihan guru

Menurut Dahlia Janan (2012), Burhan Nurgiyonto (2005) dan Zainiah Mohamed Isa (2009), guru perlu meramal tahap kebolehbacaan bahan bacaan untuk disesuaikan kepada murid mengikut perkembangan umur atau pembangunan psikologi murid yang diajarinya terutamanya usia. Sehubungan dengan itu, perbincangan yang berikut adalah merangkumi hasil analisis tahap kebolehbacaan bahan bacaan pilihan guru yang akan menjawab soalan kajian yang kedua, iaitu apakah tahap kebolehbacaan bahan bacaan yang dipilih oleh guru?

Pandangan umum menyatakan bahawa guru boleh meramal serta memilih bahan bacaan yang bersesuaian dengan murid yang diajari. Walau bagaimanapun, hasil analisis mendapati, masih terdapat guru yang tidak mampu memilih bahan bacaan yang bersesuaian dengan murid. Secara keseluruhan, hasil analisis juga menunjukkan taburan kekerapan tahap kebolehbacaan bahan bacaan yang dipilih oleh

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

guru adalah bahan bacaan yang mempunyai tahap kebolehbacaan lima. Berdasarkan penilaian tahap kebolehbacaan yang dibangunkan oleh Khadijah Rohani (1982), tahap kebolehbacaan lima adalah berpadanan dengan murid tahun lima di sekolah rendah. Hasil kajian ini sebagai bukti yang menunjukkan guru memang tidak memilih bahan bacaan yang berpadanan dengan murid. Menerusi kajian ini, pengakaji berharap dapat memberikan pengetahuan kepada guru di samping membantu mereka memilih bahan bacaan dengan baik.

Hasil analisis memperlihatkan guru lebih cenderung memilih bahan bacaan yang mempunyai tahap kebolehbacaan lima untuk murid tahun satu dan tahun tiga. Namun demikian, terdapat dalam kalangan guru yang sangat ketara memilih tahap kebolehbacaan yang lebih rendah daripada tahap persekolahan murid, iaitu seramai 20.8% murid tahun enam. Pemilihan tahap kebolehbacaan rendah, iaitu tahap kebolehbacaan lima adalah tidak berpadanan dan tidak bersesuaian dengan murid tahun enam. Hal ini demikian kerana menurut Jean Piaget, 1896-1980 (dalam Burhan Nurgiyantoto, 2005) dari segi psikologi, murid yang berusia 12 tahun mempunyai perkembangan intelektual (kognitif) yang semakin berkembang, iaitu murid telah boleh berfikir dengan logik berdasarkan rangsangan yang diterima. Maka, dalam hal ini, jika bahan bacaan yang diberikan oleh guru adalah rendah daripada perkembangan intelektual murid, maklumat yang diterima daripada bahan bacaan yang dibaca akan membantutkan perkembangan intelektual murid. Seterusnya, murid tidak dapat mengembangkan ilmu pengetahuan sedia ada serta tidak dapat meluaskan aspek perbendaharaan kata yang baharu.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Selain itu, pemilihan bahan bacaan yang mempunyai tahap kebolehbacaan yang rendah tidak dapat mempengaruhi pembelajaran murid untuk meningkatkan strategi pembelajaran berbahasa dalam kalangan murid sekolah. Murid mungkin tidak dapat mengeluarkan pendapat yang bernas, tidak dapat berfikiran dengan kreatif dan kritis. Seterusnya, kemungkinan berlaku apabila murid mendapat bahan bacaan yang rendah, murid tidak dapat bertutur atau berkomunikasi dengan baik kerana kurangnya penguasaan dari aspek perbendaharaan kata melalui bahan bacaan yang baik (Zamri Mahamod dan Mohamed Amin Embi, 2005).

Perbezaan yang tidak ketara diperlihatkan hasil analisis antara tahap kebolehbacaan bahan bacaan yang dipilih oleh guru berdasarkan lokasi, iaitu guru di lokasi bandar lebih cenderung memilih bahan bacaan pada tahap kebolehbacaan empat, manakala guru di lokasi luar bandar pula pada Tahap kebolehbacaan lima. Malahan, pemilihan bahan bacaan pada tahap kebolehbacaan empat dan tahap kebolehbacaan lima yang dipilih oleh guru di lokasi bandar dan luar bandar juga adalah tidak berpadanan dengan tahun persekolahan murid. Buktinya, guru di bandar dan luar bandar telah memilih bahan bacaan yang mempunyai tahap kebolehbacaan tinggi untuk murid yang rendah tahun persekolahannya, terutamanya kepada murid tahun satu dan tahun tiga. Bahan bacaan yang tidak bersesuaian dengan murid akan menyebabkan murid menjadi tidak berminat dan kurang bermotivasi kerana bahan bacaan tersebut tidak mampu merangsang otak murid untuk berfikir dengan lebih mendalam, meluas serta tidak menyumbang dalam memperkayakan pengetahuan sedia ada murid.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Menurut Azman Wan Chik (1986); Dahlia Janan (2011) dan Yahya Othman dan Ghazali Mustapha (2005), motivasi ke atas bahan bacaan juga merupakan salah satu faktor penting dalam menentukan tahap kebolehbacaan bahan bacaan dan kebolehan membaca murid di samping menggerakkan minat murid untuk ingin membaca. Motivasi di sini, merujuk kepada keperluan psikologi murid yang melibatkan keinginan untuk mengetahui tentang sesuatu perkara dengan lebih mendalam. Sekiranya rangsangan dalam bentuk bahan bacaan yang diberikan oleh guru adalah tidak berpadanan, sama ada rendah atau tinggi daripada tahun persekolahan murid, motivasi murid akan menurun. Seterusnya, murid akan merasa bosan dengan bahan bacaan yang dibaca (Azman Wan Chik, 1986; Dahlia Janan, 2011 dan Yahya Othman dan Ghazali Mustapha, 2005).

Berdasarkan jantina guru dan lokasi kajian guru, didapati guru lelaki dan guru yang mengajar di lokasi luar bandar lebih cenderung memilih bahan bacaan yang mempunyai tahap kebolehbacaan lima. Guru yang mempunyai pengalaman sebagai guru antara 5-10 tahun; pengalaman mengajar bahasa Melayu antara 0-5 tahun; berkelulusan Ijazah Sarjana Muda; dan opsyen bahasa Melayu juga lebih tinggi memilih bahan bacaan pada tahap kebolehbacaan lima. Hal ini menunjukkan latar belakang guru tidak mampu mempengaruhi keupayaan mereka untuk memilih bahan bacaan yang bersesuaian dengan murid mereka. Hal ini dibuktikan dengan pemilihan bahan bacaan pada tahap kebolehbacaan lima adalah lebih tinggi dipilih oleh guru untuk murid yang rendah tahap persekolahan mereka, iaitu untuk murid tahun satu dan tahun tiga. Malahan, hasil analisis kajian menunjukkan guru memilih bahan bacaan terutamanya untuk murid tahun satu sehingga mempunyai tahap kebolehbacaan enam untuk dibaca.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Selain itu, terdapat juga pemilihan bahan bacaan pada tahap kebolehbacaan lima dipilih untuk murid yang tinggi tahap persekolahan mereka, iaitu murid tahun enam. Namun demikian, hanya segelintir guru yang berjaya menyesuaikan bahan bacaan untuk murid tahun lima. Dapatan ini dianggap tersasar daripada pandangan umum yang menyatakan bahawa guru mampu meramal dan memilih bahan bacaan yang berpadanan dengan murid. Tambahan pula, pada awal kajian ini dilakukan, pengkaji telah memaklumkan serta meminta guru untuk memilih bahan bacaan yang sesuai dengan murid-murid yang diajar oleh mereka. Hasil analisis tidak menggambarkan guru memilih bahan bacaan yang berpadanan dengan tahun persekolahan murid. Sedangkan guru-guru yang terlibat di dalam kajian ini, semuanya adalah guru tetap dan telah menerima latihan intensif perguruan sama ada di institusi pengajian tinggi yang terpilih mahupun di maktab-maktab perguruan.

Dalam aspek pemilihan bahan bacaan, keyakinan bahawa murid-murid yang dipilih oleh guru adalah mampu untuk membaca bahan bacaan yang dipilih hanyalah ramalan semata-mata. Tanpa ilmu pengetahuan mengenai kebolehbacaan bahan bacaan, guru dianggap gagal dalam memilih serta menyesuaikan bahan bacaan untuk murid. Apatah lagi untuk memadankan bahan bacaan mengikut tahun persekolahan murid (Khadijah Rohani, 1987 dan 2001). Hal ini demikian kerana bahan bacaan yang dipilih dan disesuaikan dengan murid haruslah bertujuan untuk memperkayakan pengalaman atau skemata sedia ada murid serta memperkasakan bahasa murid, terutamanya dari segi perbendaharaan kata baru (Azman Wan Chik, 1986 dan Yahya Othman dan Ghazali Mustapha, 2005). Jika bahan bacaan yang dipilih oleh guru adalah tinggi atau rendah, secara tidak langsung mengurangkan minat murid untuk membaca dan masa yang diambil untuk membaca pula adalah lama. Oleh yang

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

demikian, pentingnya guru diterapkan dengan ilmu pengetahuan mengenai kebolehbacaan bahan bacaan untuk disesuaikan dengan murid agar bahan bacaan yang dipilih dan diberikan akan menerbitkan tabiat membaca yang berkekalan.

5.2.3 Perbincangan hasil analisis perbezaan tahap kebolehbacaan bahan bacaan pilihan murid dengan guru

Perbincangan hasil analisis tahap kebolehbacaan bahan bacaan yang dipilih oleh murid dan guru akan menjawab soalan kajian mengenai perbezaan tahap kebolehbacaan bahan bacaan yang dipilih murid dengan tahap kebolehbacaan bahan bacaan yang dipilih oleh guru. Hasil analisis menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang tidak terlalu ketara antara pemilihan tahap kebolehbacaan bahan bacaan yang dipilih oleh murid dengan tahap kebolehbacaan bahan bacaan yang dipilih oleh guru.

Analisis mendapati murid lebih cenderung memilih bahan bacaan yang mempunyai tahap kebolehbacaan empat. Manakala, pemilihan bahan bacaan oleh guru pula adalah pada bahan bacaan yang mempunyai tahap kebolehbacaan lima. Namun demikian, hal ini tidak menggambarkan tahap persekolahan murid, terdapat murid yang rendah tahap persekolahan mereka telah memilih bahan bacaan pada tahap kebolehbacaan yang tinggi. Manakala murid yang tinggi tahap persekolahannya telah memilih bahan pada tahap kebolehbacaan yang rendah. Begitu juga dengan pemilihan oleh guru. Guru telah memilih bahan bacaan pada tahap kebolehbacaan bahan bacaaan yang tinggi untuk murid yang rendah tahap persekolahan mereka, manakala murid yang tinggi tahap persekolahan pula, bahan bacaan mereka adalah rendah tahap kebolehbacaannya.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Selain itu, perbezaan pemilihan bahan bacaan oleh murid dan guru yang mempunyai tahap kebolehbacaan empat dan tahap kebolehbacaan lima mungkin disebabkan oleh bahan bacaan yang terdapat di lokasi kajian, iaitu di perpustakaan sekolah yang berada pada tahap kebolehbacaan empat dan tahap kebolehbacaan lima. Hal ini adalah hasil daripada analisis kandungan terhadap pemilihan bahan bacaan yang dipilih oleh murid dan guru. Sehubungan dengan itu hasil perbincangan penyelidikan oleh Mahzan Arshad (2007) menyatakan bahawa buku kanak-kanak yang diterbitkan mempunyai tahap kesesuaian yang sederhana adalah menyokong hasil dapatan analisis ini.

Walaupun responden murid terdiri daripada murid tahun satu, murid masih boleh membaca bahan bacaan yang mempunyai tahap kebolehbacaan empat, iaitu padanan tahap kebolehbacaan yang lebih tinggi daripada yang dijangkakan sesuai dengan murid. Sungguhpun demikian, dapatan analisis ini hanyalah merujuk kepada sebahagian kecil bahan bacaan yang terdapat di empat buah lokasi kajian yang dikaji sahaja.

Hasil analisis memperlihatkan guru lebih cenderung memilih bahan bacaan yang mempunyai tahap kebolehbacaan tinggi tetapi dipadankan dengan murid tahap rendah. Antaranya, guru memadankan bahan bacaan untuk murid tahun satu yang mempunyai tahap kebolehbacaan lima, diikuti pemilihan bahan bacaan yang mempunyai tahap kebolehbacaan empat, tetapi dipadankan dengan murid tahun dua. Sedangkan, tahap kebolehbacaan lima dan tahap kebolehbacaan empat, adalah tidak layak dan tidak bersesuaian diberikan kepada murid tahap rendah.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

Sewajarnya, guru harus memilih bahan bacaan untuk murid tahun satu dan tahun dua yang mengandungi struktur ayat mudah, iaitu struktur ayat tunggal. Hal ini demikian kerana purata jumlah ayat tunggal bagi bahan bacaan yang mempunyai tahap kebolehbacaan rendah adalah antara 8 hingga 12 patah perkataan (Dahlia Janan, 2003) dan perkataan-perkataan yang digunakan adalah mudah dan lazim digunakan oleh murid apabila berkomunikasi (Mahzan Arshad, 2007).

Selain itu juga, terdapat sebilangan kecil, bahan bacaan murid yang dipilih oleh guru mempunyai tahap kebolehbacaan yang rendah dan bahan bacaan ini dipadankan dengan murid tahap tinggi. Buktinya segelintir murid tahun lima dan murid tahun enam, mendapat bahan bacaan yang mempunyai tahap kebolehbacaan kurang daripada kosong dan tahap kebolehbacaan dua. Pemilihan tahap kebolehbacaan kurang daripada kosong dan tahap kebolehbacaan dua adalah sangat tidak berpadanan dengan tahun persekolahan murid. Pada peringkat umur murid antara 7-12 tahun, murid haruslah diberikan bahan bacaan yang mampu mencabar minda murid untuk berfikir pada aras yang tinggi. Selain itu, mereka telahpun mampu membuat eksplorasi secara berdikari. Maka, bahan bacaan yang diberikan, sewajarnya mempunyai tahap pengetahuan yang luas dan penggunaan perbendaharaan kata yang baik bagi membantu murid memperkayakan pengetahuan sedia ada, menambah serta mengukuhkan kosa kata baru kepada murid. Namun begitu, jika bahan bacaan yang diberikan adalah mudah, ianya akan menurunkan motivasi murid untuk mengekalkan tabiat membaca sebagai suatu tingkah laku yang posititf dalam diri murid (Azman Wan Chik, 1985; Dahlia Janan, 2011 dan Zainiah Mohamed Isa, 2008).

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Sungguhpun demikian, pujian harus diberikan kepada guru kerana terdapat juga guru yang memilih bahan bacaan yang berpadanan dengan murid. Hasil analisis memperlihatkan guru lebih tinggi memilih bahan bacaan yang mempunyai Tahap kebolehbacaan lima untuk murid tahun lima, iaitu seramai 29.1% murid, diikuti pemilihan bahan bacaan yang mempunyai tahap kebolehbacaan enam untuk seramai 20.8% murid tahun enam. Hal ini menunjukkan bahawa guru mempunyai kesedaran dalam memilih dan menyesuaikan bahan bacaan yang terdapat dilokasi kajian dengan murid yang diajari. Kesedaran ini adalah bergantung kepada ramalan dan keyakinan guru bahawa bahan bacaan yang dipilih adalah mampu dibaca oleh murid yang diajari (Khadijah Rohani, 1987 dan 2001).

5.2.4 Perbincangan hasil analisis genre dan ilustrasi bahan bacaan pilihan murid dan guru

Seterusnya, hasil perbincangan berikut akan menjawab soalan kajian mengenai genre dan ilustrasi bahan bacaan yang dipilih oleh murid dan guru. Hasil analisis mendapati memang terdapat perbezaan yang ketara antara pemilihan genre pada bahan bacaan yang dipilih oleh murid dengan genre yang dipilih oleh guru serta perbandingan di antaranya. Hasil analisis ilustrasi menunjukkan tidak terdapat perbezaan di dalam analisis ilustrasi bahan bacaan yang dipilih oleh murid dan guru kerana murid dan guru lebih cenderung memilih bahan bacaan yang mempunyai ilustrasi. Sungguhpun demikian terdapat perbezaan antara jenis ilustrasi yang dipilih oleh murid dengan guru.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

5.2.4.1 Perbincangan hasil analisis genre pada bahan bacaan pilihan murid dan guru

Pengkaji mendapati hasil penyelidikan yang telah dijalankan oleh Arba'ie Sujud dan Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi (2011) dan Norabian Hamzah (2013), yang mendapati murid sangat berminat dengan bahan bacaan bergenre haiwan adalah menyemai dan menyokong hasil kajian yang telah dijalankan ini. Sungguhpun demikian, hasil penyelidikan yang dijalankan oleh Dahlia Janan (2011) menolak hasil analisis yang didapati dalam kajian ini.

Hasil analisis menunjukkan sama ada berdasarkan jantina, tahap persekolahan dan lokasi kajian, murid lebih cenderung memilih bahan bacaan yang mempunyai cerita berunsur haiwan sebagai pilihan murid untuk dibaca. Pemilihan genre haiwan oleh murid mungkin disebabkan oleh penyampaian jalan ceritanya yang mudah dan bersahaja, di samping ilustrasinya yang berwarna-warni (Arba'ie Sujud dan Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi, 2011 dan Norabian Hamzah, 2013). Walau bagaimanapun, hasil penyelidikan yang telah dijalankan oleh Dahlia Janan (2011), mendapati responden yang dikaji lebih cenderung memilih bahan bacaan yang mempunyai genre mistik bagi responden murid lelaki. Manakala pemilihan oleh murid perempuan adalah pada bahan bacaan yang mempunyai cerita berunsur keluarga.

Selain itu juga, menurut Arba'ie Sujud dan Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi (2011) dan Norabian Hamzah (2013), bahan bacaan bergenre haiwan mampu memberikan emosi yang positif dalam kalangan murid, apabila mereka membaca

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

bahan bacaan bergenre haiwan di samping bahan bacaan genre ini, mempunyai tahap kebolehbacaan yang rendah. Hal in bermakna, bahan bacaan bergenre haiwan adalah mudah untuk dibaca.

Selain itu, hasil analisis menunjukkan murid perempuan dan murid di lokasi bandar yang lebih banyak memilih bahan bacaan yang bergenre haiwan, diikuti murid lelaki dan murid di lokasi luar bandar. Analisis dapatan menunjukkan murid perempuan tahun tiga di bandar adalah kumpulan murid yang lebih mendominasi pemilihan bahan bacaan yang bergenre haiwan, iaitu seramai 33.3% murid. Fenomena ini mungkin disebabkan watak yang terdapat di dalam bahan bacaan tersebut adalah comel dan mampu mendatangkan emosi riang kepada murid di samping penyampaian jalan cerita yang mudah serta menarik minat untuk murid terus membaca (Abdul Hakeem, 2014; Arba'ie Sujud dan Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi, 2011; Mahzan Arshad, 2007; Norabian Hamzah, 2013 dan Zainiah Mohamed Isa, 2008 dan).

Perbezaan yang ketara diperlihatkan ke atas pemilihan genre bahan bacaan oleh guru. Didapati guru lebih cenderung memilih bahan bacaan bergenre keluarga untuk murid-murid. Ini dibuktikan dengan lebih 90% bahan bacaan yang dipilih guru terdiri daripada genre keluarga terutamanya untuk murid perempuan, murid di lokasi luar bandar dan murid tahap dua. Hasil dapatan ini selari dengan hasil kajian yang dijalankan oleh Dahlia Janan (2011). Walau bagaimanapun, yang membezakan hasil dapatan di dalam kajian ini adalah bahan bacaan yang mempunyai genre keluarga cenderung dipilih oleh guru. Bukannya oleh responden yang terdiri daripada kanak-kanak.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Pemilihan genre keluarga kepada murid adalah kerana paparan jalan cerita yang disampaikan adalah kompleks, lebih berasaskan kepada alam kehidupan yang realiti serta kaya dengan nilai-nilai moral dalam kehidupan (Zainiah Mohamed Isa, 2008 dan Salmah Hj. Ayob, 1981). Maka, faktor-faktor inilah yang menjadikan guru lebih cenderung memilih bahan bacaan yang bergenre keluarga.

5.2.4.2 Perbincangan hasil analisis ilustrasi bahan bacaan pilihan murid dan guru

Hasil analisis yang berikut adalah bagi menjawab soalan kajian mengenai genre dan ilustrasi bahan bacaan yang dipilih oleh murid dan guru berdasarkan jantina, lokasi mengikut tahun persekolahan murid serta berdasarkan tahap persekolahan murid.

Ternyata, hasil analisis mendapati murid dan guru cenderung memilih bahan bacaan yang mempunyai ilustrasi. Hal ini menunjukkan, memang tidak terdapat perbezaan yang ketara antara ilustrasi bahan bacaan yang dipilih oleh murid dengan guru kerana lebih 90% bahan bacaan yang dipilih oleh murid dan guru mempunyai ilustrasi. Murid lebih berminat memilih jenis ilustrasi yang berwarna-warni. Dapatan menunjukkan lebih ramai murid tahun satu memilih bahan bacaan yang mempunyai ilustrasi yang berwarna. Hasil kajian ini selari dengan hasil kajian yang dijalankan oleh Zainiah Mohamed Isa (2009).

Walau bagaimanapun, berbeza dengan murid tahun enam yang lebih cenderung memilih bahan bacaan yang mempunyai ilustrasi tetapi tiada berwarna. Hasil dapatan ini selari dengan hasil kajian yang dijalankan oleh Burhan Nugiyantoro

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

(2005) dan Zainiah Mohamed Isa (2008) bahawa kanak-kanak pada peringkat umur 12 tahun atau tahun enam telah boleh berfikir secara abstrak dan mempunyai daya imaginasi yang tinggi di samping mempunyai daya intelektual (kognitif) yang tinggi untuk berfikir dengan baik.

Ilustrasi merupakan daya tarikan dalam persembahan bahan bacaan untuk menarik minat pembaca. Hasil kajian-kajian lepas yang telah dinyatakan oleh pengkaji di dalam Bab Dua menujukkan bahawa ilustrasi atau gambar terbukti mampu membantu pembaca terutamanya murid-murid memahami maklumat yang disampaikan atau memudahkan pemahaman dalam pembacaannya adalah bertepatan degan kajian yang telah dijalankan ini.

Menurut Hayes dan Readence (1982), Reinking, Hayes dan McEneaney (1988) dan Norabian Hamzah (2013), peranan ilustrasi adalah penting dan mampu membantu kanak-kanak memahami sesebuah teks dengan lebih berkesan serta dapat menggalakkan pembelajaran dan pemahaman murid terhadap bahan bacaan tersebut. Di samping itu juga, ilustrasi merupakan daya penarik murid untuk membaca serta data mengekalkan tabiat membaca dalam kalangan murid (Abdul Hakeem Misnan, 2014; Siti Ezaleila Mustafa dan Shahrul Nazmi Sannusi, 2012 dan Zainiah Mohamed Isa 2008 dan 2009). Walaupun sesebuah bahan bacaan yang dipilih oleh murid dan guru mempunyai tahap kebolehbacaan yang tinggi, dengan adanya ilustrasi di dalamnya, maka dapat membantu kebolehbacaan seseorang murid terhadap bahan bacaan tersebut. Hal ini demikian kerana ilustrasi yang terdapat di dalam bahan bacaan juga merujuk kepada tahap kebolehbacaan sesebuah bahan bacaan (Dahlia Janan, 2005dan Norabian Hamzah, 2013).

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

5.2.5 Perbincangan perbandingan hasil analisis genre dan ilustrasi bahan bacaan pilihan murid dan guru

Perbincangan yang terakhir ini akan menjawab soalan kajian yang terakhir, mengenai perbandingan genre dan ilustrasi bahan bacaan yang dipilih oleh murid berbanding dengan yang dipilih oleh guru. Secara keseluruhan, memang terdapat perbezaan yang ketara antara genre bahan bacaan yang dipilih oleh murid dengan guru. Dapatan menunjukkan murid lebih banyak memilih bahan bacaan yang bergenre haiwan untuk dibaca, sedangkan pemilihan genre oleh guru adalah tertumpu kepada genre berbentuk kekeluargaan.

Pemilihan bahan bacaan oleh murid adalah berdasarkan kepada faktor psikologi murid terhadap persekitaran mereka yang mungkin dipengaruhi oleh aspek sosial, seperti pengaruh ibu bapa yang sering menyajikan bahan bacaan yang berbentuk genre haiwan atau persekitaran tempat tinggal murid yang berlainan dengan situasi atau suasana di dalam bahan bacaan yang digambarkan oleh penulis (Burhan Nurgiyantoro, 2005; Salmah Hj. Ayob, 1981 dan Zainiah Mohamed Isa, 2008).

Menurut Zainiah Mohamed Isa (2008) murid di sekolah rendah terutamanya, masih berada dibawah pengawasan ibu bapa dan amat mudah dipengaruhi oleh persekitaran yang berbentuk kekeluargaan. Maka tidak hairanlah jika guru lebih cenderung memilih bahan bacaan yang bergenre keluarga untuk murid Tahun Empat, tahun lima dan tahun enam. Namun demikian, kekerapan guru memilih bahan bacaan yang bergenre keluarga adalah tertumpu kepada murid tahap dua. Hal ini mungkin

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

disebabkan murid pada peringkat tahap dua, sudah mampu membuat eksplorasi mereka yang tersendiri tanpa ada bantuan daripada orang dewasa, iaitu guru terutamanya dalam memahami sesuatu konsep yang abstrak seperti kasih sayang, prihatin dan sebagainya. Selain itu juga, murid pada tahap dua, juga mampu menyusun, memahami turutan cerita dan masih boleh berfikir dengan logik akan situasi yang digambarkan oleh penulis di dalam bahan bacaan, meskipun, cerita yang dikarang mempunyai bab-bab yang berlainan (Burhan Nugiyanoro, 2005; Dahlia Janan, 2012 dan Zainiah Mohamed Isa, 2008).

Sungguhpun demikian, guru masih mengetahui bahawa murid juga amat berminat terhadap bahan bacaan yang bergenre haiwan. Kenyataan ini dibuktikan dan disokong dengan sejumlah besar bahan bacaan yang dipilih oleh guru untuk murid Tahap Satu adalah bergenre haiwan. Oleh yang demikian, hasil dapatan analisis di dalam kajian ini adalah menyamai dengan hasil penyelidikan yang telah dijalankan oleh Arbaie Sujud dan Nik Rafidah Nik Mohamad Affendi, (2011); Burhan Nurgiyantoro (2005), Norabian Hamzah (2014) dan Zainiah Mohamed Isa (2008) mengenai minat murid terhadap bahan bacaan yang bergenre haiwan.

Menurut Azman Wan Chik (1986), Mahzan Arshad (2007) dan Zainiah Mohamed Isa (2008 dan 2009), bahan bacaan yang bergenre haiwan memaparkan isi kandungan yang berkaitan dengan alam sekitar dan perwatakan yang digambarkan oleh penulis, kebanyakannya berkaitan dengan alam kehidupan murid. Tambahan pula, persembahan bahan bacaan bergenre haiwan mempunyai struktur jalan cerita yang mudah untuk diikuti di samping bahasa yang digunakan juga mudah dan menggerakkan daya imaginasi murid terutamanya murid tahap satu. Maka, hasil

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

kajian ini adalah bertepatan dengan hasil penyelidikan yang telah dijalankan oleh pengkaji-pengkaji yang terdahulu.

Pendapat umum menyatakan bahawa ilustrasi adalah suatu tarikan yang paling dominan apabila seseorang pembaca ingin memilih bahan bacaan untuk dibaca. Sehubungan dengan itu, hasil analisis menunjukkan secara keseluruhan bahan bacaan yang dipilih oleh murid dan guru (berdasarkan jantina dan lokasi kajian) mempunyai gambar yang berbentuk ilustrasi. Di dalam proses membaca, pembaca akan menggunakan aspek kognitif mereka dalam memahami jalan cerita yang ingin di sampaikan oleh penulis. Sungguhpun demikian, penekanan aspek afektif yang melibatkan emosi dan perasaan pembaca tidak harus dikesampingkan. Menerusi penyelitan ilustrasi pada bahan bacaan, ilustrasi mampu melahirkan emosi yang pelbagai apabila murid membaca bahan bacaan yang dipilih atau disajikan untuk mereka. Selain itu juga, penggunaan ilustrasi pada bahan bacaan juga mampu memudahkan pembaca memahami kandungan bahan bacaan dengan mudah. Maka tidak hairanlah jika murid dan guru lebih cenderung memilih bahan bacaan yang mempunyai ilustrasi untuk dibaca (Dahlia Janan, 2005; Abdul Hakeem Misnan, 2014 dan Yahya Othman dan Ghazali Hamzah, 2005).

Walaupun, bahan bacaan yang disajikan oleh guru terutamanya, terdiri daripada genre keluarga mahupun agama, dengan persembahan ilustrasi yang menarik, bahan bacaan yang dipilih oleh guru masih mampu difahami oleh murid-murid. Hal ini demikian kerana ilustrasi juga mampu menyampaikan mesej yang secara abstrak kepada murid berkaitan tema cerita yang disampaikan oleh penulis. Secara tidak langsung bahan bacaan yang dihasilkan mempunyai tahap kebolehbacaan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

yang rendah serta mesej yang disampaikan oleh penulis boleh difahami dengan mudah. (Arba'ie Sujud dan Nik Rafidah Nik Muhamad Afendi, 2011; Dahlia Janan, 2013 dan Mahzan Arshad (2007).

5.3 Implikasi dan cadangan

Kajian yang telah dijalankan ini dapat memberi gambaran dan panduan kepada guru untuk memilih dan menyediakan bahan bacaan yang bersesuaian dengan tahun persekolahan murid. Di samping itu, guru dapat mengetahui genre-genre bahan bacaan yang boleh dipilih dan disesuaikan dengan murid. Selain itu juga, menerusi kajian ini, guru dapat menyesuaikan bahan bacaan yang mempunyai ilustrasi yang bagaimana untuk disesuaikan juga dengan murid mengikut tahun persekolahan. Kesemua aspek ini perlu digabungjalin agar bahan bacaan yang disediakan mengikut tahun persekolahan murid dapat menarik minat murid untuk membaca seterusnya meluaskan pengetahuan sedia ada mereka.

Menerusi kajian ini, guru mata pelajaran antaranya mata pelajaran Bahasa Melayu dan mata pelajaran yang lain mendapat pengetahuan untuk memilih, menyedia dan menempatkan bahan bacaan di dalam kelas dan perpustakaan sekolah. Dari segi bahasa, hasil kajian ini, menjadi satu nilai tambah kepada guru bahasa Melayu mengetahui ciri-ciri pemilihan bahan bacaan dari aspek bahasa yang digunakan oleh penulis. Misalannya, dalam satu ayat tunggal, jumlah perkataannya antara 10-12 patah perkataan, bagi ayat gabungan pula, jumlah perkataannya antara

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

15-20 perkataan (Dahlia Janan, 2011), penggunaan warna di dalam ilustrasi perlulah terang, jelas dan berkaitan dengan jalan cerita yang dipaparkan serta genre bahan bacaan yang lebih diminati oleh murid (Arba'ie Sujud dan Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi, 2011 dan Jayme Andrews, Laurens Scharff dan Lauries Moses, 2002). Kesemua aspek ini merupakan konsep kebolehbacaan yang perlu diketahui oleh guru mata pelajaran bahasa Melayu dan mata pelajaran yang lain juga. Hal ini demikian kerana berdasarkan kriteria ini, bahan bacaan tersebut dapat menimbulkan minat untuk murid membaca dan membantu meluaskan pengetahuan murid sedia ada. Secara tidak langsung dapat mengembangkan penguasaan berbahasa dan kosa kata murid-murid dan dapat mengekalkan minat membaca dalam kalangan murid di sekolah rendah lagi.

Selain itu, kajian ini juga dapat membantu pihak biro buku teks dan penerbit buku dalam mengkelaskan bahan bacaan atau buku-buku latihan yang akan digunakan di sekolah rendah mengikut tahun persekolahan murid. Bagi pihak biro buku teks, mereka dapat menyediakan bahan bacaan dan buku-buku latihan yang berpadanan dengan tahap persekolahan murid dan persekitaran murid. Di samping itu juga, kandungan dalaman bahan bacaan, mempunyai ilustrasi gambar atau lakaran yang menarik dan berpadanan dengan maklumat yang disampaikan, warna yang terang dan ayat yang mudah untuk difahami. Aspek ini bertujuan untuk menarik minat murid membaca bahan bacaan yang disediakan.

Menerusi kajian yang dijalankan ini, pihak penerbit buku dapat menerbitkan serta mengkelaskan bahan bacaan yang pelbagai genre untuk kegunaan murid-murid di sekolah rendah, iaitu mengikut tahap persekolahan atau umur. Kepelbagaian genre

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

dengan tahap kebolehbacaan bahan bacaan yang berbeza-beza adalah untuk menarik minat murid-murid atau kanak-kanak mengekalkan tabiat membaca. Panduan mengenai tahap kebolehbacaan bahan bacaan hendaklah dipamerkan pada kulit buku supaya pihak biro buku teks, ibu bapa dan guru mata pelajaran mendapat maklumat mengenai tahap kebolehbacaan sesebuah bahan bacaan untuk dipadankan dan disesuaikan dengan murid-murid atau anak-anak yang masih berada di sekolah rendah.

Selain itu juga, pihak penerbit buku juga dapat membantu para penulis buku bagi menghasilkan sesebuah karya yang berkualiti mengikut kumpulan fokus pembaca. Jika kumpulan fokusnya adalah kanak-kanak atau murid-murid di sekolah rendah, penerbit harus memastikan penulis menggunakan perkataan-perkataan yang mudah dan pendek. Suku katanya pula tidak terlalu panjang dan struktur binaan ayatnya terdiri daripada ayat mudah atau ayat selapis. Penetapan ini seperti disarankan oleh Dahlia Janan (2003) bahawa, ayat yang mudah mempunyai sebanyak 10 hingga 12 patah perkataan dan perkataan yang digunakan mestilah biasa digunakan oleh murid-murid.

Penggunaan ilustrasi atau gambar dan penggunaan warna yang terang merupakan aspek yang perlu ditekankan oleh penerbit buku dalam penerbitan sesebuah bahan bacaan. Pihak penerbit perlu memastikan iIllustrasi yang dimuatkan adalah berkaitan dengan jalan cerita yang disampaikan dan penggunaan warna pula mestilah terang. Hal ini bagi menarik minat serta memudahkan pembaca memahami jalan cerita yang disampaikan.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Menerusi kajian yang dijalankan ini, guru perpustakaan terbimbing dalam menentukan tahap kebolehbacaan bahan bacaan terlebih dahulu sebelum dipamer, diletak dan disusun di perpustakaan sekolah. Dengan penentuan tahap kebolehbacaan sesebuah bahan bacaan, guru perpustakaan dapat mengkategori serta menyusun bahan bacaan mengikut tahap kebolehbacaan bahan bacaan. Ini bagi memudahkan murid-murid memilih bahan untuk dibaca mengikut tahun persekolahan mereka. Secara tidak langsung, dengan penyediaan bahan bacaan mengikut pemeringkatan tahap kebolehbacaan ianya dapat membantu murid-murid meningkatkan kemahiran membaca. Hal ini demikian kerana, perkembangan kognitif seseorang adalah secara berperingkat-peringkat dan berbeza-beza. Maka, begitu juga dengan penyediaan bahan bacaan yang disediakan mestilah berperingkat-peringkat mengikut usia dan tahap perkembangan seseorang. Ini jelas dinyatakan oleh Piaget (1896-1980) bahawa perkembangan manusia bermula daripada peringkat deria motor, peringkat praoperasi, peringkat operasi konkrit, dan peringkat operasi formal.

Berdasarkan hasil kajian mengikut lokasi sekolah, pengkaji mendapati terdapat jurang di antara penyediaan bahan bacaan yang terdapat di perpustakaan sekolah antara sekolah bandar dan luar bandar. Tinjauan yang dijalankan mendapati terdapat bahan bacaan yang sama dipilih oleh murid dan guru. Secara tidak langsung, tahap kebolehbacaan bahan bacaan yang terdapat diperpustakaan sekolah tersebut adalah sama. Ini menunjukkan bahawa, bahan bacaan yang terdapat di perpustakaan sekolah adalah terhad kuantitinya. Sehubungan dengan itu, melalui kajian yang dijalankan ini, guru perpustakaan dapat berganding bahu serta bergabung idea dengan guru mata pelajaran, Guru Kanan Bahasa Melayu serta Guru Besar dalam memilih dan menempatkan kepelbagaian bahan bacaan yang mempunyai tahap kebolehbacaan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

yang berbeza-beza untuk diletakkan di perpustakaan sekolah di samping mempunyai kriteria-kriteria yang terhasil daripada kajian yang dijalankan ini.

Pihak Kementerian Pelajaran Malaysia telah mengeluarkan pekeliling mengenai garis panduan pemilihan bahan bacaan tambahan untuk diletakkan di perpustakaan sekolah dan digunakan di sekolah. Malahan pelbagai usaha juga telah dijalankan oleh pihak kementerian dalam menambahbaik fasiliti untuk keperluan proses pengajaran dan pembelajaran murid serta guru di sekolah dengan memilih agen-agen pemasaran buku yang berdekatan dengan lokasi sekolah. Kesempatan ini harus digunakan oleh pihak sekolah terutamanya guru mata pelajaran, guru biro buku teks dan guru perpustakaan dalam menyediakan kepelbagaian bahan bacaan dalam pelbagai tahap supaya penyediaan bahan bacaan ini dapat menarik minat murid untuk mengimarahkan perpustakaan sekolah seterusnya dapat mengekalkan tabiat membaca murid.

Oleh kerana ilmu kebolehbacaan adalah penting dalam menentukan tahap kebolehbacaan sesebuah bahan bacaan untuk dipadankan dengan pembaca, sudah sewajarnya ilmu ini dikembangkan bukan sahaja kepada guru di mana kajian ini dijalankan malahan, di sekolah-sekolah yang lain juga. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa guru tidak memilih bahan bacaan yang berpadanan dengan murid. Sehubungan dengan itu, pengkaji mencadangkan suatu bengkel harus diadakan dan dijalankan dalam mengembangkan ilmu pengetahuan kebolehbacaan ini diperingkat sekolah kepada guru-guru. Ilmu pengetahuan mengenai kebolehbacaan ini penting kepada guru supaya guru tidak memilih bahan bacaan atau teks bergantung kepada tekaan dan pengalaman guru semata-mata. Cara ini menurut Khadijah Rohani (2002)

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

merupakan cara yang terlalu subjektif kerana bergantung kepada idiosinkrasi seseorang.

5.4 Kajian lanjutan

Kepentingan ilmu kebolehbacaan adalah dengan meramal serta menyesuaikan sesebuah bahan bacaan dengan pembacanya. Penentuan ini sewajarnya dijalankan di peringkat sekolah. Hal ini demikian kerana bermula di sekolah lahirnya seorang cendekiawan dan bakal pemimpin yang akan meneraju negara. Oleh yang demikian, pengkaji merasakan perlunya ada kajian lanjutan bagi mengisi kelompangan yang tidak dapat dikenalpasti di dalam kajian yang dilakukan ini. Maka, cadangan kajian lanjutan yang boleh dijalankan pada masa akan datang adalah:

1. Di dalam kajian ini, kajian dijalankan di sekolah rendah sahaja dengan lokasi kajian dibahagikan kepada lokasi bandar dan luar bandar. Pengkaji berharap pada masa akan datang, kajian lanjutan dapat dijalankan ke atas murid-murid di sekolah menengah pula untuk mengetahui tahap kebolehbacaan bahan bacaan yang dipilih oleh murid dengan membandingkan dengan tahap kebolehbacaan bahan bacaan yang dipilih oleh guru.

2. Kefahaman sesebuah bahan bacaan juga adalah bergantung kepada tahap kebolehbacaan sesebuah bahan bacaan. Sungguhpun demikian, pengkaji tidak mengkaji aspek kefahaman murid ke atas bahan bacaan yang dipilih sendiri dengan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

bahan bacaan yang dipilih oleh guru. Pengkaji berharap pada masa akan datang kajian lanjutan dijalankan dengan menggabungkan aspek tahap kebolehbacaan bahan bacaan dengan aspek kefahaman ke atas bahan bacaan yang dipilih.

3. Tahap kebolehbacaan banyak bertujuan untuk menentukan tahap kebolehbacaan bahan bacaan yang dipilih untuk dipadankan dengan seseorang pembaca. Namun, pengaplikasian tahap kebolehbacaan bahan bacaan tidak boleh mengukur aspek subjektif seperti minat serta emosi seseorang pembaca. Oleh yang demikian, kajian lanjutan boleh dijalankan dengan menggabungkan elemen tahap kebolehbacaan di samping melihat juga aspek minat serta emosi seseorang dengan padanan bahan bacaan tersebut di sekolah rendah mahupun di sekolah menengah.

4. Selain itu juga, di dalam kajian ini, responden murid yang dipilih terdiri daripada murid-murid yang mempunyai penguasaan membaca yang benar-benar setara. Ini adalah kerana kepercayaan pengkaji kepada guru memilih responden murid yang benar-benar boleh membaca dengan baik. Oleh yang demikian, sebagai kajian lanjutan pengkaji boleh membahagikan murid kepada tiga atau dua sampel, iaitu murid yang tinggi, sederhana dan kurang menguasai kemahiran membaca dengan baik untuk mengetahui apakah tahap kebolehbacaan bahan bacaan yang dipilih oleh murid-murid berkenaan serta membuat perbandingan.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

5.5 Kesimpulan

Hasil kajian ini menggambarkan betapa pentingnya ramalan tahap kebolehbacaan sesebuah bahan bacaan sebelum membuat padanan dan penyesuaian dengan pembaca. Kesesuaian bahan bacaan dengan murid mengikut peringkat memainkan peranan yang penting dalam meningkatkan kemahiran membaca dan seterusnya meningkatkan pencapaian murid di dalam bilik darjah. Hal ini merupakan satu rangsangan kepada murid dalam menambah ilmu pengetahuan sedia ada mereka ke tahap yang lebih baik dan tinggi agar murid dapat bersaing dalam kalangan murid yang lain. Seterusnya, murid akan mempunyai keyakinan diri yang tinggi untuk berkomunikasi serta mengeluarkan pendapat yang bernas hasil penyediaan bahan bacaan yang bersesuaian dengan mereka.

Pemilihan bahan bacaan yang mudah akan membantutkan motivasi seseorang murid. Namun demikian, pemilihan bahan bacaan yang sukar tahap kebolehbacaannya pula, boleh menyekat atau mengurangkan minat serta tabiat dalam kalangan murid. Sekiranya kita di negara ini benar-benar percaya bahawa buku, bahan bacaan atau teks dengan minat membaca penting untuk diri kita serta pembangunan negara pada masa akan datang, langkah awal perlu diambil dengan memperluaskan penyebaran ilmu kebolehbacaan dengan bersungguh-sungguh. Kesungguhan ini dapat mewujudkan suatu keadaan yang boleh menimbulkan dan membawa kepada kesedaran terhadap buku atau *book conscious* (Hassan Ahmad, 1988).

Ramalan terhadap sesebuah bahan bacaan atau teks yang ingin diberikan kepada seorang murid bukanlah sekadar pengetahuan yang perlu diketahui oleh

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

seorang guru. Ramalan ini adalah ilmu yang harus dikuasai bukan sahaja kepada guru yang mengajar subjek bahasa Melayu sahaja, malahan guru lain juga harus menguasainya. Hal ini demikian kerana, bahan bacaan amat sinonim dengan aktiviti membaca. Sekiranya bahan bacaan yang diberikan sukar, guru tersebut telah menyukarkan peningkatan kemahiran membaca dan penyebaran ilmu pengetahuan serta maklumat baru kepada murid. Namun, sekiranya bahan bacaan tersebut adalah senang, murid akan berasa bosan dan akan malas untuk membaca. Oleh itu, melalui kajian yang dijalankan ini, guru terpandu untuk meramal sesebuah bahan bacaan untuk dipadankan dengan seseorang murid mengikut peringkat persekolahan.

Oleh yang demikian, sudah sampai masanya pendidik membuat pemilihan bahan bacaan menggunakan cara yang objektif untuk menilai dan menentukan tahap kebolehbacaan bahan bacaan dengan melihat sama ada penggunaan perbendaharaan kata dan struktur ayat itu sesuai dengan kebolehan membaca dan peringkat bacaan murid supaya tidak menghalang kemajuan murid dalam memahami dan membuat gerak balas ke atas maklumat yang terdapat di dalam bahan bacaan tersebut. Hal ini demikian kerana pengetahuan memadankan bahan bacaan dengan murid, bukan sahaja merangkumi aspek persembahan pada bahan bacaan serta struktur organisasi yang menarik semata-mata, malahan struktur perbendaharaan kata seperti perkataan yang mudah dan biasa digunakan serta struktur ayat yang mudah atau ayat berlapis, boleh menentukan kebolehbacaan sesebuah bahan bacaan.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Rujukan

Abd. Aziz Abd. Talib (2000). Pedagogi bahasa Melayu. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.

Abdul Hakeem Misnan (2014). *Kriteria Pemilihan Bahan Bacaan Bahasa Melayu Dalam Kalangan Murid Sekolah Kebangsaan* (Disertasi yang tidak diterbitkan). Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim.

Abdul Sukor Shaari (2010). *Guru berkesan petua dan panduan*. Sintok, Kedah: Penerbit Universiti Utara Malaysia.

Arba'ie Sujud & Nik Rafidah Nik Muhamad Affenndi (2011). Pembentukan emosi kanak-kanak melalui bahan bacaan sastera. *Jurnal Pengajian Melayu, Jilid 22, 2011*, 66-89.

Abu Bakar Abd Hamid (Febuari, 1988). Bagaimana memupuk budaya membaca. *Dewan Masyarakat.* 11-23.

Alexandra, A. & Lubomir, Z. (2012). The readability of images in textbooks of physics for secondary and grammar schools. Department od Physics, Faculty of natural Science, Constantine the Philosopher University in Nitra. Dilayari pada 23 April 2015 daripada http://webcache.googleusercontent.com/search?q=cache:e8KNtlj7VlgJ:conferences.ukf.sk/index.php/phdconf/phdconf2012/paper/download/995/286+&cd=1&hl=en&ct=clnk

Asmah Haji Omar. (2001). *Kaedah penyelidikan bahasa di lapangan.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Azman Wan Chik. (Febuari, 1986). Kanak-kanak dan bacaan: dari mana hendak ke mana? Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa. *Jurnal Dewan Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa. 123-130.

Bernama (16/8/2011). Penerbitan buku baru cecah 16,000 judul. Berita Harian online. Dilayari pada 5 Mei 2014 daripada http://www2.bharian.com.my/bharian/articles/Penerbitanbukubarucecah16_000judul/Article

Beverley, L. Z. (1988). Readability: Its past, present, and future. *International Reading Association*. Newark: Delaware. 121-143.

Bryman, A. (2008). *Social research methods* (3rd ed.): Oxford University Press.

Burhan Nurgiyantoro. (2005). Tahapan perkembangan anak dan pemilihan bacaan Sastra anak. *Cakrawala Pendidikan, Juni 2005, Th. XXIV, No. 2.*197-216.

Chua, Y. P. (2006). *Kaedah penyelidikan.* Kuala Lumpur: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn Bhd.

Creswell, J. W. (2008). *Educational research: planning, conducting, and evaluating*

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

quantitative and qualitative research. Upper Saddle River, NJ: Pearson/Merrill Prentice Hall.

Dahlia Janan. (2003). *Kebolehbacaan dan kesesuaian teks komponen sastera bahasa Melayu kajian menurunkan indeks kebolehbacaan*. (Disertasi yang tidak diterbitkan). Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim.

Dahlia Janan (2004). Kerangka Teori Kaedah Menurunkan Tahap Kebolehbacaan Bahan dalam Bahasa Melayu. *Proceeding of The First International Language Learning Confrence.* Pulau Pinang: Pusat Bahasa dan Terjemahan, Universiti Sains Malaysia. 463-475.

Dahlia Janan. (2005). Merekayasa amalan pemilihan bahan bacaan bahasa Melayu. *Persidangan Serantau Pendidikan Bahasa Melayu: Merekayasa Pendidikan Bahasa Melayu Untuk Mendepani Cabaran Semasa. Sempena Bulan Bahasa dan Sastera Negara. 16-18 Sept 2005*. Pulau Pinang: Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia. 47-58

Dahlia Janan. (2006). *Penentuan tahap bacaan bahan cerpen kami yang terlibat yang diturunkan tahap kebolehbacaannya*. Kod Penyelidikan UPSI:01-02-65-04. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Dahlia Janan. (2011). *Towards a new model of readability*. (Tesis Doktor falsafah yang belum diterbitkan). United Kingdom: University of Warwick, Institute of Education.

Dahlia Janan. (2012). Implikasi pemilihan bahan bacaan terhadap pencapaian Bacaan dan hubungannya dengan kebolehbacaan. *International Conference: Best Practice in Literacy and Numeracy Pedagogy 2012, 26-11-2012-28-11-2012*. 61-81.

David, H. (1998). *Multimedia technology & application*. Singapore: Delmar Publishers.

David R., Hayes & McEneaney. (1988). Good readers' use of explicitly Cued graphic aids. *Jounal of Literacy Research* 1988 20: 229. DOI: 10.1080/10862968809547641.

Diarani Mat Adam. (11Jun 2012). Melestarikan Terbitan Bahasa Melayu. Dewan Bahasa. Dilayari pada 5 Mei 2014 daripada **http://dwnbahasa.dbp.my/?p=752**

Frank, S. (1955). *Reading*. Cambridge: University Prss

Hayes & Readence. (1983). Transfer of learning from illustration- depend text. *Journal of Educational Research*. 76 (4), 248-254.

Idris Mohd Radzi. (2005). *Hubungan penguasaan strategi metokognitif dalam*

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

pembacaan dengan pencapaian akademik pelajar. Kod Penyelidikan UPSI: 01-02-39-02. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Isahak Haron. (2011). *Kaedah mengajar literasi (awal membaca dan menulis) Bahasa Melayu dengan tumpuan kepada kaedah gabung bunyi-kata (KGBKK)*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Jadikan amalan sepanjang hayat. Dilayari pada 17 Jun 2014 daripada http://www.hmetro.com.my/myMetro/articles/Jadikanamalansepanjanghayat//Article/article_print

James, P. B. (2008). *Cognitive development and learning in instructional Contexts*. Boston: Pearson Allyn and Bacon.

Jamye, A., Lauren, S., Laurie, M. (2002). The influence of illustration in Children's Storybooks. Reading Psychology, Vol 23 (4), 329-339. Dilayari pada 24 April 2015 daripada http://www.laurenscharff.com/research/develread.html.

Jamilah Ahmad (1991). *Hubungan antara tahap kebolehbacaan dengan kriteria pemilihan buku teks bahasa malaysia sekolah menengah (*Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Joan, L. C., Greg, C. (2005). *Child development principle & Perspectives*. Boston: Pearson.

John W. C. (2009). *Research design qualitative, quantitative, and mixed Methods approaches*. America: SAGE Publication, Inc.

John, J. P. (2004). *Readability*. Houghton Miffin

Khadijah Rohani (1990). Formula Kebolehbacaan: Satu cara menilai bahan bahasa Melayu dan Juriah Long dan Noor Ein Mohd Noor: Alat dan bahan pengajaran bahasa Malaysia. Persatuan Linguistik Malaysia, Kuala Lumpur. 146-161.

Kamarulzaman Kamaruddin (2012). *Psikologi perkembangan panduan untuk guru*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Khadijah Rohani (1982). An Assesment of Structural Variables in Malays: Readability Formula. (Tesis Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan). University of Miami, Miami.

Khadijah Rohani (1987). Formula kebolehbacaan: satu cara objektif untuk Menetukan tahap kebolehbacaan bahan-bahan bacaan. *Jurnal Dewan Bahasa, April 1987*. 274-288

Khadijah Rohani (1990). *Formula kebolehbacaan: Satu cara menilai bahan bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Persatuan Linguistik Malaysia.

Khalid Mohamed Nor (1993). *Kaedah pembelajaran berkesan*. Kuala Lumpur:

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Cahaya pantai (M) Sdn. Bhd

Khairuddin Mohamad (2011). *Literasi bahasa Melayu*. Selangor: Oxford Fajar Sdn. Bhd

Laporan Tahunan KPKK 2011 (2011) Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan .

M. Ngalim Purwanto (1992). *Psikologi pendidikan* . Bandung: PT Remaja Rosda Karya.

Mahzan Arshad (2003). *Pendidikan literasi di Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors.

Mahzan Arshad (2007). Tinjauan terhadap persembahan buku kanak-kanak di Malaysia. *Jurnal Pendidikan 2007, Jilid 27 (1).* Kuala Lumpur: Universiti Malaya. 201-216

Mahzan Arshad (2008). *Pendidikan literasi bahasa Melayu. strategi perancangan dan perlaksanaan*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors

Mahzan Arshad (2012). *Pendidikan literasi awal kanak-kanak: teori dan amali*. Perak: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Maisarah Saidin & Latifah Abdul Majid (2012). Pembentukan jati diri kanak-kanak melalui bahan bacaan bahasa Malaysia. *Jurnal Hadhari 4 (1) (2012) 77-102*. Dilayari pada 5 Mac 2014 daripada www.ukm.my/jhadhari

Marohaini Yusoff (1989). *Strategi pengajaran bacaan dan kefahaman*. Kuala Lumpur: Karya Bistari.

Mas Zuraini (2009). *Tahap Kebolehbacaan Teks KOMSAS*. (Tesis Sarjana yang tidak Diterbitkan). Jabatan Pengajian Media, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Mat Nor Hussin & Ab. Rahman Ab. Rashid (1988). *Alat bantu mengajar dalam pengajaran bahasa*. Selangor: Longman.

Melonjak kualiti pendidikan negara. *Mingguan Malaysia*. Ahad, 9 September 2012, ms. 7 (Segmen Wawancara)

Mok, S. S. (2009). *Literatur dan kaedah penyelidikan*. Perak: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.

Mok, S. S. (2011). *Psikologi pendidikan*. Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn Bhd.

Mok, S. S. (2011). *Perkembangan kanak-kanak*. Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn Bhd.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

Noraini Idris (2013). *Penyelidikan dalam pendidikan. Edisi kedua*. Selangor: Mc Graw Hill Education.

Pengurusan Sumber Pendidikan dilayari pada 31 Oktober 2013 daripada http://bibliografi.moe.edu.my/SumberPendidikan/index.php/faqs/214-program-nilam.html

Quote Investigator. Diterbitkan pada 19 Mac 2013. Dilayari pada 5 Mac 2014 daripada **http://quoteinvestigator.com/2013/03/19/tech-surpass/#return-note-5694-1**

Republika Online. Diterbitkan pada 9 Januari 2014. Dilayari pada 5 Mac 2014 daripada **http://www.republika.co.id/berita/humaira/samara/14/01/08/mz2kif-6-dampak-buruk-anak-terlalu-lama-menonton-tv-1** **http://www.republika.co.id/berita/humaira/samara/14/01/08/mz2klg-6-dampak-buruk-anak-terlalu-lama-menonton-tv-2**

Rudolf, F. (1955). *Why Johny Can't Read*. New York: Harper & Brothers.

Salmah Hj. Ayob (1981). Sastera untuk kanak-kanak: Fungsi dan implikasinya. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan. Jld. 3 Bil. 1 Jan. 1981*

Siti Ezaleila Mustafa & Shahrul Nazmi Sannusi (2012). Majalah sebagai bahan bacaan kanak-kanak: analisis elemen editorial terhadap Kuntum, E-Baca dan Ana Muslim. *Jurnal Pengajian Media Malaysia. Vol. 14, No. 2, 2012.* 55-65

Stephen, L. & Nick, F. (2011). The readability of academic papers in the Journal of Property Investment & Finance. *Journal of Property Investment & Finance. Vol. 29. No. 6. 2001*. 693-704.

Tajul Aripin (2006). Masalah Penguasaan Kemahiran Membaca Di Kalangan Murid-murid Prasekolah dalam Idris Mohd Radzi dan Dahlia Janan: *Mengajar dan belajar bahasa Melayu: Penyerapan kemahiran bernilai tambah*. Tanjung Malim: Penerbit UPSI.

Tamam Timbang, Zamri Mahamod & Afendi Hamat (Mei, 2011). Faktor dan kesan masalah membaca dalam kalangan murid sekolah rendah kerajaan di Brunei Darussalam. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu. ISSN: 2180-4842, Vol 1, Bil. 1*. 89-107.

U-Pustaka sedia khidmat perpustakaan di hujung jari. *Berita Harian*, Jumaat 6 Disember 2013, ms. 34 (Segmen Nasional)

Yahya Othman & Ghazali Mustapha (2005). Perspektif proses membaca teks bahasa Melayu. *Merekayasa Pendidikan Bahasa Melayu. 16-18 Sep 2005*. Pulau Pinang: Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan USM. 273-284.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Yahya Othman & Dayang Raini Pakar (Mei, 2011). Kesan perisian cerita interatktif semasa mengajarkan kemahiran bacaan dan kefahaman dalam kalangan murid tahun 4 di Brunei Darussalam. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu. ISSN: 2180-4842, Vol 1, Bil. 1*. 27-49.

Yenni Rozimela (2014). The student's genre awarenenss and their reading comprehension of different text types. *International Jounal of Asiian Social Science, 2014, 4 (4), 460-469*.

Zainiah Mohamed Isa (2009). Pemilihan Buku Bacaan Bahasa Melayu yang sesuai untuk Kanak-kanak di Malaysia. *Jurnal Bitara*, Vol 2 (2009), 45-57.

Zainiah Mohamed Isa (2008). Ciri-ciri buku cerita yang terdapat di dalam bilik darjah prasekolah. *Konvensyen Pendidikan* Nasional (KONPEN), 2-4 Jun 2008. Dilayari pada 3 Mei 2014 daripada http://www.scribd.com/doc/55863388/Ciri-ciri-Buku-Cerita-yang-Terdapat-di-dalam-Bilik-Darjah-Prasekolah

Zahiruddin Zabidi (2013). Perjuangan dunia buku di Malaysia. Diterbitkan pada 13 September 2013.dilayari pada 5 Mac 2014 daripada http://www.themalaysianinsider.com/rencana/article/perjuangan-dunia-buku-di-malaysia-zahiruddin-zabidi

Zamri Mahamod & Mohamed Amin Embi (2005). Strategi pembelajaran bahasa Melayu mengikut jantina di luar kelas. *Jurnal Pendidikan 30 (2005)*. 51-73.

Zhihui, F. (1996). Illustration, text, and the child reader: what are picture pictures in childrend's storybooks for? Reading Horizon, 1996, volume 37, #2. Halaman 130-142.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

LAMPIRAN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

LAMPIRAN 1

Cara mengira dan menggunakan Formula kebolehbacaan Khadijah Rohani (1982)

Anak Itik Yang Hodoh	
I/bu/ i/tik/ se/dang/ me/nung/gu/ te/lur/-te/lur/nya/ me/ne/tas/. Ti/dak/ la/ma/ ke/mu/di/an/, te/lur/-te/lur/ i/tu/ re/tak/ dan/ me/ne/tas/37.	Patah perkataan: 14 Suku kata:37 Ayat : 2
Te/lur/ ter/a/khir/ me/ne/tas/ i/a/lah/ te/lur/ yang/ ter/be/sar/. A/nak/ i/tik/ i/tu/ le/bih/ be/sar/ da/ri/pa/da/ a/nak/-a/nak/ i/tik/ yang/ la/in/!77	Patah perkataan: 17 Suku kata:40 Ayat: 2
A/nak/-a/nak/ i/tik/ i/tu/ ter/jun/ ke/ da/lam/ ko/lam/ me/ngi/kut/ i/bu/ me/re/ka/100.	Patah perkataan: 10 Suku kata: 23 Ayat: 1
Ke/mu/di/an/ i/bu/ i/tik/ mem/ba/wa/ a/nak/-a/nak/nya/ ke/ la/dang/119. Ke/a/da/an/ di/ si/tu/ sa/ngat/ bi/sing/. I/tik/ dan/ a/yam/ a/da/ di/ ma/na/-ma/na/. Me/re/ka/ me/nga/ta/kan/ a/nak/ i/tik/ yang/ be/sar/ i/tu/ ho/doh/160.	Patah perkataan: 26 Suku kata:60 Ayat: 4
Me/re/ka/ me/ma/tuk/ sam/bil/ me/nge/jar/ a/nak/ i/tik/ i/tu/. A/nak/ i/tik/ i/tu/ be/ra/sa/ se/dih/ dan/ ke/su/nyi/an/.193 11	Patah perkataan: 14 Suku kata: 33 Ayat: 2
Pa/da/ su/a/tu/ ma/lam/, a/nak/ i/tik/ i/tu/ me/la/ri/kan/ di/ri/. I/a/ te/rus/ ber/la/ri/ se/hing/ga/ sam/pai/ ke/ se/bu/ah/ ru/mah/ ke/cil/232.	Patah perkataan: 17 Suku kata:39 Ayat: 2
Di/ ru/mah/ i/tu/ a/da/ se/o/rang/ wa/ni/ta/ tu/a/. Di/a/ me/me/li/ha/ra/ se/e/kor/ ku/cing/ dan/ se/e/kor/ i/bu/ a/yam/ 267.	Patah perkataan: 15 Suku kata: 35 Ayat: 2
Ku/cing/ dan/ i/bu/ a/yam/ meng/ha/lau/ a/nak/ i/tik/ i/tu/. A/nak/ i/tik/ i/tu/ pun/ per/gi/ da/ri/ si/tu/ de/ngan/ se/dih/nya/301. I/a/ ber/la/ri/ ke/ da/lam/ se/mak/ tem/pat/ ting/gal/ i/tik/-i/tik/ li/ar/. Me/re/ka/ me/ma/tuk/nya/ ber/ka/li/-ka/li/333.19	Patah perkataan: 29 Suku kata: 66 Ayat: 4
A/nak/ i/tik/ i/tu/ me/la/ri/kan/ di/ri/ se/ka/li/ la/gi/.	Patah perkataan: 20 Suku kata: 47

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

Cu/a/ca/ sa/ngat/ se/juk/. I/a/ nam/pak/ be/be/ra/pa/ e/kor/ bu/rung/ ber/le/her/ pan/jang/ ter/bang/ di/ u/da/ra/380.	Ayat: 3
I/a/ ber/fi/kir/, "Be/ta/pa/ ba/ik/nya/ ji/ka/ a/ku/ men/ja/di/ se/per/ti/ me/re/ka/404." 23	Patah perkataan: 9 Suku kata: 24 Ayat: 1
Se/o/rang/ pe/la/dang/ men/jum/pa/i/ a/nak/ i/tik/ i/tu/. Di/a/ mem/ba/wa/nya/ pu/lang/. A/nak/-a/nak/nya/ men/ja/ga/ dan/ mem/be/ri/ ma/kan/ ke/pa/da/ a/nak/ i/tik/ i/tu/ 497. 30	Patah perkataan: 18 Suku kata: 47 Ayat: 3
A/pa/bi/la/ a/nak/ i/tik/ i/tu/ su/dah/ pu/lih/, ka/nak/-ka/nak/ i/tu/ i/ngin/ ber/ma/in/-ma/in/ de/ngan/nya/. A/nak/ i/tik/ i/tu/ ber/la/ri/ ke/ sa/na/ ke/ ma/ri/ se/hing/ga/ ter/lang/gar/ su/su/, te/pung/ gan/dum/ dan/ te/lur/. I/bu/ ka/nak/-ka/nak/ men/je/rit/ ke/pa/da/nya/, “Ke/lu/ar/ da/ri/ si/ni/577!”33	Patah perkataan: 33 Suku kata: 80 Ayat: 3
A/nak/ i/tik/ i/tu/ ber/la/ri/ ke/lu/ar/. I/a/ te/rus/ ber/la/ri/ ke/ tem/pat/ ja/uh/. I/a/ ber/sem/bu/nyi/ di/ da/lam/ rum/put/ yang/ pan/jang/615.	Patah perkataan: 18 Suku kata: 38 Ayat: 3
Ke/mu/di/an/ mu/sim/ bu/nga/ ti/ba/ dan/ ma/ta/ha/ri/ ber/si/nar/ se/mu/la/. A/nak/ i/tik/ i/tu/ mem/bu/ka/ sa/yap/nya/. I/a/ men/da/pa/ti/ sa/yap/nya/ men/j/adi/ ku/at/ dan/ ber/war/na/ pu/tih/. I/a/ me/ngi/bas/-ngi/bas/kan/ sa/yap/nya/ dan/ men/da/pa/ti/ di/ri/nya/ bo/leh/ ter/bang/691.	Patah perkataan: 29 Suku kata: 76 Ayat: 4
Ke/ti/ka/ ter/bang/ me/ren/ta/si/700 ta/sik/, ti/ga/ e/kor/ swan yang/ can/tik/ me/mang/gil/nya/, “Ma/ri/ ke/ si/ni/ dan/ ber/ma/in/ ber/sa/ma /ka/mi/ 727.” 41	Patah perkataan: 17 Suku kata: 36 Ayat: 1
Jumlah keseluruhan	Patah perkataan:308 Suku kata: 727 Ayat: 41

1) Jumlah ayat	: 41
2) Purata perkataan	$\frac{Jumla\ h\ Perkataan}{Jumla\ h\ Ayat}$:

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

	: $\frac{308}{41}$:7.5121
3) Jumlah suku kata	727
4) Darabkan (2) dengan 0.3793	7.5121 X 0.3793 = 2.8493
5) Darabkan (3) dengan 0.0207	727 X 0.0207 = 15.0489
6) Campurkan (4) dengan (5)	2.8493 + 15.0489 = 17.8982
7) Tolakkan 13.988 daripada (6)	17.8982 – 13.988 = -0.0051
8) Tahap kebolehbacaan	3.9

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

LAMPIRAN 2

Borang Ciri-ciri Fizikal Bahan Bacaan Pilihan Murid dan Guru

Ciri-ciri Fizikal	
Tajuk	
Penulis / Pengarang	
Pelukis ilustrasi	
Tahun terbitan	
Penerbit	
